



Kementerian Belia dan Sukan
Malaysia



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA
Institut Penyelidikan Pembangunan
Belia Malaysia

Malaysian Journal of Youth Studies

VOLUME
JILID 23

ISSN 2180-1649

DECEMBER
DISEMBER 2020

Makalah/Articles

Gangguan Seksual Di Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Perempuan: Satu Tinjauan
Mohd Azrin Mohd Nasir & Nurul Fatimah Mohd Rosdi

Pengaruh Gaya Pemantauan Media Ibu Bapa Muda Terhadap Tingkah Laku Agresif Kanak-Kanak Yang Terdedah Dengan Gajet
Maizatul Haizan Mahbob & Mohd Isma Fahmie Nordin Ahmad

Profil Deskriptif Sosio-Demografi Dan Sosio-Ekonomi Ahli Gengsterisme Remaja India Di Sungai Petani, Kedah
Pavithran A/L Yolaganathan, Norruzeyati Che Mohd Nasir, Mohammad Rahim Kamaluddin, Mohd Alif Jasni & Ahmad Shukri Abdul Hamid

Meaning In Life Of Malaysian Adolescents: A Qualitative Study
Khoo Yi Shin & Zhooriyati Sehu Mohamad

Who Makes You To Be You? (The Influence Of The Attitude Change In Communication Among Youth)
Mohd Yusof Zulkefli, Ho Wai Khang, Lee Say Yik, Lim Tiong Lei, Gwee Jing Xuan, Gim Yuen Ching & Muhamad Arif Hak

Daya Tahan Diri Dari Perspektif Generasi Y Di Terengganu
Nor Ezdanie Omar & Muhamad Noh Abdullah



Penaung / Patron

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican
Menteri Belia dan Sukan Malaysia

Pengerusi / Chairman

YBrs. Dr. Vellapandian Ponnusamy
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Ketua Editor Eksekutif / Chief Executive Editor

YBhg. Prof. Dr. Ismi Arif Ismail - UPM

Editor Eksekutif / Executive Editor

YBrs. Prof. Madya Dr. Ahmad Zabidi Abd. Razak - UM
YBrs. Prof. Madya Dr. Mohammad Rahim Kamaluddin - UKM

Sekretariat / Secretariat

Mastura Mohammad - IYRES
Shahhanim Yahya - IYRES
Shariffah Mamat - IYRES
Nuurul Mizaan Ya'cob - IYRES
Mohd Rizal Mohd Sham - IYRES
Asnida Abd Hamid - IYRES
Shah Romnizam Ramli - IYRES
Siti Shazwani Md Yusoo - IYRES

Reviewer/Pewasit

Prof. Dr. Ismi Arif Ismail – UPM
Prof. Dr. Mohd Sofian Omar Fauzee – UUM
Prof. Dr. Haslinda Abdullah – UPM
Prof. Dr. Mohd Fazli Sabri – UPM
Prof. Madya Dr. Mohd Sobhi Ishak – UKM
Prof. Madya Dr. Fazilah Idris – UKM
Prof. Madya Dr. Ahmad Zabidi Abd Razak – UM
Prof. Madya Dr. Habibah Abd. Jalil – UPM
Prof. Madya Dr. Haliza Abdul Rahman – UPM
Prof. Madya Dr. Zaharah Hussin – UM
Prof. Madya Dr. Wendy Yee Mei Tien – UM
Prof. Madya Dr. Nor Afiah Mohd Zulkefli – UPM
Prof. Madya Dr. Siti Zobidah Omar – UPM
Dr. Zulisman Maksom – UTeM
Dr. Mohd Azul Mohamad Saleh – UKM
Dr. Rafidah Aga Mohd Jaladin – UM
Dr. Azmi Abdul Latiff – UTHM
Dr. Norruzeyati Che Mohd Nasir – UUM
Dr. Daniella Maryam Mohamed Mokhtar – UKM
Dr. Nasrudin Subhi – UKM
Dr. Getrude C Ah Gang – UMS
Dr. Noremy Md Akhir - UKM



Malaysian Journal of Youth Studies

VOLUME
JILID **23**

ISSN 2180-1649

DECEMBER
DISEMBER **2020**

Makalah/Articles

- Gangguan Seksual Di Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Perempuan:
Satu Tinjauan** 5-14
Mohd Azrin Mohd Nasir & Nurul Fatimah Mohd Rosdi
- Pengaruh Gaya Pemantauan Media Ibu Bapa Muda Terhadap Tingkah Laku
Agresif Kanak-Kanak Yang Terdedah Dengan Gajet** 15-30
Maizatul Haizan Mahbob & Mohd Isma Fahmie Nordin Ahmad
- Profil Deskriptif Sosio-Demografi Dan Sosio-Ekonomi Ahli Gengsterisme
Remaja India Di Sungai Petani, Kedah** 31-41
Pavithran A/L Yolaganathan, Norruzeyati Che Mohd Nasir, Mohammad Rahim
Kamaluddin, Mohd Alif Jasni & Ahmad Shukri Abdul Hamid
- Meaning In Life Of Malaysian Adolescents: A Qualitative Study** 42-52
Khoo Yi Shin & Zhooriyati Sehu Mohamad
- Who Makes You To Be You? (The Influence Of The Attitude Change In
Communication Among Youth)** 53-69
Mohd Yusof Zulkefli, Ho Wai Khang, Lee Say Yik, Lim Tiong Lei, Gwee Jing
Xuan, Gim Yuen Ching & Muhamad Arif Hak
- Daya Tahan Diri Dari Perspektif Generasi Y Di Terengganu** 70-83
Nor Ezdanie Omar & Muhamad Noh Abdullah
- Profil Sosio-Demografi Mat Motor Di Pulau Pinang, Malaysia** 84-97
Zalmizy Hussin & Siti Rohana Ahmad

Sokongan Serta Peranan Ahli Keluarga Dan Masyarakat Untuk Penagih Bebas Dadah	98-113
Wan Nur Nazihah Wan Hamzah, Mohammad Mujaheed Hassan, Farah Husna Anwar, Wan Munira Wan Jaafar & Amna Md Noor	
A Health Belief Perspective Of Quit Smoking Clinic Attendees Intention To Quit Smoking	114-123
Ooi Swee Yaw, Thinavan Periyayya & Santhidran Sinnappan	
Factors That Influence The Perceived Risk Towards E-Wallet Platform In Malaysia	124-136
Nurul Nabilah Mohd Razif, Masnita Misiran, Zahayu Md Yusof & Hasimah Sapiri	
Pengaruh Teknologi Media Terhadap Penguasaan Bahasa Inggeris Golongan Remaja Milenial: Satu Kajian Kualitatif	137-147
Ainul Mardhiyah Mat Yusoff & Mohd Azrin Mohd Nasir	
Perkaitan Media Massa Dengan Akhlak Pelajar, Kajian Kes: Universiti Putra Malaysia	148-157
Farah Husna Anwar, Mohammad Mujaheed Hassan, Wan Nur Nazihah Wan Hamzah, Samir Muhazzab Amin & Azlina Mohd Khir	

GANGGUAN SEKSUAL DI MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA PEREMPUAN: SATU TINJAUAN

MOHD AZRIN MOHD NASIR & NURUL FATIAH MOHD ROSDI

ABSTRAK

Kajian dilakukan adalah berkaitan dengan gangguan seksual di media sosial memandangkan masalah ini berlaku dalam kalangan pengguna media sosial kini. Jika dilihat, golongan wanita dan remaja perempuan cenderung menjadi mangsa gangguan seksual di media sosial. Oleh itu, kajian ini berfokus kepada remaja perempuan yang aktif menggunakan media sosial di mana pengkaji ingin mengetahui pengalaman remaja perempuan tentang gangguan seksual di media sosial dan tahap kesedaran mengenai gangguan seksual serta pengetahuan tentang kesan gangguan seksual kepada individu. Seramai 100 orang responden yang dipilih dan terlibat dalam kajian ini. Kajian ini juga menggunakan persampelan bertujuan dengan menetapkan kriteria-kriteria tertentu iaitu (a) remaja perempuan berumur 12 sehinggalah 24 tahun, (b) mempunyai akaun sosial media yang aktif (WhatsApp, Facebook, Twitter, Instagram, Wechat, Bigo Live, TikTok, dan Tinder), dan (c) menggunakan sosial media lebih daripada 3 jam sehari. Soal selidik diedarkan secara atas talian di media sosial menggunakan pautan khas. Data kajian dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif peratusan. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan remaja perempuan mempunyai pengalaman gangguan seksual di media sosial, namun mereka mempunyai pengetahuan dan kesedaran tentang gangguan seksual dan kesannya terhadap diri mereka. Walaupun begitu, masih ramai tidak tahu mengenai aspek perundangan dan aduan dan ianya perlu penambahbaikan. Oleh itu, program kesedaran dan pemantauan bagi golongan remaja perempuan ini boleh dilaksanakan pelbagai pihak sama ada sekolah, institusi pendidikan tinggi dan ibu bapa bagi mengelakkan gangguan seksual ini terus berlaku di media sosial.

Kata Kunci: Remaja Perempuan, Gangguan Seksual, Media Sosial, Tinjauan

ABSTRACT

This study is related to sexual harassment on social media as this issue is prevalent among social media users today. When we look at women and teenagers, they tend to be victims of sexual harassment on social media. This study focuses on girls who are actively using social media. This study seeks to find out about teenage experiences of sexual harassment on social media and the level of awareness of sexual harassment as well as knowledge of the effects of sexual harassment on individuals. A total of 100 respondents were involved in this study. The study also used a purposive sampling procedure with several specific criteria: (a) girls aged 12 to 24 years old, (b) having an active social media account (WhatsApp, Facebook, Twitter, Instagram, Wechat, Bigo Live, TikTok, and Tinder), and (c) actively used a social media for more than 3 hours per day. The survey was distributed online using a special link. The study data were analyzed using descriptive statistical analysis (percentage). The study found that mostly adolescent girls had experiences of sexual harassment on social media, but they did have the knowledge and awareness of sexual harassment and its effects on themselves. However, many teenagers have no knowledge of legal aspects and how to do complaints and it needs some improvement. Therefore, awareness and monitoring programs for these girls can be implemented by various parties, schools, higher education institutions and parents to prevent sexual harassment on social media.

Keywords: Teenage Girls, Sexual Harrastment, Sosial Media, Survey

PENGENALAN

Pada zaman yang serba moden ini, masyarakat telah menggunakan media sosial untuk berhubung secara maya, berkongsi gambar dan video. Fenomena ini menjadikan media sosial sebagai alat interaksi yang popular di serata dunia dan turut menjadi keperluan kepada manusia. Selain itu juga, kemajuan teknologi kini telah mendedahkan kita dengan pelbagai jenis aplikasi yang canggih dan penggunaan media sosial yang semakin meluas di seluruh dunia tanpa mengira peringkat umur dan lapisan masyarakat. Akaun media sosial juga menjadi identiti kepada sesetengah individu. Namun jika kita lihat penggunaan media sosial ini lebih tertumpu dalam kalangan remaja dan ia telah menjadi satu gaya hidup bagi remaja masa kini. Diantara media sosial yang popular pada masa kini adalah seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter*, dan *Wechat*. Pada tahun 2008 adalah tahun pencetus kepada pembangunan media sosial terutama jaringan sosial, *Facebook* menjadi pemain utama, sehinggalah *Myspace* telah mengubah fokusnya kepada muzik dan wayang, *Friendster* menjadi peneraju di Asia Tenggara (Siti Ezaliela Mustafa & Azizah Hamzah, 2010). Ini juga merupakan persaingan diantara syarikat yang membekalkan perkhidmatan jaringan sosial kerana permintaan sangat tinggi daripada masyarakat dunia. Walaupun media sosial ini memberi wadah baru kepada dunia interaksi jarak jauh, tidak dapat dinafikan juga bahawa media sosial yang wujud berpotensi memudaratkan, sekiranya berlaku penyalahgunaan media sosial ini. Lebih membimbangkan lagi majoriti penggunaanya adalah remaja yang cenderung kepada hiburan dan suka untuk mencuba perkara baru.

Salah satu isu yang melibatkan media sosial ialah gangguan seksual (*sexual harrasment*) yang menjadi topik perbincangan di dada akhbar, berita dan juga media masa. Isu gangguan seksual ini sudah tidak asing lagi dalam masyarakat di negara kita. Kebanyakan gangguan seksual ini sering berlaku terhadap golongan wanita memandangkan wanita dianggap sebagai golongan yang lemah dan isu wanita menjadi perhatian pada masa sekarang. Statistik menunjukkan bahawa 40 hingga 60 peratus berlaku khusus kepada golongan wanita (Abdul Aziz, 2005). Gangguan seksual ini boleh berlaku tanpa diduga samada di tempat sunyi mahupun di tempat awam. Banyak penyelidik telah menganalisis gangguan seksual dalam interaksi individu di sekolah, tempat kerja, di jalanan, dalam tentera dan sedikit sebanyak di alam maya (Smith, 2016). Hal ini menunjukkan gangguan seksual boleh berlaku di mana-mana sahaja termasuk secara maya atau dalam talian (*online*).

Gangguan seksual di alam maya kini boleh berlaku memandangkan ramai pengguna media sosial berkenalan diantara satu sama lain melalui *online dating* atau temujanji dalam talian. *Online dating* ini menjadi kebiasaan atau trend kepada remaja masa kini. Menurut Smith dan Anderson (2015), individu yang masih bujang kebanyakan mencari kaedah dalam talian yang merupakan cara yang terbaik untuk bertemu dengan kenalan maya dan mereka melaporkan bahawa ia dapat membantu mereka mencari pasangan romantis yang lebih baik disebabkan rangkaian yang luas untuk mendapatkan pasangan. Namun, persepsi positif terhadap pengalaman temu janji dalam talian tidak seperti yang dijangkakan dimana tinjauan telah menunjukkan sebanyak 28 peratus daripada data dalam talian yang dilaporkan telah dihubungi oleh seseorang melalui tapak temu janji atau aplikasi dalam talian dengan cara yang mengganggu. Oleh hal yang demikian, bagi mereka yang gemar melayari aplikasi sosial untuk mencari pasangan atau *online dating* mudah terdedah untuk menjadi mangsa gangguan seksual. Sehubungan itu, gangguan seksual di media sosial kebiasaannya berbentuk komen atau menerima mesej yang agak mengganggu pengguna. Mesej-mesej yang tidak sopan atau berunsur lucah mewujudkan rasa tidak selesa kepada pengguna media sosial yang menjadi mangsa kepada pelaku seksual ini. Gangguan seksual di media sosial ini juga berbahaya kerana pelakunya tidak dapat disangka dan kebanyakan identiti pelaku tersebut sukar untuk diketahui oleh mangsa (Zainal Abidin, Kamaluddin & Shaari, 2018).

Kebanyakan mangsa gangguan seksual ini hanya mendiamkan diri dan tidak melaporkan kepada pihak yang berkenaan disebabkan oleh pelbagai faktor. Menurut Presiden Persatuan Perikatan Persaudaraan Wanita Selangor, Puan Radziah Radzi melaporkan kepada Berita Harian bahawa mangsa bimbang dengan budaya dan stigma masyarakat yang sering menyalahkan mangsa apabila mereka berhadapan dengan kejadian gangguan seksual (Hidaya Mohammad, 2018). Mangsa juga rasa bersalah selain takut dengan prosedur untuk melaporkan kepada pihak berkuasa. Statistik telah menunjukkan

sebanyak 80 peratus kes gangguan dan serangan seksual dalam kalangan wanita tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa meskipun disediakan talian aduan. Isu gangguan seksual ini seharusnya perlu diberi perhatian oleh masyarakat awam kerana ia boleh memberi impak yang negatif kepada mangsa. Ramai wanita perlu lebih berhati-hati dan peka tentang tindakan yang perlu diambil sekiranya ia berlaku kepada mereka dengan melaporkan isu ini kepada pihak yang berautoriti. Masalah ini perlu ditangani agar tidak menjadi barah dalam masyarakat kita.

Pengguna media sosial di Malaysia dilaporkan berdepan dengan gangguan seksual secara dalam talian dan masalah ini dilihat kian meningkat (Hidaya Mohammad, 2018). Golongan wanita terutamanya remaja perempuan sering menjadi mangsa gangguan seksual di media sosial. Satu kajian oleh Duggan dan Brenner (2013) di mana wanita lebih aktif di media sosial berbanding golongan lelaki dan kehidupan wanita banyak dipengaruhi oleh media sosial. Kajian tersebut menunjukkan bahawa golongan wanita lebih banyak menghabiskan masa melayari media sosial dan sering mengikut perkembangan di media sosial. Oleh itu, mereka lebih berisiko untuk menjadi mangsa gangguan seksual di media sosial. Gangguan seksual ini memberi ancaman kepada wanita dan boleh dianggap sebagai ancaman terhadap golongan wanita, terutamanya remaja. Selain itu juga, masih ramai golongan remaja perempuan tidak mengetahui dan kurang jelas dengan jenis-jenis gangguan seksual di media sosial serta terdapat segelintir remaja perempuan masih lagi alpa dengan masalah ini serta menganggap remeh sehinggalah gangguan seksual ini terjadi kepada diri mereka. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat bentuk gangguan seksual, tahap kesedaran terhadap gangguan seksual dan kesan gangguan seksual dalam kalangan remaja perempuan kini.

OBJEKTIF

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana isu gangguan seksual ini berlaku dalam kalangan remaja perempuan dan melihat tahap kesedaran remaja terhadap gangguan seksual dan pengetahuan tentang kesan sekiranya diganggu.

SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan tinjauan literatur, terdapat beberapa kajian yang membincangkan permasalahan gangguan seksual ini. Jika didapati remaja adalah golongan utama pengguna kepada sosial media. Dalam kajian Khusnul Hanafi dan Mohd Helmi Abd Rahim (2007) didapati bahawa tahap penggunaan media sosial dalam kalangan remaja adalah berada di tahap tinggi. Kajian ini membuktikan bahawa media sosial memainkan peranan yang besar dalam kebebasan suara remaja, terutamanya di institusi pendidikan. Ini menyebabkan remaja memilih media sosial untuk mereka bebas berekspresi tentang pemikiran, emosi dan minat. Menurut kajian Dimyati dan Mohamad Salleh (2018), golongan remaja menggunakan media sosial untuk tujuan mendapatkan maklumat, berkongsi maklumat, pendidikan dan bersosial dan mengekalkan persahabatan.

Menurut Alzaharin Alias dan Mohd Nasaruddin Parzi (2015) melaporkan media sosial merupakan daya penarik yang tinggi terhadap minat remaja sehingga boleh menyebabkan ketagihan melampau dan media sosial antara medium komunikasi paling popular pada abad ini sehingga sudah menjadi sebahagian keutamaan hidup. Keadaan ini membimbangkan apabila remaja cenderung untuk menunjukkan apa yang dilakukan oleh mereka di media sosial iaitu remaja memberikan maklumat peribadi kepada individu yang tidak dikenali, termasuk memberikan gambar fizikal diri mereka (55%). Terdapat 29 peratus remaja telah memuat naik maklumat yang salah, gambar yang memalukan dan menyebarkan maklumat yang tidak baik mengenai seseorang. Remaja juga cenderung menyebarkan maklumat peribadi atau memalukan tanpa kebenaran pihak yang terlibat (24%), dan 29 peratus remaja menjadi mangsa dihempap atau cuba dihubungi oleh individu yang tidak dikenali serta sebanyak 22 peratus remaja mengalami *cyberpranked* (satu daripada buli siber dengan mengaibkan orang lain). Tingkah laku ini berlaku oleh kerana remaja tidak didedahkan dengan etika penggunaan dan banyak menghabiskan masa melayari internet iaitu selama sekurang-kurangnya empat jam sehari.

Tingkah laku gangguan seksual berdasarkan Akta Multimedia dan Komunikasi 1998 adalah memberikan kandungan yang sumbang, lucu, palsu mengancam atau jelik sifatnya. Gangguan secara bertulis ataupun teks serta melalui imej serta gambar yang dihantar bersifat lucu dan penerimaan mesej atau gambar lucu tersebut menjadikan penerima berasa terganggu (Abd Aziz, 2005). Kenyataan ini di sokong oleh kajian yang dijalankan oleh Mustafa (2016) di mana remaja yang menggunakan sosial media kerap menggunakan perkataan kurang menyenangkan dengan bahasa yang tidak sopan dan berlaku gangguan seksual.

Dalam pada itu, hasil kajian Indeks Kesopanan Digital (DCI) yang dijalankan oleh *Microsoft* di 23 buah negara termasuk Malaysia mendapati rakyat di negara ini terdedah kepada lima risiko di dalam talian iaitu, kira-kira 30% menerima mesej berunsur seksual atau lucu, gangguan dalam talian (28%), menerima sesuatu yang menyakitkan hati (22%), penipuan (20%) dan perhubungan yang tidak diingini (18%) (Hina Mohd Noor, 2018). Berdasarkan kajian lepas, ini menjadi indikator kepada keseriusan kepada permasalahan ini di mana remaja yang menjadi pengguna tegar kepada medium ini terdedah kepada risiko gangguan seksual yang memberi implikasi kepada pemikiran dan emosi remaja. Faktor pelindung juga perlu diwujudkan kerana khuatir remaja ini menjadi mangsa kepada golongan penyalahgunaan aplikasi atas talian ini.

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Ishak et al. (2016) mengenai profil pengguna media sosial dalam kalangan remaja, kajian mendapati bahawa golongan wanita adalah paling ramai menggunakan media sosial terutamanya remaja. Mereka juga aktif melayari media sosial lebih lima jam sehari serta memiliki telefon pintar (*smartphone*), kerap berkongsi seperti foto, lokasi, video peribadi, ahli keluarga dan mendapatkan berita dan peristiwa semasa, serta mengekalkan hubungan lama dan hubungan baru. Fenomena ini menjadikan golongan ini amat berisiko menjadi mangsa dan sasaran kepada pelaku gangguan seksual. Satu kajian khusus kepada remaja perempuan adalah diperlukan bagi melihat isu ini secara lebih mendalam. Menurut Teori Ketidaksamaan (Inequity Theory) oleh Julianna (1999) menyatakan gangguan seksual atau daya agresif berlaku kepada golongan wanita kerana mereka dianggap lemah dan mudah di dominasi terutamanya oleh golongan lelaki. Oleh itu, teori ini menerangkan tentang keperluan wanita diperkasakan dari aspek pengetahuan, kesedaran, autonomi dan daya tahan diri untuk mengelak gangguan dan penindasan. Teori ini juga menegaskan bahawa tingkah laku gangguan seksual berlaku bukan sahaja sekadar tingkah laku seks oleh pelaku, namun mengkaitkan tentang stigma dan bias gender dalam kumpulan masyarakat yang melihat wanita sebagai subordinat dan lelaki adalah golongan dominan. Kes gangguan seksual boleh berlaku kepada wanita yang tidak mempunyai status kedudukan sosial dan ekonomi yang baik, serta golongan yang tidak berupaya (p.211). Oleh itu, kumpulan remaja perempuan juga dilihat berpotensi sebagai golongan sasaran kerana majoriti mereka sedang membina kerjaya, kekuatan kewangan dan mudah terpedaya jika tiada faktor pelindung dan bimbingan yang baik (Skalli, 2013).


METODOLOGI

Di dalam kajian ini, seramai 100 orang remaja perempuan telah terlibat dengan menggunakan kutipan data secara dalam talian, melalui pautan *google form*. Kutipan data menggunakan kaedah dalam talian adalah mudah dicapai, menepati tujuan kajian dan meningkatkan penyertaan (Dillman et al., 2014). Kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dengan menetapkan beberapa kriteria kepada responden kajian iaitu (a) remaja perempuan berumur 12 sehingga 24 tahun, (b) mempunyai akaun sosial media yang aktif (*WhatsApp, Facebook, Twitter, Instagram, Wechat, Bigo Live, TikTok, dan Tinder*), dan (c) menggunakan sosial media lebih daripada tiga jam sehari. Persampelan ini dipilih bertujuan untuk mendapatkan responden yang bertepatan dengan tujuan kajian. Selain itu juga, soalan kajian adalah berdasarkan adaptasi soal selidik kajian lepas, iaitu dalam mengukur persepsi gangguan seksual di tempat kerja oleh Jamaluddin (2014). Pengkaji turut mengadaptasi beberapa item-item supaya bersesuaian dengan tujuan dan populasi kajian. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu (a) faktor demografi (e.g., jantina, status, pendidikan dan bangsa), (b) senarai pengalaman gangguan seksual (*checklist*) 20 item “Ya” atau “Tidak”, (c) tahap kesedaran (15 item) dan kesan (10 item) yang menggunakan 5-skala likert daripada “5=sangat setuju” kepada “1=sangat tidak setuju”. Responden boleh memilih sama ada mahu meneruskan menjawab soal selidik, atau ingin berhenti daripada

menyertai kajian ini. Analisis data menggunakan deskriptif peratusan bagi keseluruhan 100 orang responden kajian. Data juga turut dibentangkan dalam bentuk visual iaitu graf dan jadual.

DAPATAN KAJIAN

Menerusi dapatan demografik kajian, responden adalah berumur dalam lingkungan 12 hingga 24 tahun ($M=22$), dan 92 orang adalah berstatus bujang, manakala lapan orang telah berkahwin. Selain itu, 65 peratus adalah berbangsa Melayu, 17 peratus berbangsa Cina, tiga peratus berbangsa Indian dan lain bangsa adalah hanya tiga peratus sahaja. Tahap pendidikan sekolah menengah iaitu 43 peratus, sijil iaitu sembilan peratus, diploma 21 peratus iaitu dan ijazah iaitu 27 peratus. Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa majoriti remaja perempuan menggunakan Instagram iaitu 97%, diikuti Twitter iaitu sebanyak 76%. Dalam kajian ini, peratusan pengguna Facebook dan Telegram adalah di tahap yang sama iaitu sebanyak 71%. Lain-lain adalah Snapchat iaitu 38%, Wechat iaitu 12%, TikTok iaitu 12%, Bigo Live iaitu 11%, Tinder iaitu 11% dan akhir sekali ialah Tumblr, 2%. Dalam kajian ini juga, pengkaji mendapati 87 peratus responden menggunakan masa lebih empat jam sehari melayari media sosial, berbanding 13 peratus yang hanya menggunakan masa hanya 1 hingga 2 jam sehari.



Rajah 1: Pengalaman Remaja Perempuan Terhadap Isu Gangguan Seksual

Rajah 1 menunjukkan peratusan mengikut remaja perempuan yang terlibat dengan pengalaman gangguan seksual di media sosial.

Berdasarkan Rajah 1 di atas, data menunjukkan pengalaman remaja perempuan mencatatkan peratusan tertinggi (90 peratus keatas) iaitu (a) dipaksa melayan permintaan seksual, (b) ditegur dengan perkataan berbau lucah, (c) diminta membalas komen-komen lucah, (d) diminta berkongsi gambar peribadi, ditegur menggunakan perkataan kurang menyenangkan, (d) gurau senda menggunakan perkataan lucah, (e) menjadi sasaran gurauan lucah, (f) menerima gambar mesej, dan komen berbentuk seksual atau pornografi oleh seseorang, dan (g) dipaksa menerima perjumpaan sosial menerusi media sosial. Walaubagaimanapun, pengalaman lain yang disenaraikan juga dikira penting untuk dapatan kajian ini.

Berdasarkan peratusan skala “sangat setuju” dan “setuju” ia memberi gambaran tentang tahap kesedaran responden remaja perempuan terhadap gangguan seksual. Dalam Jadual 1, di dapati bahawa tahap kesedaran bagi responden adalah berada di tahap yang baik. Jika dilihat kepada item yang diukur, responden masih lagi kurang mengetahui Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, di mana ia merupakan hak aduan dan perlindungan kepada pengguna media sosial. Selain itu juga, merujuk item tertinggi adalah berkenaan dengan responden mengetahui tentang gangguan bukan sahaja berlaku melalui perbuatan fizikal malah pelbagai bentuk, termasuk di media sosial atau dalam talian.

Jadual 1 mencatatkan peratusan tahap kesedaran gangguan seksual di media sosial remaja perempuan yang menjadi responden.

Jadual 1: Tahap Kesedaran Gangguan Seksual Remaja Perempuan

Item	Peratusan (%)
1. Sedar sekiranya diganggu	86
2. Saya tahu apa yang perlu dilakukan, sekiranya berlaku gangguan	73
3. Berdiam diri sekiranya gangguan seksual terjadi kepada saya.	84
4. Melaporkan kepada pihak yang berkenaan.	81
5. Tidak peduli sekiranya gangguan seksual di media sosial terjadi kepada saya.	40
6. Saya tahu gangguan seksual bukan sahaja berlaku secara perbuatan.	99
7. Saya tahu gangguan seksual boleh saja berlaku di media.	97
8. Membaca isu-isu mengenai gangguan seksual di atas talian	80
9. Mengetahui Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.	40
10. Rakan di media sosial saya bergurau senda dengan menggunakan perkataan lucah.	27
11. Gurau senda yang menggunakan perkataan lucah.	19
12. Menerima panggilan telefon, panggilan video serta mesej dan komen berunsur lucah.	34
13. Terdapat peraturan mengenai gangguan seksual di media sosial atau atas talian.	41
14. Pihak berkuasa mengambil tahu tentang perbuatan atau kelakuan yang tidak menyenangkan oleh pelaku.	31
15. Pihak berkuasa akan mengambil tindakan terhadap pelaku yang melakukan perbuatan atau kelakuan yang tidak menyenangkan oleh pelaku.	30

N=100

Sehubungan dengan itu juga, dapatan kajian menunjukkan responden remaja perempuan mengetahui dan sedar risiko gangguan seksual kepada diri mereka. Kesemua responden bersetuju dengan implikasi yang boleh memberi kesan negatif sekiranya sering diganggu oleh pelaku gangguan

seksual di media sosial. Ini memberi satu kesahan kepada dapatan kajian tahap kesedaran remaja terhadap gangguan seksual.

Jadual 2 mencatatkan peratusan yang telah setuju dengan pernyataan kesan gangguan seksual di sosial media.

Jadual 2: Pengetahuan Terhadap Kesan Gangguan Seksual kepada Mangsa

Kesan Gangguan Seksual	Peratusan (%)
1. Memberi kesan negatif kepada individu menjadi mangsa	97
2. Menjadi muram	94
3. Hilang motivasi diri	93
4. Hilang tumpuan	93
5. Sukar mempercayai orang lain	96
6. Mangsa akan mengalami tekanan dan kemurungan	93
7. Menghindari diri daripada orang lain	93
8. Mengalami trauma	94
9. Hilang minat terhadap sesuatu perkara atau dirinya	83
10. Hilang keyakinan diri	92

N=100

PERBINCANGAN

Menerusi data demografi yang diperolehi, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar sekolah menengah adalah merupakan golongan yang paling ramai menggunakan sosial media. Oleh itu, dapatan ini penting kerana pelajar remaja yang berada di sekolah menengah cenderung untuk terlibat dengan masalah tingkah laku negatif kerana kecenderungan sifat ingin mencuba serta kurang matang dan kawalan diri sosial (Stapa, Ismail & Yusuf, 2012). Justeru itu, pendidikan berbentuk kesedaran penggunaan media boleh tertumpu kepada institusi persekolahan dan pendidikan di negara ini. Guru-guru sekolah boleh terlibat dalam memberi kesedaran dan membantu pelajar supaya bijak dalam penggunaan media sosial. Selain itu juga, data menunjukkan terdapat beberapa media sosial yang menjadi pilihan remaja perempuan iaitu Instragram, Facebook dan Telegram. Jika dilihat kepada ciri media sosial ini ia bersifat hiburan dan interaksi jaringan sosial bersama rakan-rakan. Instragram adalah bersifat muatnaik gambar dan video, membalas komen, *liking*, emoji dan sebagainya. Pemantauan tingkah laku remaja ada boleh berfokus kepada media sosial ini kerana ia lebih menjadi pilihan remaja. Secara purata, kebanyakan remaja telah memperuntukkan lebih empat jam sehari untuk melayari media sosial. Oleh itu, ibubapa juga boleh memainkan peranan untuk mengawal penggunaan media ini dan berbincang dengan remaja tentang isu serta kesan gangguan seksual di media sosial.

Sehubungan dengan itu juga, data menunjukkan remaja perempuan ini sememangnya menjadi sasaran kepada perilaku gangguan seksual di media sosial. Lebih membimbangkan terdapat remaja perempuan yang dipaksa untuk mengadakan perjumpaan sosial yang cenderung kepada perbuatan jenayah seperti rogol, penculikan, samun, mencederakan dan sebagainya. Berdasarkan senarai pengalaman gangguan, antara pengalaman yang tertinggi ialah remaja ini menerima mesej dan komen berbau lucah, dan dipaksa melayan permintaan seks, dan bahan-bahan berunsur pornografi. Walaubagaimanapun, melalui data yang didapati menunjukkan pengetahuan tentang gangguan yang berlaku dalam media sosial, kesedaran bagi kesan dan implikasi terhadap individu adalah tinggi dalam kalangan remaja perempuan.

Dapatan kajian turut mendapati pengetahuan tentang hak dan tanggungjawab terhadap gangguan yang berlaku adalah rendah, di mana remaja perempuan perlu lebih asertif dan membuat aduan umum kepada pihak berwajib berdasarkan Akta Komunikasi dan Media 1998. Kesedaran tentang akta yang sedia wujud ini juga mendidik masyarakat kita, pelaku ataupun mangsa supaya tidak melakukan perkara yang bertentangan dengan norma dan etika walaupun berinteraksi secara maya atau dalam talian. Garis panduan yang telah dinyatakan di dalam undang-undang yang memberi satu

keistimewaan kepada remaja perempuan untuk mengetahui hak mereka dan melindungi golongan ini sekiranya terdapat kes gangguan seksual. Bagi kajian seterusnya, pengkaji merasakan perlu ada kajian khusus untuk melihat tingkah laku remaja dalam mendapatkan bantuan (*help seeking behavior*) sekiranya terdapat gangguan seksual kepada mereka. Ini boleh memberi tambahan kepada maklumat yang telah sedia ada dan mengetahui sikap serta bentuk bantuan yang menjadi pilihan golongan remaja kini.

Dari segi aspek penguatkuasaan, golongan remaja ini tidak mendapat pendedahan khusus terhadap gangguan yang diterima. Ramai mangsa lebih memilih untuk berdiam diri daripada menyatakan gangguan yang diterima kepada pihak berkenaan. Mangsa boleh membuat aduan secara bertulis kepada biro aduan komunikasi dan multimedia Malaysia. Menurut Seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia melarang sebarang bentuk kandungan yang sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mencaci, mengugut atau mengganggu mana-mana orang. Kandungan yang di haramkan adalah berunsur (a) tidak sopan seperti kebogelan dan seks tidak dibenarkan dan (b) kandungan lucah seperti adegan eksplisit dan pornografi serta penghinaan seksual (Communication and Multimedia Content Forum-CMCF, 2020). Oleh itu, sekiranya berlaku kes gangguan ini kepada remaja, mereka digalakkan untuk membuat laporan supaya pihak Komunikasi dan Media boleh melaksanakan penyiasatan lebih lanjut.

Disamping itu juga, Winkelman et al. (2015) menyenaraikan tingkah laku yang boleh di lakukan oleh remaja perempuan bagi mengelakkan gangguan seksual di media sosial. Mereka dicadangkan untuk melakukan perkara-perkara dibawah untuk menghentikan perbuatan dan tidak diganggu secara berterusan. Diantaranya ialah:

- Tetap mod privasi untuk menerima atau menambah rakan-rakan di media sosial
- Tidak menggunakan nama dan gambar identiti dan gender yang sebenar
- Pastikan sistem operasi sentiasa dikemaskini serta *firewall* (sistem jaringan keselamatan) berfungsi dengan baik
- Jangan tekan pautan (*link*) yang diberikan dan boleh gunakan program perlindungan seperti *anti-virus* dan *anti-spyware* dalam komputer atau alat komunikasi anda
- Sentiasa semak sistem komputer anda sekiranya digunakan untuk tujuan media sosial daripada *cookies* yang boleh menjejaki lawan sesawang yang anda telah kunjungi.
- Jangan buka sebarang lampiran (attachments) atau tekan pautan jika menerima email, pautan, dan mesej daripada orang yang tidak dikenali
- Jangan cuba berkawan dan keluar dengan orang yang tidak dikenali di media sosial
- Jangan berkongsi terlalu banyak maklumat personal di media sosial (nama, alamat tempat tinggal, nombor telefon dan pekerjaan)
- Menggunakan kata laluan (passwords) sekurang-kurangnya lapan karakter, nombor atau simbol dan kerap menukar kata laluan anda
- Mengakses internet menggunakan *router*, ia membantu membina perlindungan dalaman dan orang lain tidak boleh menggunakan alat anda secara terus
- Tidak menggunakan kata laluan yang sama bagi setiap akaun sosial media, terutamanya sama dengan akaun transisi bank anda
- Jangan hubung internet anda dengan *wireless* tanpa katalaluan
- Jangan hantar maklumat anda pada lama sesawang yang tidak bermula dengan “http” , “http” adalah laman sesawang selamat (*secure*)
- Apabila menerima kiriman email, pautan atau mesej di media sosial, sila fikir apa tujuan pengirim dan niat mereka.

Secara kesimpulannya, kajian tinjauan ini mendapati bahawa gangguan seksual dalam kalangan remaja perempuan berlaku di media sosial, namun malangnya golongan ini memilih untuk berdiam diri walaupun sedar perbuatan gangguan seksual rakan media sosial adalah satu kesalahan dan boleh mengajukan aduan. Langkah membina kesedaran, pendidikan dan mengawal tingkah laku untuk mengelakkan diri daripada gangguan ini wujud boleh dilaksanakan oleh remaja perempuan pada masa

akan datang. Selain itu juga, institusi sekolah, pendidikan tinggi juga di sarankan mewujudkan program kesedaran penggunaan media sosial kepada golongan remaja dalam membantu mereka membina rasa selamat untuk menggunakan media sosial. Selain itu, remaja perempuan juga harus berperanan untuk mengelak gangguan seksual daripada berlaku dengan mempunyai kesedaran tentang bahaya media sosial sekiranya melibatkan unsur gangguan seksual.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang telah terlibat dengan kajian ini terutamanya responden di media sosial yang sudi meluangkan masa dan tenaga untuk membantu kajian ini dalam pengumpulan data kajian.

RUJUKAN

- Alzaharin Alias & Mohd Nasaruddin Parzi. Otak remaja tidak perlu bantuan alatan digital. *Berita Harian*. April 2015. Dicapai pada 10 Oktober 2019 daripada <https://www.bharian.com.my/node/50765>.
- Abdul Aziz, A.S. (2005) Undang-undang Gangguan Seksual di Malaysia. PTS Professional
- Mustafa, S.E. (2016). Penggunaan lama sosial dan impaknya terhadap hubungan persahabatan dalam talian. *Malaysian Journal of Communication*. 32(2), 65-81.
- Communication and Multimedia Content Forum-CMCF (2020). *Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia* (Edisi Kedua). Di capai pada 16 Mac 2020 di <http://www.cmcf.my/download/cmcf-content-code-malay.pdf>
- Duggan M and Brenner J (2013) The demographics of social media users – 2012. Pew Research Center's Internet & American Life Project, pp. 1–14, Washington, DC.
- Dillman, D. A., Smyth, J. D., Christian, L. M., & Dillman, D. A. (2014). *Internet, mail, and mixed-mode surveys: The tailored design method*. Hoboken, N.J: Wiley & Sons
- Halina Mohd Noor. (2018). Berita Harian. Wanita, remaja terdedah dengan gangguan dalam talian. Dicapai pada 3 November 2019 daripada <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2018/04/411025/wanita-remaja-terdedah-gangguan-dalam-talian>
- Ahmad Dimyati, H. & Mohamad Salleh, M.A. (2018) Media Sosial dan Pemilihan Parti Politik dalam Kalangan Belia, *Malaysian Journal of Youth Studies*, Edisi Khas (2) 130-150.
- Hidaya Mohammad. (2018). Berita Harian. Gangguan Seksua, 80 peratus wanita tidak lapor. Dicapai pada 3 November 2019. <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2018/12/506347/gangguan-seksual-80-peratus-wanita-tak-lapor>
- Ishak, M.S., Ismail, A., Mat, B., Kassim, A., Mamat, S., & Talib, N. (2016) Belia dan penggunaan media social. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 15, 167-181.
- Jamaludin, N.A. (2014). Persepsi pekerja terhadap gangguan seksual di tempat kerja. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.
- Julianna, S. (1999). Pragmatism, Feminist Theory and the Reconceptualization of Sexual Harassment, *UCLA Women's Law Journal*, 10(1), 203-234.

- Siti Ezaliaa Mustafa & Azizah Hamzah. (2010). Media sosial : tinjauan terhadap laman jaringan sosial dalam talian tempatan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 12(2), 37-52.
- Khusnul Hanafi & Mohd Helmi Abd Rahim. (2007). Penggunaan media sosial dan faktor-faktor yang mempengaruhi terbentuknya gerakan sosial oleh pemimpin pelajar universiti di bandar Pekan Baru, Riau, Indonesia. *Journal Of Sciences and Humanities*, Vol. 12, No. 2 (2017) 087-101.
- Stapa, Z., Ismail, A.M., Yusuf, N. (2012). Faktor persekitaran social dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, UKM, 155- 171.
- Skalli, L.H. (2013). Young women and social media against sexual harrasment in North Africa. 19(2), The Journal of North African Studies, 19 (2), 244-258. doi: 10.1080/13629387.2013.858034
- Smith,C. (2016). Examining sexual harrasment in online dating contexts. *ProQuest*, Ann Arbor Michigan
- Smith, A., & Anderson, M. (2018). Social media use in 2018. Dicapai pada 03 Feb 2020 daripada <http://www.pewinternet.org/2018/03/01/social-media-use-in-2018/>
- Winkelman, S. B., Oomen-Early, J., Walker, A.D. Chu, L, Yick-Flanagan, A. (2015). Exploring Cyber Harassment among Women Who Use Social Media. *Universal Journal of Public Health*, 3 (5): 194-201. doi: 10.13189/ ujph.2015.030504
- Zainal Abidin, N, Kamaruddin, M.R, Shaari, A.H., & Din, N. (2018). Pengetahuan dan amalan perlindungan pengguna Facebook wanita terhadap penipuan cinta di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 34(4), 113- 133.

Profil Penulis:

Mohd Azrin Mohd Nasir, PhD

Pensyarah Kanan

Program Kaunseling & Psikologi

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar & Kerja Sosial

College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia

mohdazrin@uum.edu.my

Nurul Fatimah Mohd Rosdi

Kaunselor Pelatih

Program Kaunseling & Psikologi

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar & Kerja Sosial

College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia

nurul_fatihah1@ssd.uum.edu.my

PENGARUH GAYA PEMANTAUAN MEDIA IBU BAPA MUDA TERHADAP TINGKAH LAKU AGRESIF KANAK-KANAK YANG TERDEDAH DENGAN GAJET

MAIZATUL HAIZAN MAHBOB & MOHAMAD ISMA FAHMIE NORDIN AHMAD

ABSTRAK

Bagi menganalisis pengaruh gaya pemantauan media ibu bapa muda terhadap tingkah laku agresif kanak-kanak yang terdedah dengan gajet, kajian ini menggariskan empat objektif iaitu pertama, mengenal pasti hubungan antara pemantauan media ibu bapa dengan tingkah laku agresif kanak-kanak, kedua, menganalisis pengaruh pemantauan media terhadap ke atas tingkah laku agresif kanak-kanak, ketiga, menguji pengaruh pemantauan media aktif ke atas tingkah laku agresif kanak-kanak dan keempat, menilai pengaruh pemantauan media penggunaan bersama ke atas tingkah laku agresif kanak-kanak. Bagi mencapai kesemua objektif, kaedah survei telah dijalankan ke atas ibu bapa muda yang mempunyai anak berumur tiga hingga enam tahun. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan negatif yang signifikan antara pemantauan media ibu bapa dengan tingkah laku agresif kanak-kanak yang terdedah dengan gajet. Pemantauan media terhadap pula menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap tingkah laku agresif kanak-kanak, manakala pemantauan media aktif dan penggunaan bersama tidak mempengaruhi tingkah laku agresif yang dikaji. Implikasi kajian kepada teori ialah pemantauan media ibu bapa masih signifikan dalam mengawal penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak, manakala implikasi kajian terhadap ibu bapa ialah perlunya pemantauan penggunaan gajet terhadap anak-anak dengan menggunakan pendekatan pemantauan media terhadap.

Kata Kunci: *Pemantauan Media Ibu Bapa Muda, Pemantauan Media Terhadap, Pemantauan Media Aktif, Pemantauan Media Penggunaan Bersama, Identiti Kendiri*

ABSTRACT

In order to analyse the influence between young parental media monitoring style and children's aggressive behaviour with gadgets, this study had outlined four objectives which are first, to identify the relationship between parental media monitoring with children's aggressive behaviour, second, to analyze the influence of restrictive parental media monitoring style towards children's aggressive behaviour, third, to examine the active parental media monitoring style towards children's aggressive behaviour and fourth, to analyse co-use parental media monitoring style towards children's aggressive behaviour. As to achieve the outlined objectives, a survey on young parents of children aged three to six was carried out. The results showed that parental media monitoring is significantly negative correlate with children's aggressive behaviour with gadgets. Restrictive media monitoring does influence significantly towards children's aggressive behaviour, while active media monitoring dimension and co-use media monitoring do not. These mean that only restrictive media monitoring had a significant effect on children's aggressive behaviour. Research implication on theory is that, parental media monitoring is still significant in controlling the use of gadgets among children while implications for parents are the need for monitoring the use of gadgets on children using a restrictive media monitoring approach.

Keywords: *Young Parental Media Monitoring, Restrictive Media Monitoring, Active Media Monitoring, Co-Use Media Monitoring, Self-Identity*

PENGENALAN

Gajet atau peranti mudah alih merupakan satu bentuk transformasi teknologi pada abad ke-21 ini. Menurut Salmah Omar dan Malisah Latip (2016), gajet adalah objek atau alat elektronik kecil yang

memiliki fungsi khusus. Dunia masa kini menyaksikan gajet sebagai alat yang berkuasa mengawal manusia dalam semua perkara meliputi aspek politik, ekonomi dan sosial. Tambahan pula dengan kewujudan internet pada hari ini yang berfungsi sebagai medium menghubungkan dunia di hujung jari, merencanakan lagi penggunaan gajet dalam kalangan masyarakat dunia. Justeru, kanak-kanak tidak terkecuali daripada merasai tempas ledakan perkembangan teknologi yang telah memberi impak yang amat besar terhadap kehidupan mereka (Naquiah Nahar et al. 2017).

Tidak dinafikan peranti teknologi maklumat seperti gajet membawa kebaikan namun perubahan gaya hidup yang bersandarkan teknologi telah mewujudkan satu budaya baharu (Hairol Kamal 2017). Gajet yang menyediakan pelbagai ciri menarik di dalamnya bukan sahaja menjanjikan kepuasan kepada pengguna, malah mampu memberikan kesan yang tidak dijangka sama ada positif mahupun negatif. Fenomena hari ini menyaksikan ketagihan terhadap gajet semakin berleluasa. Hal ini ditambah dengan peranan gajet yang semakin dominan dalam semua aspek kehidupan meliputi urusan harian, pekerjaan, sehinggalah ke urusan jual beli, menjadikan gajet sebagai keperluan utama bagi masyarakat hari ini terutamanya golongan muda.

Tidak dinafikan bahawa internet juga turut menyumbang kepada perkara positif terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak namun hakikatnya, masyarakat kurang sedar bahawa penggunaan yang keterlaluan akan mengakibatkan seseorang itu menjadi lalai, tidak produktif dan kurang pergaulan interaktif terutamanya kanak-kanak. Tambahan pula, dalam kepesatan era globalisasi dan teknologi tinggi tanpa sempadan ini, perkembangan kanak-kanak hingga usia remaja amat mudah dipengaruhi oleh agen sosialisasi seperti media (Naquiah Nahar et al. 2017).

Menurut Ahlam Bin Abdul Aziz (2016), teknologi komunikasi iaitu internet memberikan suatu pemikiran yang kontradiktif kerana di satu sudut, internet memberikan impak yang positif namun di sudut lain impak negatifnya juga tidak dapat dihindari. Oleh itu, ibu bapa seharusnya memberikan pengawasan yang rapi ke atas anak-anak semasa menggunakan peranti teknologi ini supaya anak-anak dapat diarahkan ke sudut yang lebih positif dan dapat terhindar dari pengaruh negatif. Tingkah laku yang memberikan kesan negatif perlu ditangani segera dan sekiranya perlakuan ini tidak dikawal di peringkat awal, dikhuatiri akan membawa kepada masalah tingkah laku yang lebih kronik.

Menurut Aznan Omar (2017), apa yang mendorong kanak-kanak untuk terdedah dengan teknologi adalah kerana mereka sering melihat orang dewasa terlibat dengan kegiatan melalui teknologi digital. Disebabkan ibu bapa sering menggunakan gajet dalam persekitaran sosial kanak-kanak, mereka mudah terikut-ikut dengan budaya tersebut dan mula meminta peranti tersebut daripada ibu bapa dan sekiranya tidak diberi, mereka akan bertindak ganas dengan cara menangis atau memberontak.

Ketergantungan kanak-kanak terhadap gajet hari ini bergantung kepada cara didikan ibu bapa. Tidak salah sekiranya ibu bapa ingin menerapkan pendidikan bersifat virtual menerusi alatan teknologi terkini seperti gajet, namun sekiranya ibu bapa gagal mengawal anak-anak dan membiarkan sahaja mereka menggunakan gajet tanpa batasan ia akan mengundang kepada perkara yang lebih buruk terutamanya dalam aspek tingkah laku kanak-kanak. Tambahan pula, dalam masyarakat moden dan gaya hidup hari ini, teknologi boleh berkhidmat sebagai pengasuh di rumah (Plowman & McPake 2013). Plowman dan McPake menyatakan bahawa ibu bapa hari ini melihat teknologi sebagai cara menarik untuk menjaga anak-anak mereka ketika mereka sedang melakukan kerja yang lain.

Daripada kajian lepas yang disoroti sepertimana yang dinyatakan dalam bahagian sorotan literatur, timbul persoalan sejauh mana wujudnya hubungan dan pengaruh gaya pemantauan media ibu bapa ke atas tingkah laku agresif kanak-kanak yang terdedah dengan gajet? Apakah pendekatan yang

digunakan oleh ibu bapa muda dalam memastikan penggunaan gajet oleh anak-anak mereka tidak berlebihan dan menyimpang daripada tujuan sebenar penggunaannya?

Untuk menjawab persoalan ini, beberapa objektif kajian telah digariskan iaitu pertama, menganalisis hubungan gaya pemantauan media ibu bapa dengan tingkah laku agresif kanak-kanak yang terdedah dengan gajet. Objektif kedua, menganalisis pengaruh gaya pemantauan media terhadap ke atas tingkah laku agresif kanak-kanak. Objektif ketiga, menganalisis pengaruh gaya pemantauan media aktif ke atas tingkah laku agresif kanak-kanak, manakala objektif keempat, menganalisis pengaruh gaya pemantauan media penggunaan bersama ke atas tingkah laku agresif kanak-kanak yang terdedah dengan gajet.

SOROTAN LITERATUR

Artikel ini membincangkan peranan ibu bapa muda iaitu dalam kategori belia yang menggunakan kaedah pemantauan ke atas anak-anak mereka dalam menggunakan gajet. Ibu bapa dalam kategori belia merupakan individu yang berumur 18 hingga 40 tahun dan mempunyai anak. Bagaimanapun had umur belia telah dikurangkan oleh kerajaan iaitu kepada 30 tahun bermula Disember 2021. Ini adalah selaras dengan Rang Undang-Undang (RUU) Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 bertujuan antara lain menurunkan had umur dalam takrif belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun, yang diluluskan Dewan Negara baru-baru ini (Berita Harian Online 2019).

Namun demikian, bagi perbincangan artikel ini, definisi belia yang digunakan adalah berumur 18 hingga 40 tahun. Walaupun Rang Undang-undang tersebut telah diluluskan bagi menurunkan had umur dalam takrif belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun, namun terdapat negeri misalnya Johor yang masih mengekalkan umur belia dari 15 hingga 40 tahun (Berita Harian Online 2019). Kerajaan negeri Johor mengekalkan semula had umur belia di negeri tersebut kepada 40 tahun sehinggalah akta ini diwartakan pada penghujung 2021. Ibu bapa dalam kategori umur belia ini juga akan menggunakan istilah ibu bapa muda. Peranan ibu bapa muda dalam konteks hari ini adalah sangat mencabar khususnya dalam mendidik anak-anak yang lahir dalam era media konvergensi dan IR4.0.

Fenomena sosial yang biasa kita lihat hari ini ialah golongan ibu bapa muda yang memberi pendedahan awal kepada anak-anak terhadap gajet (Candice Wolf et al. 2018). Gajet yang dicipta dengan pelbagai ciri menarik menjadikan ia sebagai satu virus yang mudah merebak kepada semua golongan, tidak terkecuali kanak-kanak. Melihat kepada konteks keibubapaan moden hari ini, ibu bapa muda mendidik anak-anak dengan cara yang mudah iaitu dengan memberikan sahaja telefon pintar. Peranti ini juga mampu memberi sentuhan magis untuk memujuk anak-anak yang meragam supaya duduk diam dan tidak mengganggu urusan ibu bapa sama ada di rumah atau di luar rumah (Salmah Omar & Malisah Latip 2015). Sikap seperti ini sepatutnya dielakkan kerana ibu bapa muda harus sedar bahawa pendedahan terhadap gajet kepada anak-anak akan memberikan kesan yang buruk sekiranya tidak dikawal di peringkat awal lagi.

Pemantauan Media Ibu Bapa

Pemantauan media ibu bapa melibatkan interaksi ibu bapa dengan anak-anak mereka tentang penggunaan media, menerusi gaya terhad, aktif, atau penggunaan bersama (Padilla-Walker et al. 2012). Dalam konteks media moden hari ini, pemantauan media ibu bapa terhadap penggunaan Internet anak dapat ditentukan sebagai strategi pengawasan yang diperkenalkan oleh ibu bapa untuk memaksimumkan kelebihan dan meminimalkan risiko anak-anak mereka daripada penggunaan Internet (Lucyna Kirwil 2009).

Kanak-kanak hari ini telah didedahkan dengan peranti canggih iaitu gajet seawal usia empat bulan lagi (Candice Wolf et al. 2018) dan sama ada kita sedar atau tidak, ia banyak meninggalkan kesan yang negatif bukan sahaja terhadap tumbesaran kanak-kanak malah lebih daripada itu sehingga boleh

menjejaskan kognitif dan tingkah laku mereka. Keating (2011) dalam kajiannya menyimpulkan bahawa media elektronik telah mengurangkan peluang kanak-kanak untuk berinteraksi dan melibatkan diri dengan permainan tradisional. Tambahan pula menurut Fatimah Abdullah et al. (2008), pola bermain secara berkumpulan terutamanya di halaman telah berubah kepada permainan individu di hadapan layar televisyen, komputer atau telefon pintar, sama ada di dalam rumah atau bilik berasingan.

Linda et. al. (2011) berpendapat bahawa penggunaan telefon pintar yang semakin meningkat dalam kalangan kanak-kanak serta orang dewasa amat jelas di setiap tempat awam yang membenarkan penggunaan alat tersebut. Dari sisi lain pula, hubungan negatif antara manusia juga berlaku kerana penggunaan telefon bimbit telah menghalang proses interaksi secara bersemuka yang sedang berlaku (Adolescent Risk Communication Institute (ARCI 2005).

Dalam membincangkan pemantauan media ibu bapa, kertas ini telah mengkategorikan pemantauan media kepada tiga iaitu pemantauan media terhad, pemantauan media aktif dan pemantauan media penggunaan bersama. Ketiga-tiga bentuk pemantauan media ini akan diukur untuk menentukan sejauh mana pentingnya pemantauan media tersebut dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak yang terdedah dengan gajet.

Pemantauan Media Terhad

Hawkins dan Padilla-Walker (2016) menyatakan, pemantauan media terhad (iaitu penentuan peraturan) berlaku apabila ibu bapa menetapkan peraturan yang menghadkan masa kanak-kanak dalam menggunakan media ataupun gajet, misalnya televisyen, permainan video, dan Internet selain kandungan media yang dibenarkan untuk diakses oleh anak-anak mereka. Dalam aspek tingkah laku dan sikap, pemantauan media terhad boleh menjadi positif dan negatif. Penetapan peraturan mengenai permainan video (Engelhardt & Mazurek 2013) oleh ibu bapa berkait rapat dengan tingkah laku lisan dan fizikal yang agresif kanak-kanak seperti mengejek, menolak, mencederakan, dan memukul kanak-kanak dan remaja.

Amalan keibubapaan khusus atau pemantauan media terhad termasuklah cara yang digunakan oleh ibu bapa bagi mengawal aktiviti dalam talian kanak-kanak dari segi masa, kandungan, pendaftaran keahlian dan privasi; dengan cara memaksa kanak-kanak mematuhi peraturan, arahan dan sekatan teknikal (Sook-Jung Lee 2012). Kecenderungan ini juga terdapat dalam kajian pemantauan media ibu bapa terhadap permainan video di mana ibu bapa percaya bahawa permainan video mempunyai pengaruh negatif terhadap anak-anak mereka sehingga mereka menggunakan pemantauan media terhad dengan menyekat anak-anak daripada bermain permainan (Shin & Huh 2011).

Pemantauan Media Aktif

Pemantauan media aktif adalah cara meneroka dan menjelaskan kandungan media antara ibu bapa dan anak-anak mereka dengan tujuan membantu kanak-kanak menjadi pengguna media yang kritis (Hawkins & Padilla-Walker 2016). Pengantaraan yang aktif juga mengurangkan jumlah tingkah laku yang agresif dalam kalangan kanak-kanak dan remaja (Linder & Werner 2012). Apabila ibu bapa bercakap secara terang-terangan mengenai rancangan TV yang ganas, kanak-kanak dan remaja mengalami sikap negatif terhadap program yang memperlihatkan keganasan dan watak yang agresif, dengan kemungkinan penurunan menonton TV berunsur keganasan (Rasmussen 2014). Pembelajaran partisipatif secara kolektif dapat dilihat dalam beberapa cara yang serupa dengan strategi pemantauan media aktif kerana ia menekankan perlunya hubungan ibu bapa-anak positif yang berteraskan interaksi bersama.

Pemantauan Media Penggunaan Bersama

Penggunaan bersama dikaitkan dengan peningkatan penggunaan kanak-kanak terhadap TV, filem, muzik dan buku (Harrison & Liechty 2012). Penggunaan bersama gajet dengan anak-anak juga mempengaruhi masa yang diperuntukkan oleh ibu bapa apabila menonton jenis media tertentu,

termasuk kandungan prososial (Woolf 2009). Menurut Clark (2011), 'masa yang berkualiti' antara ibu bapa dengan anak-anak menjadi sangat penting, di mana ia dapat menonjolkan ciri-ciri ibu bapa yang baik dan bertanggungjawab dalam merancang dan terlibat dengan lebih banyak aktiviti berpusatkan anak. Oleh itu, sesetengah ibu bapa telah memainkan peranan sebagai peserta dalam pembelajaran bersama dengan anak-anak, terutamanya apabila berhubung dengan Internet, permainan interaktif, dan peranti mudah alih (Takeuchi 2011).

Tingkah Laku Agresif Kanak-kanak

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Al Mazmi, Aslam dan Rajan (2013), dapat dirumuskan bahawa kesan negatif penggunaan peranti pintar atau gajet terhadap tingkah laku kanak-kanak boleh dilihat dalam konteks ketagihan, penguasaan bahasa yang lemah, tingkah laku ganas, tekanan, kemurungan dan kekeliruan. Manakala dari sudut yang lain, wujud kandungan aplikasi, iklan dan maklumat yang tidak sesuai kerana adanya adegan yang melampau dan lucu sehingga boleh mempengaruhi pemikiran dan perlakuan kanak-kanak (Salmah Omar & Malisah Latip 2015).

Vasan (2010) dalam kajiannya turut mengakui bahawa media seperti internet, televisyen, majalah dan surat khabar memberi pengaruh terhadap perkembangan remaja. Babak ganas dan aksi yang tidak bermoral yang ditonton oleh kanak-kanak dan remaja melalui media menjadikan jiwa mereka menjadi rakus dan keras. Perkara ini seterusnya menyebabkan aksi ganas tersebut diadaptasikan oleh mereka dalam tingkah laku seharian sekaligus menyebabkan berlakunya masalah dalam konteks hubungan sosial dengan masyarakat sekeliling. Justeru tingkah laku kanak-kanak ini akan dilihat dalam konteks emosi dan identiti diri.

Emosi

Menurut Aznan Omar (2017), pengguna muda dan kanak-kanak mudah terpengaruh dengan alat teknologi digital terutama permainan mudah alih sehingga menunjukkan tingkah laku yang obsesi. Peningkatan masa penggunaan gajet juga dilihat mengundang gejala kemurungan dan mengakibatkan masalah dalam perhubungan sosial. Hal ini dijelaskan oleh Yong (2011) yang turut menyatakan bahawa kanak-kanak akan lebih kelihatan aktif dalam dunia maya namun dalam dunia realiti kanak-kanak tersebut adalah seorang yang pasif dan pendiam (Naquiah Nahar et al. 2018).

Dalam hal lain juga ibu bapa perlu berhadapan dengan masalah untuk menginterpretasikan keperluan emosi anak-anak kerana mereka tidak mampu untuk berkomunikasi atau memberikan petunjuk berkaitan emosi yang dialami oleh mereka. Dalam kajian di mana tingkah laku kanak-kanak dinilai secara langsung, sesetengah kanak-kanak yang terlibat dengan aktiviti secara dalam talian melaporkan bahawa mereka berasa sedih dan mempunyai pengalaman rendah diri (Noyes 2006; Sarvey 2008).

Identiti Diri

Kanak-kanak biasanya menggunakan internet untuk melihat kandungan media yang direka bagi tontonan orang dewasa dan bukannya untuk mengakses laman web pendidikan. Amalan ini membawa impak buruk kepada watak sebenar mereka. Mereka melupakan nilai moral, sedangkan mereka adalah masa depan negara. Mereka kini menjadi lebih maju dari segi usia (Sandus M 2018). Di samping itu, peningkatan masa penggunaan gajet juga dilihat mengundang gejala kemurungan dan mengakibatkan masalah dalam perhubungan sosial. Kajian oleh Keating (2011) merumuskan media elektronik telah mengurangkan peluang kanak-kanak untuk terlibat dengan permainan tradisional dan interaksi sosial dengan rakan lain. Kanak-kanak didapati banyak meluangkan masa menonton televisyen dan bermain permainan komputer.

METODOLOGI

Bagi mencapai objektif kajian iaitu pertama mengenal pasti hubungan antara pemantauan media ibu bapa dengan tingkah laku agresif kanak-kanak, kedua, menganalisis pengaruh pemantauan media terhadap ke atas tingkah laku agresif kanak-kanak, ketiga, menguji pengaruh pemantauan media aktif ke atas tingkah laku agresif kanak-kanak dan keempat, menilai pengaruh pemantauan media penggunaan bersama ke atas tingkah laku agresif kanak-kanak; satu survei telah dijalankan ke atas ibu bapa muda yang mempunyai anak berumur tiga hingga enam tahun di sekitar Lembah Klang. Golongan ibu bapa ini terdiri daripada mereka yang berumur 21 hingga 40 tahun. Seramai 153 orang ibu bapa yang mempunyai ciri yang disebutkan di atas telah menjadi responden. Kesemua maklumat yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 14. Statistik deskriptif yang terdiri daripada frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan dalam menganalisis data. Analisis Korelasi dan Regresi Berganda (*Multiple Regression*) dengan kaedah *stepwise* telah digunakan untuk melihat pengaruh pemboleh ubah bebas ke atas pemboleh ubah bersandar. Dalam mengisi borang selidik, responden hanya boleh memilih satu pilihan jawapan bagi setiap segmen dan kesemua soalan adalah wajib dijawab.

Sampel dalam kajian ini adalah ibu bapa muda berumur 21 hingga 40 tahun yang menjawab soalan yang terdapat di dalam borang soal selidik. Borang soal selidik disediakan dengan menggunakan *Google Drive* dan diedarkan melalui media sosial seperti *WhatsApp*, *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya. Dalam kajian ini, persampelan kebarangkalian dan teknik persampelan bebola salji (*snowball*) digunakan. Persampelan bebola salji digunakan dalam kajian kerana pengkaji memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri tertentu iaitu responden yang berada dalam lingkungan umur yang ditetapkan dan mempunyai anak berumur 3 hingga 6 tahun. Pengkaji menggunakan set borang soal selidik untuk mengukur apa yang digariskan dalam objektif kajian. Borang soal selidik tersebut merangkumi tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Pada Bahagian A, pengkaji mengemukakan soalan yang berasaskan kepada demografi responden seperti jantina, umur dan bangsa. Soalan ini ditujukan kepada ibu bapa yang mempunyai anak berumur 3 hingga 6 tahun yang menggunakan gajet. Bahagian B pula memberi fokus kepada soalan yang berkaitan dengan gaya pemantauan media ibu bapa kepada kanak-kanak. Manakala bahagian C merangkumi soalan yang menjurus kepada tingkah laku agresif dalam kalangan kanak-kanak seperti emosi dan identiti diri. Set borang soal selidik menggunakan soalan tertutup untuk mendapatkan maklumat kanak-kanak daripada ibu bapa mereka. Para responden hanya perlu menandakan nombor pilihan mereka berdasarkan arahan dan keterangan skala yang dinyatakan pada awal set soal selidik. Bahagian ini menggunakan skala 1 hingga 7 sebagai alat pengukur untuk mengukur gaya pemantauan media ibu bapa. Penggunaan skala likert ini memudahkan responden memberikan respon. Soalan tertutup juga memudahkan pengkaji mengkodkan data dan seterusnya menganalisis data tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Analisis ke atas latar belakang responden menunjukkan sebanyak 68.9 peratus terdiri daripada ibu kepada kanak-kanak, manakala 31.4 peratus lagi merupakan bapa kepada kanak-kanak. Sebanyak 32 peratus responden berumur 30 tahun ke bawah, dan sebahagian besarnya pula iaitu 67.9 peratus berumur 31 hingga 40 tahun. Sebahagian besar responden (75.8 peratus), berketurunan Melayu. Semua responden mempunyai anak berumur antara tiga hingga enam tahun.

Dari segi gaya yang diamalkan, gaya pemantauan media terhadap menunjukkan min keseluruhan yang lebih tinggi (6.145; SP = 1.314), berbanding pemantauan media penggunaan bersama (5.961; SP = 1.214) dan pemantauan media aktif (5.857; SP = 1.287). Pengiraan min adalah berdasarkan skala 1-

7 yang diberikan oleh responden. Jadual 1, 2 dan 3 menunjukkan butiran min bagi setiap item yang diukur di bawah gaya pemantauan media terhad, aktif dan penggunaan bersama.

Jadual 1: Gaya Pemantauan Media Terhad

Item	Min	SP
Saya mengawal aktiviti anak ketika mereka menggunakan gajet	6.06	1.237
Saya menghadkan masa penggunaan anak terhadap gajet.	6.03	1.287
Saya mengawal kandungan media yang diakses oleh anak.	6.24	1.203
Saya memastikan anak tidak terlibat dengan pendaftaran keahlian dalam talian.	6.44	1.686
Saya memastikan privasi penggunaan internet anak tidak diceroboh.	5.86	1.325
Saya memaksa anak untuk mengikuti peraturan yang ditetapkan dalam penggunaan gajet.	6.05	1.109
Saya memberikan arahan kepada anak supaya tidak menggunakan gajet melebihi had yang saya tetapkan.	6.28	1.300
Saya mengenakan sekatan teknikal kepada anak untuk mengakses kandungan media yang negatif.	6.20	1.363
Min Keseluruhan	Min = 6.145	S.P = 1.314

Jadual 2: Gaya Pemantauan Media Aktif

Item	Min	SP
Saya selalu mengajak anak meneroka dan menjelaskan tentang kandungan media kepada mereka.	5.61	1.447
Saya selalu membantu anak menjadi pengguna media yang bijak.	5.91	1.200
Saya selalu meminta anak menerangkan tentang watak yang mereka minati di dalam gajet.	5.55	1.513
Saya sering menjelaskan unsur keganasan dalam kandungan gajet sebagai perkara yang tidak patut dicontohi.	6.14	1.205
Pembelajaran partisipatif menggalakkan saya menjadi pendengar setia kepada anak.	6.01	1.208
Saya sentiasa berinteraksi dengan anak selepas mereka menggunakan gajet.	5.92	1.150
Min Keseluruhan	Min = 5.857	S.P = 1.287

Jadual 3: Gaya Pemantauan Media Penggunaan Bersama

Item	Min	SP
Saya memperuntukkan masa bersama anak setiap kali mereka menggunakan gajet.	5.56	1.317
Saya bersama-sama anak mengakses media sosial yang mereka mahu lawati.	5.65	1.444

Penggunaan bersama terhadap gajet menjadikan saya sentiasa berjaga-jaga dengan kandungan media yang diakses oleh anak.	6.10	1.165
Penggunaan bersama menjadikan anak dapat mengakses media yang bersifat positif dan bermaklumat.	6.13	1.104
Penggunaan bersama mewujudkan suasana pembelajaran yang terbuka dan menyeluruh.	6.17	1.163
Penggunaan bersama mengeratkan hubungan antara saya dengan anak.	6.15	1.093
Min Keseluruhan		Min = 5.961 S.P = 1.214

Tingkah laku agresif kanak-kanak pula diukur dengan mengambil kira aspek emosi dan identiti diri. Analisis min keseluruhan bagi aspek emosi mendapati minnya berada pada tahap rendah iaitu 2.663 (SP = 1.725). Analisis min bagi aspek identiti diri juga secara keseluruhannya berada pada tahap rendah iaitu 2.919 (SP = 1.707). Tahap min adalah berdasarkan kategori berikut:

Markah	Tahap Min
1.0 – 3.0	Rendah
3.1 – 5.0	Sederhana
5.1 – 7.0	Tinggi

Ini menunjukkan bahawa, anak-anak responden yang merupakan ibu bapa muda ini tidak menunjukkan tingkah laku yang agresif walaupun terdedah dengan gajet. Ini mungkin disebabkan ibu bapa menjadi mediator yang baik kepada anak-anak mereka dalam penggunaan gajet. Hal ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam sub topik perbincangan. Jadual 4 dan 5 menunjukkan butiran tingkah laku agresif mengikut aspek emosi dan identiti diri.

Jadual 4: Tingkah Laku Agresif (Emosi)

Item	Min	SP
Anak saya akan menangis sekiranya saya tidak memberikannya gajet.	3.94	1.815
Anak saya akan memberontak sekiranya saya menghalangnya daripada bermain permainan dalam talian.	3.42	1.964
Anak saya kerap menunjukkan sifat murung selepas mengakses media sosial.	2.44	1.787
Anak saya cenderung untuk bersendirian dan tidak bergaul dengan rakan seusianya.	2.30	1.687
Anak saya tidak mampu berkomunikasi dengan baik.	2.22	1.590
Anak saya tidak mampu menunjukkan emosi yang dialami oleh mereka.	2.24	1.590
Saya berhadapan dengan masalah untuk menginterpretasikan emosi anak.	2.44	1.720
Setelah terlibat dengan aktiviti atas talian, anak saya sering menunjukkan kelakuan sedih dan rendah diri.	2.20	1.643
Min Keseluruhan	2.663	1.725

Jadual 5: Tingkah Laku Agresif (Identiti Diri)

Item	Min	SP
Anak saya tidak menunjukkan cara pemikiran bersifat kanak-kanak selepas terdedah dengan gajet.	2.58	1.761
Anak saya kelihatan berfikir matang seperti orang dewasa selepas terdedah dengan gajet.	3.31	1.726
Anak saya berperwatakan seperti orang dewasa selepas terdedah dengan gajet.	3.03	1.711
Anak saya berkomunikasi seperti orang dewasa selepas terdedah dengan gajet.	3.31	1.699
Anak saya keliru akan identiti dirinya apabila kerap terdedah dengan gajet.	2.36	1.637
Min Keseluruhan	2.919	1.707

Bagi hasil analisis korelasi pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang signifikan antara pemantauan media ibu bapa dengan tingkah laku agresif kanak-kanak ($r=-0.26$; $p<0.01$). Ini menunjukkan semakin tinggi pemantauan media ibu bapa terhadap kanak-kanak yang terdedah dengan gajet, maka semakin rendah tingkah laku agresif di kalangan mereka. Bagaimanapun kekuatan hubungan berada pada tahap lemah. Jadual 6 menunjukkan butiran analisis korelasi.

Jadual 6: Analisis Korelasi Pemantauan Media Ibu Bapa dengan Tingkah Laku Agresif Kanak-kanak

Gaya Pemantauan Media		Tingkah Laku Agresif
Gaya Pemantauan Media	Pearson Correlation	1
	Sig. (2-tailed)	-.261**
	N	.001
		153

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung).

Jadual 7: Analisis ANOVA Konstruk Pemantauan Media Terhad dengan Tingkah Laku Agresif Kanak-Kanak

Model		Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
1	Regresi	3425.196	1	3425.196	14.439	.000 ^b
	Residual	35820.334	151	237.221		
	Jumlah	39245.529	152			

- Pemboleh ubah bersandar: Tingkah Laku Agresif
- Peramal dalam model: (Tetap), Pemantauan Media Terhad

Analisis ANOVA dilakukan untuk melihat sama ada terdapat sumbangan signifikan di antara tiga konstruk gaya pemantauan media ibu bapa iaitu pemantauan media terhad, pemantauan media aktif dan

pemantauan media penggunaan bersama terhadap tingkah laku agresif kanak-kanak. Aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.01. Berdasarkan Jadual 7, nilai $F = 14.439$ dan $p(0.00) < 0.01$ bagi konstruk pemantauan media terhad. Ini bermakna terdapat sumbangan yang signifikan bagi konstruk pemantauan media terhadap tingkah laku agresif kanak-kanak, manakala tiada sumbangan signifikan bagi konstruk pemantauan media aktif dan pemantauan media penggunaan bersama terhadap tingkah laku agresif kanak-kanak (lihat Jadual 8).

Jadual 8: Analisis Ujian t Konstruk Pemantauan Media Aktif dan Pemantauan Media Penggunaan Bersama (Excluded Variables) dengan Tingkah Laku Agresif Kanak-kanak

	Model	Beta	t	Sig.	Partial Correlation	Collinearity Statistics Tolerance
1	Pemantauan media aktif	.018b	.178	.859	.015	.577
	Pemantauan media penggunaan bersama	.016b	.139	.890	.011	.467

- a. Pemboleh ubah bersandar: Tingkah Laku Agresif
- b. Peramal dalam model: (Tetap), Pemantauan Media Terhad

Jadual 9: Analisis Regresi Berganda Bagi Sumbangan Dimensi Pemantauan Media Terhadap Tingkah Laku Agresif Kanak-kanak

Model	R	R ²	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.295	.087	.081	15.40197

- a. Model 1 : Peramal: (Tetap), Pemantauan Media Terhad
- b. Pemboleh ubah Bersandar: Tingkah Laku Agresif Kanak-kanak

Jadual 10: Koefisien Analisis Regresi Berganda Bagi Sumbangan Konstruk Pemantauan Media Terhadap Tingkah Laku Agresif Kanak-kanak

Pemboleh Ubah	B	Std. Error	Beta	t	Signifikan t
(Tetap)	65.530	7.896		8.299	.000
Pemantauan Media Terhad	-0.603	.159	-.295	-3.800	.000

Merujuk Jadual 9, hasil analisis R^2 bagi Model 1 (Pemantauan Media Terhad) = 0.087. Berdasarkan Jadual 10 pula, hasil analisis nilai Beta yang ditunjukkan bagi konstruk pemantauan media terhad = -0.295, $t = -3.800$, $p(0.00) < 0.01$. Ini bermakna model yang dicadangkan sesuai dengan data dalam nilai peratusan 8.7, di mana keputusan ini turut disokong oleh analisis ANOVA yang signifikan, $p(0.00) < 0.01$. Dapatan ini menunjukkan peramal bagi konstruk pemantauan media terhad memberi sumbangan 8.7 peratus perubahan terhadap tingkah laku agresif kanak-kanak. Dengan erti kata lain, apabila konstruk pemantauan media terhad meningkat seunit, maka skor tingkah laku agresif kanak-kanak akan menurun sebanyak 8.7 peratus.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan **8.7 peratus konstruk pemantauan media terhad menyumbang terhadap tingkah laku agresif kanak-kanak** yang terdedah dengan gajet. Selebihnya sebanyak 91.3 peratus perubahan dalam tingkah laku agresif kanak-kanak yang tidak dapat diramal mungkin disebabkan faktor lain yang tidak dikaji dalam kajian ini. Hasil kajian ini menunjukkan konstruk pemantauan media terhad memberi pengaruh yang agak kecil tetapi signifikan ke atas tingkah laku agresif kanak-kanak berbanding gaya pemantauan media ibu bapa yang lain iaitu pemantauan media aktif dan pemantauan media penggunaan bersama.

Jadual 11: Rumusan Hipotesis Kajian

	Hipotesis	Keputusan
H1	Wujud hubungan negatif yang signifikan antara gaya pemantauan media ibu bapa dengan tingkah laku agresif kanak-kanak.	Diterima
H2	Gaya pemantauan media ibu bapa dari aspek pemantauan media terhad mempengaruhi tingkah laku agresif kanak-kanak.	Diterima
H3	Gaya pemantauan media ibu bapa dari aspek pemantauan media aktif mempengaruhi tingkah laku agresif kanak-kanak.	Ditolak
H4	Gaya pemantauan media ibu bapa dari aspek pemantauan media penggunaan bersama mempengaruhi tingkah laku agresif kanak-kanak.	Ditolak

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa wujud pengaruh yang signifikan pengamalan gaya pemantauan media terhad terhadap tingkah laku agresif kanak-kanak yang didedahkan dengan gajet. Walaupun tidak semua konstruk dalam pemboleh ubah bebas (gaya pemantauan media ibu bapa) menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap tingkah laku agresif kanak-kanak, hasil analisis jelas menunjukkan bahawa pemantauan media terhad mempengaruhi secara signifikan terhadap tingkah laku agresif kanak-kanak dari aspek emosi dan identiti diri. Pengantaraan terhad telah didapati berkesan untuk mengurangkan kekerapan penggunaan internet kanak-kanak (Valcke et al. 2010; Yen et al. 2009), untuk melemahkan hubungan positif antara penyertaan dan risiko dalam talian yang lebih tinggi (Lee & Chae 2012), dan untuk mengurangkan pendedahan kanak-kanak terhadap risiko dan bahaya aktiviti atas talian (Duerager & Livingstone 2012).

Pemantauan media terhad secara umumnya lebih efektif berbanding penggunaan bersama dalam penolakan kesan negatif media (An & Lee 2010). Buijzen (2009) pula mendapati bahawa pemantauan media aktif juga tidak berkesan. Dalam kajian Lau dan Yuen (2013), sesetengah kajian mendapati bahawa strategi menghadkan penggunaan media sangat berkait rapat dengan mengurangkan

risiko dalam talian, sementara yang lain telah menemui pemantauan media ibu bapa secara amnya tidak berkesan (Leung & Lee 2012).

Kajian oleh Nathanson (2015) mendapati bahawa wujudnya bukti yang lemah untuk mengaitkan faedah atau kepentingan pemantauan media aktif dan pemantauan media penggunaan bersama. Hal ini juga turut disokong dalam dapatan kajian yang dijalankan oleh Connell, Lauricella dan Wartella (2015); Troseth, Russo dan Strouse (2016). Perkara ini turut dikukuhkan lagi oleh kajian Livingstone dan Helsper (2008) yang mendapati bahawa pengantaraan yang terhad (peraturan, had masa, dan larangan dalam aktiviti atau kandungan tertentu) biasa digunakan, seperti kawalan teknikal (peralatan ibu bapa dan penapisan pelbagai jenis), tetapi perbezaan antara pemantauan media aktif (bercakap dan menerangkan media) dan penggunaan bersama (perkongsian aktiviti) tidak lagi terpakai.

Livingstone dan Helsper (2008) turut mengatakan bahawa pemantauan media penggunaan bersama tidak lagi relevan digunakan oleh ibu bapa dalam mengawal tingkah laku anak-anak yang menggunakan gajet secara berleluasa. Kajian oleh Zaman et al. (2015) juga mendapati ramai ibu bapa menegaskan bahawa penglibatan mereka berkurang apabila anak mereka menjadi lebih berpengalaman dalam penggunaan media, yang mana secara tidak langsung berhubung kait dengan amalan pemantauan media terhadap pembangunan literasi digital kanak-kanak.

Berdasarkan kepada sorotan kajian lepas, didapati bahawa gaya pemantauan media yang diamalkan oleh ibu bapa terhadap pendedahan gajet kepada anak-anak menunjukkan keputusan yang bercampur iaitu terdapat sesetengah hasil kajian yang menunjukkan pengaruh yang signifikan, dan ada juga keputusan yang memperoleh sebaliknya. Hal ini sekaligus menyokong dapatan kajian ini yang mendapati wujudnya pengaruh yang signifikan terhadap gaya pemantauan media tertentu dalam mengekang tingkah laku agresif kanak-kanak yang terdedah dengan gajet. Walau bagaimanapun pemantauan media tersebut berlaku secara bertahap iaitu sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak, di mana sekiranya anak telah berpengalaman dalam penggunaan media, maka pengawasan aktif mahupun penggunaan bersama daripada ibu bapa tidak lagi relevan.

PENUTUP

Kajian ini telah membuktikan bahawa pemantauan media terhad menyokong teori yang menjadi tunjang kepada kajian ini iaitu teori pemantauan media ibu bapa (*Parental Mediation Theory*). Teori ini mengetengahkan pendekatan ibu bapa sebagai mediator dalam memantau penggunaan gajet oleh anak-anak. Pemantauan ini penting khususnya kepada kanak-kanak kerana merekalah golongan yang mudah terdedah dengan pengaruh yang dibawa oleh media masa kini. Kebanyakan kanak-kanak mengakses kandungan media yang tidak sesuai dengan peringkat umur mereka. Ini menjadikan mereka terpengaruh untuk melakukan aktiviti yang dilakukan oleh orang dewasa dan akhirnya memberi impak negatif kepada kanak-kanak tersebut. Teori pemantauan media ibu bapa yang digunakan dalam kajian ini hanya melihat kepada tiga pendekatan pemantauan media iaitu pemantauan media terhad, pemantauan media aktif dan pemantauan media penggunaan bersama. Ketiga-tiga pendekatan pemantauan media ini cuba dikaitkan dengan tingkah laku agresif kanak-kanak yang terdedah dengan gajet. Hasilnya, wujud hubungan negatif yang signifikan antara pemantauan media keibubapaan ini dengan tingkah laku agresif kanak-kanak. Ini menunjukkan semakin tinggi peranan ibu bapa menjadi mediator kepada anak mereka dalam penggunaan gajet, maka semakin kurang tingkah laku agresif yang dilakukan oleh anak-anak. Walau bagaimanapun daripada ketiga-tiga pendekatan pemantauan media yang dikaji, hanya pemantauan media terhad memberi pengaruh signifikan ke atas tingkah laku agresif kanak. Dua lagi pendekatan yang dikaji iaitu pemantauan media aktif dan penggunaan bersama adalah tidak signifikan.

RUJUKAN

- Adolescent Risk Communication Institute (ARCI). (2005). *Treating and preventing adolescent mental health disorders: What we know and what we don't know*. New York: Oxford University Press.
- Al Mazmi, M., Aslam, H. & Rajan, A.V. (2013). The influence of technology on children's health. *International Conference on Technology and Business Management*, March 18-20, 1226-1235.
- Ahlan Abdul Aziz. (2016). Peranan teknologi dan sumbangannya ke arah perkembangan komunikasi dalam organisasi yang berkesan. *Forum Komunikasi*, 11 (2): 51-64.
- An, S., & Lee, D. (2010). An integrated model of parental mediation: The effect of family communication on children's perception of television reality and negative viewing effects. *Asian Journal of Communication*. 20: 389–403.
- Aznar Omar. (2017). Permainan mudah alih dan kanak-kanak. *Ideology*. 2(1): 137-149.
- Berita Harian Online* (2019) Dewan Negara lulus pindaan akta turunkan had umur belia kepada 30 tahun. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/588802/dewan-negara-lulus-pindaan-akta-turunkan-had-umur-belia-kepada-30>.
- Berita Harian Online* (2019) Johor tukar semula had umur belia kepada 40 tahun. Retrived from <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/07/583087/johor-tukar-semula-had-umur-belia-kepada-40-tahun>.
- Bond, Trevor G, & Fox, Christine M. 2007. *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*.
- Buijzen, M. (2009). The effectiveness of parental communication in modifying the relation between food advertising and children's consumption behaviour. *British Journal of Developmental Psychology*. 27: 105–121.
- Clark, L. S. (2011). Parental Mediation Theory for the digital age. *Communication Theory*. 21(4): 323–343.
- Connell, S. L., Lauricella, A. R., & Wartella, E. (2015). Parental co-use of media technology with their young children in the USA. *Journal of Children and Media*. 9: 5–21.
- Collier, Kevin M.; Coyne, Sarah M.; Rasmussen, Eric E.; Hawkins, Alan J.; Padilla-Walker, Laura M.; Erickson, Sage E.; Memmott-Elison, Madison K. (2016). Does parental mediation of media influence child outcomes? A meta-analysis on media time, aggression, substance use, and sexual behavior. *Developmental Psychology*. 52(5), 798–812.
- Coyne, S. M., & Padilla-Walker, L. M. (2015). Sex, violence, & rock n' roll: Longitudinal effects of music on aggression, sex, and prosocial behavior during adolescence. *Journal of Adolescence*. 41: 96–104.
- Duerager, A., & Livingstone, S. (2012). *How Can Parents Support Children's Internet Safety?* London: EU Kids Online.
- Engelhardt, C. R., & Bartholow, B. D. (2013). Effects of Situational Cues on Aggressive Behavior. *Social and Personality Psychology Compass*. 7(10): 762–774.

- Fatimah Abdullah, Sarnon, N., Hoesni, S.M. & Wan Azreena W.J. (2008). Dari halaman rumah ke hadapan layar: Pola bermain dan fungsinya kepada perkembangan kanak-kanak. *Jurnal e-Bangi* 3(1).
- Hairol Kamal Ab. Rahman. (2017). Ketagihan Gadget, 13 Januari, MyHEALTH, Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my/ketagihan-gadget-di-kalangan-remaja-kebaikan-dan-keburukan-2/>
- Harrison, K., & Liechty, J. M. (2012). US preschoolers' media exposure and dietary habits: the primacy of television and the limits of parental mediation. *Journal of Children and Media*. 6(1): 18–36.
- Jackson, L. A., von Eye, A., Fitzgerald, H. E., Witt, E. A., & Zhao, Y. (2011). Internet use, videogame playing and cell phone use as predictors of children's body mass index (BMI), body weight, academic performance, and social and overall self-esteem. *Computers in Human Behavior*. 27(1): 599–604.
- Keating, S. (2011). A study on the impact of electronic media, particularly television and computer consoles, upon traditional childhood play and certain aspects of psychosocial development amongst children. *International Journal for Cross-Disciplinary Subjects in Education (IJCDSE)*. 2(1): 294-303.
- Kirwil, L. (2009). Parental Mediation of Children's Internet Use In Different European Countries. *Journal of Children and Media*. 3(4): 394–409.
- Latifah Abdul Majid, Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Nurul Hidayah Ahmad Zakhi. (2012). Penerapan nilai murni dan pembentukan jati diri kanak-kanak prasekolah melalui penggunaan multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition*.: 51-65.
- Lau, W.W.F., & Yuen, A.H.K. (2013). Adolescents' risky online behaviours: The influence of gender, religion, and parenting style. *Computers in Human Behavior*. 29(6): 2690–2696.
- Lee, S.-J. (2012). Parental restrictive mediation of children's internet use: Effective for what and for whom? *New Media & Society*, 15(4): 466–481.
- Lee, S.-J., & Chae, Y.-G. (2012). Balancing participation and risks in children's internet use: The role of internet literacy and parental mediation. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*. 15(5): 257-262.
- Leung, L., & Lee, P.S.N. (2012). The influences of information literacy, Internet addiction and parenting styles on Internet risks. *New Media & Society*. (14): 137–151.
- Linder, J. R., & Werner, N. E. (2012). Relationally aggressive media exposure and children's normative beliefs: Does parental mediation matter? *Family Relations. An Interdisciplinary Journal of Applied Family Studies*. 61: 488 –500.
- Livingstone, S., & Helsper, E. J. (2008). Parental mediation of children's use. *Journal of Broadcasting and Electronic Media*. 52: 581-599.
- Naquiah Nahar, Sahrudin Sangi, Dharsigah Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli & Abdul Hafiz Abdullah. (2017). Impak negatif teknologi moden dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak hingga usia remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 5(1): 87-99.

- Nathanson, A. I. (2015). Media and the family: Reflections and future directions. *Journal of Children and Media*. 9: 133–139.
- Noyes, J. (2006). Health and quality of life of ventilator-dependent children. *Journal of Advanced Nursing*. 56(4): 392–403.
- Padilla-Walker, L. M., Coyne, S. M., Fraser, A. M., Dyer, W. J., & Yorgason, J. B. (2012). Parents and adolescents growing up in the digital age: Latent growth curve analysis of proactive media monitoring. *Journal of Adolescence*. 35(5): 1153–1165.
- Plowman, L., & McPake, J. (2013). Seven myths about young children and technology. *Childhood Education*. 89(1): 27–33.
- Rasmussen, T. (2014). Internet and the political public sphere. *Sociology Compass*. 8(12): 1315–1329.
- Sabita Marican. 2005. *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Salmah Omar & Malisah Latip. (2016). Pengaruh peranti teknologi kepada perkembangan sosial dan permasalahan kesihatan kanak-kanak. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/306256070_Pengaruh_Peranti_Teknologi_Kepada_Perkembangan_Sosial_Dan_Permasalahan_Kesihatan_Kanak-Kanak.
- Sarvey, S. I. (2008). Living with a machine: The experience of the child who is ventilator dependent. *Issues in Mental Health Nursing*. 29(2): 179–196.
- Shin, W., & Huh, J. (2011). Parental mediation of teenagers' video game playing: Antecedents and consequences. *New Media and Society*, 13(6). 945–962.
- Takeuchi, L.M. (2011). *Families Matter: Designing Media for a Digital Age*. New York: The Joan Ganz Cooney Center at Sesame Workshop.
- Troseth, G. L., Russo, C. E., & Strouse, G. A. (2016). What's next for research on young children's interactive media? *Journal of Children and Media*. 10: 54–62.
- Valcke, M., De Wever, B., Van Keer, H., & Schellens, T. (2011). Long-term study of safe internet use of young children. *Computers & Education*. 57(1): 1292–1305.
- Vasan A. (2010). Films and TV: Viewing patterns and influence on behaviours of college students, health and population innovation fellowship. Programme Working Paper, 13, New Delhi: Population Council.
- Woolf, B. (2009). Affect-aware tutors: recognising and responding to student affect. *Int. J. Learning Technology*. 4(3): 129–164.
- Wolf, C., Wolf, S., Weiss, M., & Nino, G. (2018). Children's environmental health in the digital era: understanding early screen exposure as a preventable risk factor for obesity and sleep disorders. *Children*. 5(2): 31.
- Wonsun Shin, & Jisu Huh. (2011). Parental mediation of teenagers' video game playing: Antecedents and consequences. *New Media & Society*. 13(6): 945–962.
- Yen, J.-Y., Yen, C.-F., Chen, C.-S., Tang, T.-C., & Ko, C.-H. (2009). The association between adult ADHD symptoms and internet addiction among college students: The gender difference. *Cyber Psychology & Behavior*. 12(2): 187–191.

Yong, S.Q. (2011). *A study of internet addiction among students of Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Pei Yuan, Kampar*. (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Tuanku Abdul Rahman, Kampar.

Zaman, B., Nouwen, M., Vanattenhoven, J., de Ferrerre, E., & Looy, J. V. (2016). A qualitative inquiry into the contextualized parental mediation practices of young children's digital media use at home. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*. 60(1): 1–22.

Profil Penulis

Maizatul Haizan Mahbob (PhD)

Pensyarah Kanan

Pusat Kajian Media dan Komunikasi

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

maiz@ukm.edu.my

Mohamad Isma Fahmie Nordin Ahmad

Pelajar Pra-Siswazah

Program Komunikasi Media

Pusat Kajian Media dan Komunikasi

Universiti Kebangsaan Malaysia

ismafahmie97@gmail.com

PROFIL DESKRIPTIF SOSIO-DEMOGRAFI DAN SOSIO-EKONOMI AHLI GENGSTERISME REMAJA INDIA DI SUNGAI PETANI, KEDAH

PAVITHRAN A/L YOLAGANATHAN, NORRUZEYATI CHE MOHD NASIR, MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN, MOHD ALIF JASNI, AHMAD SHUKRI ABDUL HAMID

ABSTRAK

Remaja merupakan kumpulan sasaran baharu untuk direkrut sebagai ahli geng kongsi gelap. Terdapat ciri-ciri tertentu yang meningkatkan risiko penglibatan individu dalam gengsterisme. Kajian ini bertujuan mengenal pasti profil sosio-demografi dan sosio-ekonomi ahli gangsterisme yang melibatkan remaja India di Sungai Petani, Kedah. Seramai 70 remaja India yang menjadi ahli kepada kumpulan geng tertentu dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Kaedah tinjauan digunapakai dalam kajian ini di mana pengumpulan data adalah melalui alat soal-selidik. Hasil kajian mendapati majoriti remaja yang terlibat dalam gengsterisme terdiri daripada remaja lelaki yang berumur 16 hingga 17 tahun serta mempunyai tahap pencapaian akademik yang kurang baik di sekolah. Kebanyakan responden berasal daripada keluarga yang mempunyai status sosio-ekonomi yang rendah berdasarkan pendapatan ibu bapa, jenis pekerjaan dan tahap pendidikan. Kajian ini turut mencadangkan agar usaha mencegah masalah gengsterisme perlulah bersifat holistik dan mengambil kira semua aspek sistem ekologi klien.

Kata kunci: *Sosio-Demografi, Sosio-Ekonomi, Remaja, Gengsterisme, Kongsi Gelap.*

ABSTRACT

Adolescent has always been a potential target group that would be recruited as members in gangsterism. There are certain characteristics that may increase the involvement of individual in gangsterism. Therefore, this study aims to identify social-demographic and family's social-economy profile of the Indian adolescent who are involved in gangsterism in Sungai Petani, Kedah. A total of 70 Indian adolescents who are members of the gang had involved in this study by utilizing purposive sampling technique. A survey research through questionnaire was used to collect the data. The result of the study shown that majority of adolescent ranging from 16 to 17 years of age and with poor academic achievement in school had involved in gangsterism. Based on parents' income, type of job and education level, the study concluded that most of the respondents came from families with low social-economy status. This study would like to suggest that the prevention measure on the problem of gangsterism have to be holistic as well as taking into consideration various types of client's system.

Keywords: *Social-Demography, Social-Economy, Adolescent, Gangsterism, Secret Society.*

PENGENALAN

Di Malaysia, budaya gengsterisme dan kongsi gelap sangat aktif pada tahun 1960-an hingga 1970-an. Budaya ini mungkin akan kembali “hidup” sekiranya tiada langkah holistik dalam mengawal kemunculan mereka. Gejala gengsterisme boleh menimbulkan beberapa kemelut sosial seperti keganasan di sekolah, pembentukan identiti yang negatif, peningkatan kadar jenayah, ketidakstabilan politik dan ketakutan pada jenayah dalam kalangan masyarakat. Pada 22 April 2017, 18 individu termasuk 13 pelajar Sekolah Menengah di Klang, Selangor ditahan oleh pihak polis selepas tindakan mereka melakukan pesta meraikan kongsi gelap Geng 24 di sekolah telah tular di media sosial. Selain itu, sekumpulan 17 remaja lelaki yang majoritinya masih bersekolah ditahan selepas disyaki

mempunyai kaitan dengan aktiviti gengsterisme kumpulan 'Satu Hati' atau Geng 35 di daerah Kuala Muda, Kedah. Kumpulan gengster dan kongsi gelap mula mensasarkan pelajar sekolah sebagai ahli geng dan mereka mungkin direkrut untuk terlibat dalam kegiatan jenayah terancang. Antara kongsi gelap yang disertai pelajar sekolah ialah Geng 08, Geng 550, Geng 36 dan Ang Soon Thong (Berita Harian, 2019)

Laporan The Star (2013) menunjukkan terdapat seramai 40,313 ahli gengster seluruh Malaysia. Pecahan mengikut kaum menunjukkan majoriti ahli kongsi gelap atau gengster ialah kaum India dengan seramai 28,926 orang atau 71.8%. Kaum Cina pula mewakili 20.4% iaitu seramai 8,214 orang. Manakala bilangan ahli kongsi gelap melibatkan kaum Melayu ialah seramai 1,923 orang atau 4.7%. Terdapat sekurang-kurangnya 49 kumpulan kongsi gelap berbeza yang masih bergerak aktif di seluruh negara. Remaja sangat berisiko untuk direkrut sebagai ahli geng terutamanya remaja yang berada dalam kategori kekurangan sosial (*social deprivation*) seperti keluarga yang hidup dalam kemiskinan dan kedaifan (Lor, 2003).

Isu gengsterisme dalam kalangan remaja menarik perhatian ramai pengkaji khususnya di luar negara untuk meneliti permasalahan ini dari pelbagai sudut seperti White dan Mason (2015), Melde, Diem dan Drake (2012), dan Weerman, Lovegrove dan Thornberry (2015). Manakala kajian tentang gengsterisme di Malaysia terutamanya melibatkan remaja yang masih bersekolah adalah terhad. Sehubungan itu, kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti latar belakang sosio-demografi dan juga sosio-ekonomi ahli gengsterisme remaja India yang terlibat dalam gengsterisme di Sungai Petani, Kedah. Pengenalpastian ciri-ciri sosio-demografi dan sosio-ekonomi ahli geng adalah signifikan sebelum sesuatu intervensi dilaksanakan terhadap mereka.

SOROTAN LITERATUR

Gengsterisme atau jenayah kongsi gelap bukanlah satu isu sosial yang baharu di Malaysia. Masalah ini telah lama wujud terutamanya semasa zaman pemerintahan kolonial dan kedatangan imigran Cina secara besar-besaran sehingga menimbulkan pelbagai masalah sosial termasuk kongsi gelap (Norruzeyati, 2019). Pada tahun 2013, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telahewartakan 72 kongsi gelap sebagai haram di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Berita Harian, 2019). Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Anti Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7) Bukit Aman, Datuk Rohaimi Md Isa menganggarkan ahli kongsi gelap mencapai 20,000 ahli yang mempunyai organisasi yang terancang, kukuh dan licik (Berita Harian, 2019). Beliau turut memaklumkan bahawa “profesyen bawah tanah” ini memfokuskan kepada kegiatan pemerasan dan kekerasan serta melindungi jenayah. Ahli kongsi gelap atau gengster boleh dikenali menerusi tatu di badan, isyarat tangan, pelekat atau kod tertentu (Berita Harian, 2019).

Isu gengsterisme atau kongsi gelap kini semakin membimbangkan dengan penglibatan pelajar sekolah. Pada tahun 2017, negara digemparkan dengan klip video yang memaparkan sekumpulan individu termasuk pelajar dengan pakaian seragam sekolah melakukan kekecohan dengan membakar mercun termasuk memegang kain rentang dengan nombor 24 (Geng 24) (Siti Azila, 2017). Pelajar-pelajar yang terbabit dengan gengsterisme didorong oleh keinginan mahu dipandang tinggi serta digeruni rakan sebaya. Mereka turut terlibat dengan salah laku di sekolah seperti buli dan ponteng sekolah serta jenayah kekerasan seperti pemerasan, pergaduhan dan ugutan.

Penglibatan pelajar sekolah dalam gengsterisme menunjukkan wujudnya sub- budaya keganasan (*sub-culture of violence*) yang dikaitkan dengan golongan yang tersisih daripada arus

perdana. Budaya ini lebih ketara berlaku dalam kalangan golongan kelas sosio-ekonomi yang rendah. Ahli sosiologi sub budaya keganasan berpegang kepada andaian bahawa gengsterisme merupakan tindakan kolektif sekumpulan individu yang bertentangan dengan nilai-nilai budaya massa. Remaja daripada keluarga kelas pekerja yang gagal atau kecewa mencapai standard kehidupan yang baik akan menyertai atau membentuk kumpulan yang mempunyai ritual dan karakteristik tertentu (Haenfler, 2014). Mereka menjalankan aktiviti yang bertentangan dengan peruntukan undang-undang sesebuah negara melalui penglibatan dalam jenayah kekerasan, jenayah harta benda serta jenayah terancang seperti pengedaran dadah. Pernyataan ini juga telah dibuktikan melalui salah satu teori kriminologi iaitu Teori Ketegangan (Strain Theory) oleh Agnew (1992) di mana seseorang individu akan mengalami emosi negatif seperti kecewa dan agresif kerana tidak dapat mencapai matlamat melalui cara yang betul dan konvensional. Ini seterusnya menyebabkan individu ini untuk memilih jalan alternatif yang melanggar norma kehidupan iaitu jenayah dan gengsterisme.

Kebanyakan remaja yang menganggotai kumpulan gengster terdiri daripada remaja lelaki dan berada dalam lingkungan umur belasan tahun. Kajian Glesman, Krisberg dan Marchionna (2009) menunjukkan 68% ahli gengster adalah lelaki manakala remaja perempuan mewakili 32% sahaja. Menurut Chesney-Lind dan Shelden (2014), penglibatan wanita dalam geng selalunya dilihat sebagai sokongan atau bersifat sekunder kepada geng lelaki. Remaja perempuan yang terlibat dalam geng dikaitkan dengan memenuhi keperluan asas manusia seperti perasaan disayangi, penghargaan sendiri, perlindungan dan perasaan kekeluargaan. Latar belakang remaja perempuan lebih kurang sama dengan remaja lelaki yang terlibat dalam gengsterisme iaitu berasal daripada keluarga yang miskin atau kelas sosial yang rendah, keluarga tunggal dan status minoriti.

Kajian di Amerika Syarikat menunjukkan remaja mula menganggotai geng pada usia yang masih muda iaitu 13 hingga 15 tahun (Howell, 2010). Terdapat juga remaja seawal usia 12 atau 13 tahun yang mula keluar bersama atau berhubung dengan ahli geng namun tidak terlibat dengan aktiviti gengsterisme. Menurut Huff (1998), tempoh masa yang diambil untuk menyertai geng ialah enam bulan hingga ke dua tahun. Pyrooz and Sweeten (2015) mendapati geng remaja terdiri daripada remaja lelaki kulit hitam, Hispanik, keluarga tunggal dan keluarga mempunyai tahap pendapatan di bawah garis kemiskinan. Bilangan dan prevalens keahlian geng ialah antara 675,000 hingga 1,535,000 geng remaja atau 1.2% hingga 2.8% dengan kemuncak umur 14 tahun.

Penglibatan remaja dalam gengsterisme turut dikaitkan dengan pencapaian akademik yang rendah di sekolah (Savagea, Ferguson & Florese, 2017; Shankar, Geshina & Mohammad Rahim, 2019). Scott dan Spencer (2013) mendapati remaja terlibat dengan gengsterisme kerana ketinggalan dalam akademik atau sukar memahami sesuatu subjek sehingga sering ponteng kelas. Keadaan ini membawa kepada pembentukan tingkah laku jenayah atau mereka menjadi tidak bermotivasi untuk belajar dan tidak lagi berusaha untuk berjaya. Walau bagaimanapun, Scott dan Spencer (2013) menyatakan perkaitan antara pencapaian akademik dan tingkah laku jenayah adalah saling bertimbal balas seterusnya membawa kepada kitaran kekecewaan dan tiada motivasi untuk berjaya. Kegagalan dalam akademik memberi implikasi kepada peluang pekerjaan yang sah (*legitimate*) apabila dewasa.

Faktor risiko lain yang menyumbang kepada penglibatan remaja dalam gengsterisme ialah status sosio ekonomi keluarga yang rendah dan tinggal dalam kawasan kejiranan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi. Carvalho dan Soares (2016) mendapati individu daripada latar belakang keluarga yang berstatus sosio-ekonomi rendah dan kurang terlibat dalam aktiviti keagamaan mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk menyertai geng, bermasalah di sekolah dan mengambil dadah. Menurut Glesman, Krisberg dan Marchionna (2009), kebanyakan remaja yang terlibat dalam

gengsterisme terdiri daripada keluarga yang bergantung kepada bantuan kerajaan serta ibu bapa mempunyai tahap pendidikan yang rendah.

KAEDAH KAJIAN

Objektif utama kajian ini ialah mengenal pasti profil sosio-demografi dan sosio-ekonomi keluarga remaja India yang terlibat dalam gengsterisme. Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Lokasi kajian ialah Sungai Petani yang berada dalam daerah Kuala Muda di negeri Kedah. Pemilihan lokasi ini dilakukan secara bertujuan berdasarkan laporan yang menunjukkan masalah gengsterisme di Sungai Petani adalah membimbangkan. Pada tahun 2017, sekumpulan pelajar sekolah India telah ditahan kerana mempunyai kaitan dengan aktiviti gengsterisme kumpulan Satu Hati atau Geng 35 (Omar, 2017). Masalah gengsterisme lebih ketara berlaku dalam kalangan orang India sepertimana yang dilaporkan oleh media. Menurut The Star (2013), hampir 71.8% ahli gengster di seluruh negara daripada kaum India. Statistik ini menjadi justifikasi kenapa kajian ini hanya memfokuskan kepada remaja India.

Seramai 70 pelajar sekolah menengah telah terlibat sebagai responden kajian. Ciri-ciri responden yang ditetapkan ialah ahli kumpulan gengster dan masih bersekolah di sekolah menengah dalam kawasan Sungai Petani. Definisi gengsterisme dalam kajian ini merujuk kepada aktiviti atau tingkah laku pelajar sekolah yang devian atau bertentangan dengan norma masyarakat. Tingkah laku tersebut menunjukkan ciri-ciri kepada sesebuah kumpulan gengster. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan di mana para responden perlu memenuhi kriteria pemilihan sepertimana dinyatakan tadi. Selain itu, kajian ini juga menggunakan teknik persampelan bola salji bagi mendapatkan 70 responden. Tiga responden terawal diperolehi daripada pengurus sebuah taman perumahan yang mengenali pelajar sekolah yang mempunyai profil gengster atau terlibat dalam aktiviti gengsterisme. Melalui tiga responden, pengkaji mendapatkan responden lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama bagi kajian ini. Kajian ini tidak mempunyai senarai populasi yang lengkap tentang keahlian geng. Oleh itu, pengkaji cuba mendapatkan seramai mungkin responden yang memenuhi ciri-ciri responden kajian. Hanya 70 pelajar sekolah yang memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan bersetuju untuk terlibat dalam kajian ini.

Alat soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data kajian daripada responden. Soal selidik mengandungi soalan tentang profil sosio-demografi dan sosio-ekonomi keluarga responden. Sebelum kajian sebenar dilaksanakan, pengkaji telah menjalankan ujian rintis untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Keputusan ujian kebolehpercayaan soal selidik menunjukkan nilai *Cronbach alpha* adalah 0.897 iaitu nilai alpha yang baik dan boleh diterima. Proses pengumpulan data berlangsung antara bulan Jun hingga September 2019. Dalam proses ini, pengkaji memastikan etika penyelidikan sentiasa diutamakan. Misalnya, penyertaan responden adalah secara sukarela, mendapatkan persetujuan termaklum terlebih dahulu dan merahsiakan nama atau maklumat yang boleh mendedahkan identiti responden. Data mentah yang diperolehi di lapangan menerusi instrumen soal selidik dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 25. Kajian ini merupakan hasil latihan ilmiah yang diselia oleh pensyarah kanan di Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia. Proses menjalankan kajian ini dipantau oleh Penyelaras yang dilantik oleh pihak Pusat Pengajian. Setiap pelajar perlu melakukan pembentangan laporan akhir melibatkan dua panel dalaman bagi memastikan proses penyelidikan dilakukan secara sistematik dan saintifik serta berlandaskan etika penyelidikan.

DAPATAN KAJIAN

In this research, five main factors contribute to attitude change in communication among youths. They are parents, peers, media, personage, environment, and custom practice. According to Barber, Maughan & Olsen (2005); Crnic, Gaze and Hoffman (2005) parents take place over many years and phases of their child's life. Hence, youths might start imitating their parents from their childhood well into youths. In addition, parents are the role model, which accompany and cultivates the youths most of the time during their growing process. Parents bring influence in the way they speak to their friends. For example, the slang or gesture that they use when they are communicating with the others. Parents also influence the attitude they have and the way they behave regardless with whom they are communicating to.

Persuasive communication refers to communication process that communicator, or sender, try to convince his or her audience, or receiver, to adopt certain perceptions, attitudes and behaviours, by using message or media strategies (Goldberg & Jan, 2007). In this research, it showed that youths understand that persuasive communication aims to influence, change something, to either favourable perceptions, attitudes, behaviours, or beliefs. Surprisingly, youths are also aware of all kind of persuasions are taking place around them. Persuasive communication is perceived to be encountered in daily basis whenever there are social interactions. According to Goldberg and Jan (2007), persuasive communication can be achieved through systematic persuasion and heuristic persuasion. Systematic persuasion suggests that people can be persuaded based on logical argument and evidence. It may happen when youths encounter ideas that are contradict with their values or beliefs where reason and evidence are needed (Wet & Johann, 2017). However, based on this research, youths commonly think that persuasion of attitude change can be effective in certain context where there is an involvement of interest, which "heuristic persuasion" is clearly observed. When youths have specific emotional attachment and realize the need to take in new ideas or opinions, they can be easily shaken or influenced. The examples are when people are in unfavourable situation or depressing emotion, would be more

willing to rely on other convincing conversation and opinions as when people who are in good condition or life stability, they do not have the need to make change.

Attitude change concerns about the intra-shift of perception, opinion, or evaluation within a person towards the attitude object. In getting the idea of attitude change in communication, youths understand it as the change in mind set that will then bring impact to the observable behaviours. Such changes can be in terms of verbal or non-verbal. Verbal change refers to the spoken languages and choice of words use while non-verbal change includes the tone of voice, gesture and body language, which can be from socialization or imitation (Rocci & Andrea, 2016; Phutela & Deepika, 2015). The examples from the research interview include presenting politeness, being outspoken, using new words or way, or style, of talking manner.

Nowadays, peers have become one of the most important aspects for youths (Guzman, 2007). Due to companionship of peers, youths are more likely to spend their time with their peers than with their parents. They tend to change their attitude in order to accommodate themselves to their peers, so that they could have the sense of belongingness with their peers. Besides, generation gap is also one of the elements that leads youths to spend more time with their peers because they share common topics and interests among each other. For example, youths will speak vulgar words when they are communicating with their peers but when they talk to their parents, they will talk in a polite way.

Due to the widely use of media, it is one of the factors that contributes attitude changes among youths in communication. Youths uses media as one of the ways to look for information, a medium to connect with friends and families, and to keep themselves up to date with the latest trends and news. By engaging themselves in all of these, they started to be influenced by the media in changing their attitudes and the way they communicate in their daily life. On the other hand, personage also known as 'an image' also contributes to attitude change among youths in communication. Youths will imitate the communication way of celebrities or public figures that they respect or admire. They adapt to the attitude of these celebrities and public figures and the way they express themselves. This has caused youths to change their attitude in communication such as be more polite when talking to others, learn to motivate people around them, share the positive vibes when communicate with people around them and etc. For example, when youths' personage always shares positive vibes on social media, it indirectly influences their attitude in real life. They will become more positive and motivate people around them when they are communicating

Furthermore, environment and custom practices are the factors that contribute to attitude change among youths too. The effectiveness of persuasive communication in attitude change among youths also depends on physical place, occasion, timing, and events. Youths will adapt to the culture and norm in that particular environment and act like one of them. They will use different attitude to communicate with people around them depend on the occasion. For example, they will act in way that is more casual and talk less polite when they are with their friends in campus but when they are in workplace and they will act in way that is more formal and talk politely with others. Although the environment and custom practices can cause an attitude change in youths, when the communication way is contradicting with the value of youths, they will still prefer way that are close with their own value.

CONCLUSION

The result shows that there are three main factors that influence communication behaviour among youths. The first factor is peer influence, considered as the biggest influencer in the communication behaviour among youths. A peer is an individual who is of equal standing with another and who shares the same characteristic with the group. In the ages of youth, they will meet their peers and interact with each other frequently as they probably spent more time together in the same university. Hence, the behaviour of their peers might inspire youths and they will start behaving like how their peers behave in the group to seek for the belongingness and togetherness.

The generation gap between the parents and their children is contributing to peers to become the biggest influencer to youths, this is because youths feel their parents have conservative mind set. This generation gap makes youths to not willing to communicate or interact with their parents even when they are facing problem. Conversely, youths are more likely to seek opinion from peers as they think they have a similar mindset and even imitate the communication behaviour from their peers unconsciously. Besides, it is also be that youth by observing their peers' behaviour like speaking style and dressing style to conform them in the group.

In addition, media also act as one of the most influential factors to behaviour change among youths. With the development of technology, the power of the media influence is not deniable, as youths will continue to be exposed with overloaded media information. It makes youths change their communication behaviour like what the media had portrayed to them. However, the influence from media is not always positive and depends on content of the media they explore. Lastly, some of the youths will change their communication pattern accordingly to fit the occasions. More courtesy is given while they are communicating with elder as it is the social norm, but they will be more casual when communicate with their peers. While in the different occasion, the tone of voice in the communication can also keep changing accordingly because of the social distance.

REFERENCES

- Adair, & John. (2009). *Effective communication : the most important management skill of all*. London: Pan Books.
- Adler, P. A., & Adler, P. (1998). *Peer Power: Preadolescent Culture and Identity*. New Brunswick, NJ: Rutgers University Press.
- Adubato, S. (2015). How Effective Communication Promote Population Health Towards Teens. *New Jersey Medical Community*, 37-38.
- Bassett, & Glenn. (1974). Management Review. *What Is Communication and How Can I Do It Better?*, 25-33.
- Benson, J., & Elder, G. (2011). Young Adult Identities and Their Pathways: A Developmental and Life Course Model. *Developmental Psychology*, 1646-1657.
- Brown, B. B., & Bakken, J. P. (2011). Parenting and Peer Relationships: Reinvigorating Research on Family–Peer Linkages in Adolescence. *Journal of Research on Adolescence*, 153-165.
- Caspi, A., & Roberts, B. W. (2001). Personality Development Across the Life Course: The Argument for Change and Continuity. *Psychological Inquiry*, 49-66.
- Cleary, S. (2015). *The Communiation Handbook*. Juta & Company Ltd.

- Conger, K., Rueter, M. A., & Conger, R. (2000). The role of economic pressure in the lives of parents and their adolescents: The Family Stress Model. *Negotiating adolescence in times of social change*, 201-223.
- Cugelman, B., Thelwall, M., & Dawes, P. (2009). Communication-based influence components model. *Publication: Persuasive '09: Proceedings of the 4th International Conference on Persuasive Technology* (pp. 1-9). ACM Digital Library.
- Dubov. (2015). Ethical persuasion: the rhetoric of communication in critical care. *Journal Of Evaluation In Clinical Practice*, 496-502.
- Elo, S., & Kyngas, H. (2008). The Qualitative Content Analysis Process. *Journal of Advanced Nursing*, 107-115.
- Galletta, & Anne. (2012). *Mastering the Semi-Structured Interview and Beyond : From Research Design to Analysis and Publication*. New York: NYU Press.
- Gemma, W. (13 December, 2013). *The Elements of Communication: A Theoretical Approach*. Retrieved from Udemy: <http://udemyblog.wpengine.com/elements-of-communication/>
- Huesmann, L. R., & Taylor, L. D. (2006). The Role of Media Violence in Violent Behaviour. *Annual Reviews of Public Health*, 393-415.
- Jain, V. (2014). 3D Model of Attitude. *International Journal of Advanced Research in Management and Social Sciences*, 1-12.
- Jamieson, P. E., & Romer, D. (2014). Violence in Popular U.S. Prime Time TV Dramas and the Cultivation of Fear: A Time Series Analysis. *Media and Communication*, 31-41.
- Kapustina, V. (2016). Socio-Psychological Aspects of Adolescent Socialization in LoneParent and Two-Parent Families . *Procedia- Social and Behavioral Sciences*, 78-82.
- Kaur, H., & Kaur, M. (2016). Study of Peer Influence Among Universit Students. *Indian Journal of Health and Wellbeing* , 958-961.
- Keshavjee, S. (10 January, 2021). *Young Adult Issues*. Retrieved from <https://www.goodtherapy.org/:https://www.goodtherapy.org/learn-about-therapy/issues/young-adults>
- King, & Nigel. (2010). *Interviews in qualitative research*. Los Angeles: Sage Publications.
- King, R. C., & Dong, S. (2017). The Impact of Smartphone on Young Adults. *The Business and Management Review*, 342-349.
- Leigh, M. (2016). *How to Talk Teen: From Asshat to Zup, the Totes Awesome Dictionary of Teenage Slang*. Hachette UK.
- Marks, J., Bun, L. C., & McHale, S. M. (2009). Family Patterns of Gender Role Attitudes. *Sex Roles*, 221-234.
- Mason, J. (2002). *Qualitative Researching*. Bonhill Street, London: SAGE Publications Ltd.
- Mistry, R. ..., Vandewater, E., Huston, A., & McLoyd, V. (2002). Economic Well-Being and Children's Social Adjustment: The Role of Family Process in an Ethnically Diverse Low-Income Sample. *Child development*, 935-951.
- Moerer-Urdahl, T., & Creswel, J. (2004). What is Phenomenological Research? *International Journal of Qualitative Methods*, 1-28.

- Muhartoyo, M., & Wijaya, B. S. (2014). The Use of English Slang Words in Informal Communication Among 8th Semester Students of English Department in Binus University. *Humaniora*, 197-209.
- Mukama, E. (2005). Peer Group Influence, Alcohol Consumption, and Secondary School Students' Attitudes. 1-5.
- O'Dea, J. A., & Abraham, S. (2000). A New Educational Approach that Focuses on Self-Esteem. *Improving the Body Image, Eating Attitudes, and Behaviors of Young Male and Female Adolescents*, 43-57.
- Park, S.-Y. (2005). The Influence of Presumed Media Influence on Women's Desire to Be Thin. *Communication Research*, 594-614.
- Perloff, & Richard. (2017). *The dynamics of persuasion : communication and attitudes in the 21st century*. New York: Routledge.
- Petry, N. M. (2002). A comparison of young, middle-aged, and older adult treatment-seeking pathological gamblers. *The Gerontological Society of America*, 92-99.
- Pushpa, Ramnath, & Singh, S. (2017). Peer Pressure Among Adolescents in Relation to Family Climate. *Indian Journal of Health and Wellbeing*, 196-199.
- Saal, & Elvis. (2011). The effect of teenage language in health communication. *Language Matters: Studies in the Languages of Africa*, 83-103.
- Shehu, M., & Zhurda, Y. (2017). Social Networks Used by Teens and Parental Control of Their Online Communication. *Bulgarian Journal of Science and Education Policy*, 121-131.
- Sinthamrong, P., & Rompho, N. (2015). Factors Affecting Attitudes and Purchase Intentions Toward Branded Content on Webisodes. *Journal of Management Policy and Practice*, 64-72.
- Stein, Catherine, Osborn, L., & Greenberg, S. (2016). Understanding Young Adults' Reports of Contact with their Parents in a Digital World: Psychological and Familial Relationship Factors. *Journal of Child & Family Studies*, 1802-1814.
- Stiff, & James. (2003). *Persuasive communication*. New York: Guilford Press.
- The Importance of Non-verbal Communication*. (2017). Retrieved from ethos3: <https://www.ethos3.com/speaking-tips/the-importance-of-non-verbal-communication/>
- Thompson, & Neil. (2011). *Effective Communication : A Guide for the People Professions*. Palgrave Macmillan: Basingstoke.
- Tormala, Z. L., & Brinol, P. (2015). Attitude change and persuasion: Past, present, and future directions. *Cambridge Handbooks in Psychology*, Cambridge University Press.
- Tribble, H. B. (2015). Emerging Adulthood: Defining the Life Stage and its Development Tasks. *Educational Specialist*, 1-87.
- W, D. (22 October, 2011). *The Communication Process & The Elements of Communication*. Retrieved from CAPE-Communication Studies: <http://cape-commstudies.blogspot.my/2011/10/communication-process.html>
- Walley, K., Custance, P., Orton, G., Parsons, S., Lingreen, A., & Hingley, M. (2009). Longitudinal Attitude Surveys in Consumer Research: A Case Study from the Agrifood Sector. *Qualitative Market Research: An International Journal*, 260-278.

Wang, M., & Chen, Y. (2006). Age Differences in Attitude Change: Influences of Cognitive Resources and Motivation on Responses To Argument Quantity. *American Psychological Association*, 581-589.

Why Does Someone have a Certain Attitude? (2011). Retrieved from ACS Distance Education: <https://www.acs.edu.au/info/psychology/applied-psychology/what-is-attitude.aspx>

Young, & Richard. (2016). *Persuasive Communication : How Audiences Decide*. New York: Routledge.

Zucker, H. G. (2017). The Variable Nature of News Media Influence. *MASS COMMUNICATION: Selected Studies in Mass Communication*, 225-240.

Authors' Profile

Mohd Yusof Zulkefli

*Department of Public Relations
Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
Kampar, Perak
yusofz@utar.edu.my*

Ho Wai Khang

*Operation Executive
LHS Resources SDN BHD
howaikhang0607@gmail.com*

Lee Say Yik

*Marketing Executive
Department of Marketing
TSW LABS SDN BHD
sayyik96@icloud.com*

Lim Tiong Lei

*Brand and Marketing Executive
Kossan International Sdn Bhd
johnnylim94@gmail.com*

Gwee Jing Xuan

*Social Media Editor
Ambersand Sdn Bhd
joey_gwee96@hotmail.com*

Gim Yuen Ching

*Career Advisor
Agensi Pekerjaan Reeracoen (Malaysia) Sdn Bhd
gimyuenching@gmail.com*

Mohamad Ariff Hakimi Mohd Hasan

*Corporate Fellow at Malaysia Airports Holding Berhad
Malaysia Airports Holding Berhad
Selangor*

DAYA TAHAN DIRI DARI PERSPEKTIF GENERASI Y DI TERENGGANU

NOR EZDIANIE OMAR & MUHAMAD NOH ABDULLAH

ABSTRAK

Ketiadaan dan kelemahan daya tahan diri mengakibatkan gangguan kesejahteraan psikologi dan kelestarian pengajian dalam kalangan Generasi Y yang juga merupakan pelajar bidang perhubungan menolong di universiti awam di Terengganu. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka pengalaman informan tentang daya tahan diri. Reka bentuk kajian adalah kajian kualitatif. Kutipan data kualitatif adalah melalui kaedah temu bual kumpulan fokus menggunakan protokol temu bual semi-struktur. Pemilihan sampel kajian adalah menggunakan pendekatan persampelan bertujuan. Sampel yang dikenali sebagai informan dalam konteks kajian kualitatif adalah 16 orang Generasi Y yang merupakan pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda dalam bidang perhubungan menolong di dua buah universiti awam di Terengganu. Data kualitatif dianalisis secara analisis tema dan dilaporkan dalam bentuk jadual matriks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa informan mempunyai pengalaman berkaitan daya tahan diri. Pengalaman informan ditunjukkan melalui keupayaan informan memberikan definisi tentang daya tahan diri dan menyatakan ciri individu yang mempunyai daya tahan diri. Dapatan kajian menunjukkan informan juga mempunyai pengalaman cara untuk membentuk daya tahan diri serta bagaimana daya tahan diri dapat membantu mereka sebagai pelajar universiti menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampus. Kesimpulannya, dapatan kajian ini dapat menyumbang ke arah peningkatan ilmu pengetahuan berkaitan daya tahan diri seterusnya mempromosi dan memperkasakan daya tahan diri dalam kalangan Generasi Y. Selaras dengan dapatan kajian, pengkaji mencadangkan suatu intervensi berasaskan laman web (*web-based intervention*) bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi dan kelestarian pengajian dalam kalangan Generasi Y di universiti awam.

Kata Kunci: Daya tahan diri, Generasi Y, Terengganu, Pelajar bidang perhubungan menolong

ABSTRACT

The low level of the resilience has led to disruptions in the psychological well-being and sustainability of education among the Y Generation who are also students in the helping relationship field at the public universities in Terengganu. The objective of this study was to explore informants' experiences of resilience. The study design is a qualitative study. Qualitative data collection was conducted through a focus group interview using the semi-structured interview protocol. The sample selection was based on purposive sampling. The sample identified as informants in the context of qualitative research was 16 Y Generation students who are currently pursuing a diploma and bachelor's degree in helping relationship field at two public universities in Terengganu. Data were analysed thematically and the findings were reported in the form of matrix table. The findings show that informants have experiences in resilience. The informant's experiences are expressed through the ability of the informant to provide the definition of resilience and to express the characteristics of the individual who has resilience. Findings show informants have experience how to build resilience and how resilience helps them as a university student to adapt with campus life. In conclusion, the findings of this study can contribute to the development of knowledge about resilience and thus promote and strengthen resilience among the Y Generation. According to the findings, researchers suggested a web-based intervention to enhance psychological well-being and sustainability of education among Y Generation in public universities.

Keywords: Resilience, Y Generation, Terengganu, Student in helping relationship field

PENGENALAN

Generasi Y dikenali sebagai generasi *millenials* dan generasi *dot.com* (PrincetonOne & Hobart, 2014). Mereka juga digelar '*technosavy*' dan '*digital natives*.' Generasi ini dibesarkan dalam persekitaran hidup yang menggunakan teknologi. Mereka begitu fasih dengan bahasa komputer, aktif dengan permainan video, cekap menggunakan gajet dan mahir menggunakan internet. Dari sudut komunikasi, generasi ini mengharapkan maklum balas segera apabila berinteraksi. Ini berikutan daripada kebiasaan hidup mereka yang selalu pantas serta sikap kurang sabar dan mudah bosan. Mereka juga dikatakan mudah berkomunikasi dengan teknologi berbanding manusia. Dari sudut personaliti, Generasi Y dilihat mempunyai tret personaliti yang unggul seperti mempunyai keyakinan diri dan konsep sendiri yang tinggi, mementingkan kehidupan yang seimbang, mementingkan keluarga, mempunyai komitmen yang tinggi, suka menyahut cabaran dan sukakan persaingan (Hills et al., 2013).

Kumpulan belia di Malaysia sekarang terdiri daripada Generasi Y berdasarkan takrifan baharu berkaitan umur belia iaitu individu yang berusia antara 15 hingga 30 tahun (Kementerian Belia dan Sukan, 2015). Generasi Y mendominasi masyarakat Malaysia dengan jumlah 31.5% daripada keseluruhan 29.9 juta rakyat Malaysia (Jabatan Perangkaan, 2013). Menyedari kepentingan peranan Generasi Y sebagai pewaris kepemimpinan negara pada masa hadapan, maka kerajaan melalui Dasar Belia Malaysia (2015) telah menggariskan beberapa karakter Generasi Y. Karakter tersebut adalah beragama, cenderung kepada konservatif, berorientasikan keluarga, pengguna dinamik, cenderung kepada teknologi, rajin, optimis tentang masa hadapan dan sedia didekati.

Walaupun Dasar Belia Malaysia (2015) juga menekankan kepada aspek pembangunan dan pemeraksanaan Generasi Y, namun mereka juga tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai cabaran. Pada tahun 2013, didapati bahawa 58% individu berusia 20 hingga 40 tahun diisytiharkan muflis. Di samping itu juga, kadar keciciran dalam pendidikan rendah dan menengah dilaporkan semakin meningkat dengan masing-masing berjumlah 2,302 orang bagi pendidikan rendah dan 43,428 orang bagi pendidikan menengah. Dilaporkan juga bahawa 4,653 orang individu berumur 16 hingga 30 tahun dimasukkan ke penjara pada tahun 2013. Selain itu, 37,873 kes perceraian dalam kalangan individu berumur 15 hingga 30 tahun dilaporkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Dasar Belia Malaysia, 2015). Melihat kepada kepelbagaian isu yang melanda Generasi Y, maka adalah penting untuk memperkasakan Generasi Y melalui pembentukan dan pemupukan daya tahan diri.

TINJAUAN LITERATUR

Perkataan daya tahan diri berasal dari istilah sains fizikal yang bermaksud "melantun atau bangkit semula" (*to bounce back*) atau pulih selepas kerugian (*rebounding after loss*) (Resnick & Inguito, 2011). Mohd Tajudin dan Rohany (2014) menyatakan bahawa penggunaan istilah daya tahan diri menerangkan tentang keupayaan individu untuk melantun atau bangkit semula apabila berhadapan dengan kesukaran hidup. Istilah ini juga digunakan oleh Richardson (2002) untuk memberikan gambaran bahawa daya tahan diri membantu individu untuk meletakkan kembali dirinya pada paksi asal kehidupan selepas berhadapan dengan cabaran (Richardson, 2002). Daya tahan diri juga dikaitkan dengan keupayaan individu untuk menangani dan menyesuaikan diri apabila berhadapan dengan tragedi, trauma, kesusahan dan kesukaran (Connor & Davidson, 2003). Konsep daya tahan diri secara umumnya adalah keupayaan individu untuk bangkit semula dan membina kekuatan selepas berhadapan dengan kesukaran dan cabaran (Mohd Tajudin & Rohany, 2014).

Daya tahan diri dari perspektif psikologi adalah daya tahan diri yang menjadikan individu mampu menghadapi perubahan dalam hidup dan menganggap perubahan sebagai suatu peluang untuk kehidupan yang lebih baik (Bonanno et al., 2015). Kajian berkaitan daya tahan diri dari perspektif psikologi adalah bertujuan untuk memahami bagaimana sesetengah individu mampu bertahan dengan

tekanan yang dihadapi malah semakin berkembang dan kuat setelah berhadapan dengan cabaran (Fletcher & Sarkar, 2013). Daya tahan diri dari perspektif psikologi menurut Richardson (2002) adalah peralihan paradigma diri individu dari melihat kepada faktor risiko yang membawa kepada kerapuhan kepada mencari kekuatan diri. Pandangan ini disokong oleh Mohd Tajudin dan Rohany (2014) yang menyatakan bahawa individu yang mempunyai daya tahan diri tidak berisiko menjadi rapuh malah mempunyai faktor pelindung yang membentuk ketahanan diri.

Daya tahan diri dalam konteks pelajar universiti adalah keupayaan pelajar untuk menyesuaikan diri terhadap perubahan kehidupan yang serba baharu di universiti (Turner et al., 2016). Kehidupan di universiti merupakan suatu fasa kehidupan yang sukar kerana ia melibatkan perubahan yang besar (Rahat & Ilhan, 2016). Perubahan utama yang dinyatakan dalam kajian sebelum ini adalah perubahan akademik dan peribadi (Skovholt & Ronnestad, 2003; Turner et al., 2016). Turner et al., (2016) menyatakan perubahan akademik melibatkan transisi pendidikan iaitu dari sistem pengajian peringkat sekolah ke peringkat universiti (Turner et al., 2016). Kajian Skovholt dan Ronnestad (2003) yang disokong oleh kajian Rahat dan Ilhan (2016) pula menyatakan perubahan peribadi melibatkan transisi kehidupan pelajar bersama keluarga kepada kehidupan sendiri dan berdikari (Rahat & Ilhan, 2016; Skovholt & Ronnestad, 2003).

Pelajar bidang perhubungan menolong berhadapan dengan cabaran untuk menyeimbangkan keperluan akademik, profesional, tanggungjawab peribadi dan latihan dalam profesion (Greenhill et al., 2015; Thompson et al., 2011). Pelajar bidang perhubungan menolong juga berhadapan risiko gangguan kesejahteraan seperti kemurungan, *burn out* sehingga kadang kala membawa kepada idea membunuh diri (Martin & Marsh, 2006). Hal ini berlaku kerana kegagalan pelajar menyesuaikan diri dengan bidang pengajian baharu dan pelajar masih samar dengan kepelbagaian tanggungjawab serta peranan sebagai pelajar bidang perhubungan menolong (Thompson et al., 2016; Tyre et al., 2016).

Realitinya sekarang, daya tahan diri yang lemah dan rapuh akan memberikan implikasi negatif terhadap perkembangan diri Generasi Y di universiti. Ketiadaan dan kelemahan daya tahan diri mengakibatkan gangguan kepada kesejahteraan Generasi Y (Derosier et al., 2013). Ini kerana mereka yang kurang mempunyai daya tahan diri dilihat cenderung untuk berfikir dan bertindak laku dengan cara yang salah dan terlibat dengan isu kesihatan mental akibat pelbagai perubahan psikososial dan tekanan akademik (Fauziah et al., 2018). Di samping itu, mereka juga mengalami tekanan akibat jangkaan yang berlebihan sehingga membahayakan kesihatan fizikal dan mental mereka (Pfeiffer, 2001; Shamzaeffa & Hong, 2016). Masalah keluarga dan pembelajaran juga menyumbang kepada gangguan emosi (Sherina et al., 2003). Ini dibuktikan melalui Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2017 yang telah dilaksanakan dalam kalangan populasi remaja di Malaysia. Sebanyak 30,496 orang responden dari 212 sekolah telah dipilih secara rawak bagi mewakili 5.5 juta orang populasi remaja di Malaysia (Institute for Public Health, 2018). Dapatan kajian menunjukkan 10% responden mempunyai idea membunuh diri, 7.5% merancang untuk membunuh diri dan 6.9% mempunyai cubaan untuk membunuh diri (Institute for Public Health, 2018). Kajian sama turut menunjukkan satu daripada lima belia mengalami kemurungan, manakala satu daripada 10 remaja berhadapan masalah tekanan perasaan (Sohana, 2019).

Generasi Y di universiti kebanyakannya bukan sahaja berhadapan dengan tekanan pembelajaran tetapi juga terpaksa berhadapan dengan daya saing yang tinggi dalam memenuhi tuntutan dunia pekerjaan (Fauziah et al., 2018). Penglibatan pelajar universiti dalam latihan profesion bidang perhubungan menolong pada peringkat awal memerlukan banyak penyesuaian kehidupan (Skovholt & Trotter-Mathison, 2016). Antara penyesuaian yang diperlukan oleh pelajar adalah seperti penyesuaian akademik dan peribadi. Kedua-dua isu yang dinyatakan tersebut boleh memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada diri pelajar dan latihan profesion mereka ketika di universiti (Barnett et al., 2007; Stamm, 2010). Lantas pelajar universiti perlu menyesuaikan diri terhadap perubahan ini bagi

menyiapkan diri untuk kerjaya profesional yang lebih mencabar (Uehara et al., 2010). Mereka perlu diberikan pendedahan kemahiran menyesuaikan diri terutama dalam membentuk daya tahan diri dan bagaimana ianya dapat membantu menghadapi tekanan daripada persekitaran pembelajaran yang mencabar (Gheihman et al., 2019).

Dapat dirumuskan bahawa Generasi Y yang berada di universiti berhadapan dengan isu penyesuaian terhadap perubahan kehidupan di universiti. Mereka juga berhadapan dengan isu penyesuaian terhadap perubahan sebagai pelajar bidang perhubungan menolong yang merupakan latihan bidang profesional. Hal ini memberi kesan kepada kesejahteraan diri serta kelestarian pengajian mereka. Namun begitu, kajian terdahulu mendapati bahawa daya tahan diri menjadi sumber yang dapat membantu pelajar mengatasi isu penyesuaian dan mengekalkan kesejahteraan diri serta kelestarian pengajian mereka.

Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk mengkaji dan meneroka sumber yang dikatakan dapat membantu Generasi Y yang merupakan pelajar dalam bidang perhubungan menolong untuk mengekalkan kesejahteraan diri dan kelestarian dalam pengajian. Bertitik tolak daripada idea ini, maka kajian berkaitan daya tahan diri dalam kalangan Generasi Y di dua buah universiti awam di Terengganu wajar dilaksanakan untuk membantu pelajar universiti serta pelajar bidang perhubungan menolong mengatasi isu penyesuaian dan seterusnya mengekalkan kesejahteraan diri serta kelestarian dalam pengajian.

OBJEKTIF

Kajian ini secara umumnya ialah untuk meneroka pengalaman daya tahan diri dalam kalangan Generasi Y di dua buah universiti awam di Terengganu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif. Sampel kajian atau pun disebut sebagai informan dalam konteks kajian kualitatif terdiri daripada 16 orang Generasi Y yang sedang mengikuti pengajian di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda dalam bidang perhubungan menolong di dua buah universiti awam di Terengganu. Sampel dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan pertama (FGD1) terdiri daripada pelajar Diploma Sains Kejururawatan, kumpulan dua (FGD2) pelajar Sarjana Muda Kaunseling dan kumpulan tiga (FGD3) adalah pelajar Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan. Jadual 1 adalah bilangan sampel kajian kualitatif.

Jadual 1 Bilangan Sampel Kajian Kualitatif

Nama Kumpulan	Nama Program	Sampel
FGD1	Dip Sains Kejururawatan	6
FGD2	SM Kaunseling	5
FGD3	SM Perubatan & Pembedahan	5
JUMLAH		16

Data kualitatif diperolehi daripada temu bual kumpulan fokus (*focus group discussion*) menggunakan protokol temu bual semi-struktur. Pengkaji telah membina protokol temu bual semi-struktur yang mengandungi satu set soalan temu bual. Pembinaan protokol temu bual semi-struktur

telah diadaptasi daripada Krueger (2002) dan Ghazali dan Sufean (2016). Asas bagi pembinaan protokol temu bual semi-struktur dalam kajian ini adalah empat bahagian soalan iaitu i) Bahagian A: soalan pengenalan; ii) Bahagian B: soalan bagi memperkenalkan topik yang hendak dikaji; iii) Bahagian C: soalan kunci bagi menjawab persoalan kajian; dan iv) Bahagian D: soalan penutup. Temu bual dimulakan dengan pembuka kata yang mengandungi pengenalan kepada kajian, tujuan kajian, etika melaksanakan kajian dan kerahsiaan maklumat kajian. Soalan pada bahagian ini bersifat umum dan ia adalah bertujuan untuk membina hubungan antara penyelidik dengan informan. Membina hubungan yang baik merupakan suatu aspek terpenting dalam memulakan temu bual.

Bahagian A mengandungi soalan pengenalan berkaitan demografi informan. Bahagian ini mengandungi tiga soalan. Pada bahagian ini, penyelidik meminta informan menceritakan tentang diri serta kehidupan mereka di universiti. Bahagian B pula adalah soalan transisi bagi memperkenalkan topik berkaitan Daya Tahan Diri. Pada bahagian ini, penyelidik meminta informan untuk menceritakan tentang pengalaman mereka berkaitan kesukaran dan cabaran yang dihadapi sepanjang berada di kampus. Bahagian C adalah soalan kunci bagi menjawab persoalan kajian. Dalam bahagian ini, penyelidik meminta informan untuk mendefinisi dan menjelaskan kefahaman dan menceritakan pengalaman mereka berkaitan Daya Tahan Diri. Soalan dalam bahagian ini juga membantu penyelidik meneroka pengalaman informan tentang ciri individu yang mempunyai Daya Tahan Diri. Penyelidik juga meneroka pengalaman informan tentang bagaimana Daya Tahan Diri membantu informan menjalani kehidupan sebagai pelajar universiti. Bahagian D pula adalah soalan dan pernyataan penutup protokol temu bual. Pada bahagian ini, penyelidik merumuskan serta meminta pengesahan informan tentang maklumat yang telah diberikan. Penyelidik juga bertanya informan tentang maklumat atau pandangan lain yang ingin informan kongsi sebagai tambahan daripada pernyataan mereka sebelum ini.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan analisis tema berpandukan enam langkah analisis tema sebagaimana yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Proses penganalisan data temu bual dimulakan dengan pengkaji membuat transkripsi rakaman audio temu bual dalam bentuk verbatim. Setelah penulisan verbatim siap dilaksanakan, pengkaji menghantar verbatim data temu bual kumpulan fokus kepada informan untuk tujuan semakan. Dalam proses ini, informan membuat semakan silang pita rakaman audio dan verbatim yang ditulis. Dalam proses ini, informan dibenarkan untuk membuat pembetulan terhadap kesilapan fakta yang berlaku dalam verbatim. Setelah itu, informan menyatakan perakuan persetujuan terhadap kandungan verbatim tersebut. Proses ini meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif. Setelah pengkaji mendapat semula verbatim yang telah disemak dan dipersetujui oleh informan, pengkaji kemudiannya menyusun dan mengasingkan data mengikut kepentingan data. Dalam kajian ini, pengkaji menyusun dan mengasingkan data mengikut sistem kod. Tujuan sistem kod ini dibuat adalah bagi memudahkan proses analisis tema.

Setelah proses pembinaan kod selesai, maka pengkaji seterusnya membuat pembinaan kategori ataupun subtema. Bagi memastikan semua bahagian transkripsi habis dikelompokkan mengikut kategori atau subtema, maka pengkaji telah membaca transkripsi secara berulang kali. Proses terakhir dalam analisis data kualitatif ini adalah proses penetapan tema. Setelah penetapan tema dibuat, pengkaji mendapatkan pengesahan pakar terhadap tema yang telah dibina. Pakar yang mengesahkan tema adalah Profesor dalam bidang kaunseling yang mempunyai pengalaman dalam bidang penyelidikan kualitatif. Tema kemudiannya disusun secara sistematik bagi memudahkan analisis dan penulisan laporan. Dapatan data kualitatif dalam kajian ini dipersembahkan dalam bentuk jadual matriks berdasarkan tema.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini melaporkan hasil daripada analisis tema berdasarkan temu bual kumpulan fokus yang berpandukan kepada protokol temu bual semi-struktur. Pelaporan bahagian ini melibatkan dapatan kajian berkaitan definisi daya tahan diri, ciri individu yang mempunyai daya tahan diri, cara membentuk daya tahan diri dan bagaimana daya tahan diri membantu pelajar universiti. Dapatan kajian dilaporkan dalam bentuk jadual matriks berdasarkan tema serta jadual perincian sub-tema.

Jadual 2 adalah jadual matriks berdasarkan tema bagi definisi daya tahan diri berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada informan. Definisi daya tahan diri yang dinyatakan oleh informan adalah berkaitan penyelesaian masalah, diri-sendiri, emosi, positif, spiritual dan kognitif. Informan memberikan perincian sub-tema bagi definisi daya tahan diri. Terdapat lima sub-tema yang terkandung dalam tema penyelesaian masalah iaitu i) cara mengurus masalah; ii) kemahiran daya tindak; iii) kemampuan menghadapi masalah; iv) kemampuan mengurus masalah dan v) penerimaan masalah. Terdapat empat sub-tema bagi tema diri-sendiri iaitu i) integriti; ii) kemampuan diri; iii) menerima apa yang dihadapi; dan iv) motivasi diri. Bagi tema emosi terdapat tiga sub-tema yang terkandung tema ini iaitu i) kemampuan mengawal emosi; ii) kemampuan mengurus emosi; dan iii) kesabaran. Positif, spiritual dan kognitif adalah tema dengan sub-tema tunggal. Keseluruhan perincian tema dan sub-tema berkaitan definisi daya tahan diri ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 2 Jadual Matriks Berdasarkan Tema - Definisi Daya Tahan Diri

Bilangan	Tema	FGD1						FGD2					FGD3				
		INF1	INF2	INF3	INF4	INF5	INF6	INF1	INF2	INF3	INF4	INF5	INF1	INF2	INF3	INF4	INF5
1	Penyelesaian Masalah		×	×	×	×			×	×	×	×	×	×		×	×
2	Diri-Sendiri			×								×			×		×
3	Emosi			×	×			×					×			×	×
4	Positif												×	×		×	
5	Spiritual															×	
6	Kognitif												×			×	

Jadual 3 Perincian Sub-Tema – Definisi Resiliensi

Bilangan	Tema	Sub-tema
1	Penyelesaian Masalah	Cara mengurus masalah Kemahiran daya tindak Kemampuan menghadapi masalah Kemampuan mengurus masalah Penerimaan masalah

2	Diri- Sendiri	Integriti Kemampuan diri Menerima apa yang dihadapi Motivasi diri
3	Emosi	Kemampuan mengawal emosi Kemampuan mengurus emosi Kesabaran
4	Positif	Kekal positif
5	Spiritual	Kawal iman
6	Kognitif	Kawalan pemikiran

Jadual 4 adalah jadual matriks berdasarkan tema bagi ciri individu yang mempunyai daya tahan diri. Ciri individu yang mempunyai daya tahan diri sebagaimana yang dinyatakan oleh informan dalam temu bual kumpulan fokus adalah emosi positif, penyesuaian diri, kawalan kognitif, positif, penyelesaian masalah, spiritual, sosial dan tingkah laku. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perincian sub-tema bagi ciri individu yang mempunyai daya tahan diri mengikut pandangan informan. Hasil analisis mendapati terdapat enam sub-tema yang terkandung dalam tema emosi positif iaitu i) ceria; ii) mampu mengawal emosi; iii) sabar; iv) tabah; v) tenang; dan vi) tidak putus asa. Hasil analisis menunjukkan terdapat empat sub-tema bagi tema penyesuaian diri iaitu i) adaptif; ii) mampu mempertahankan diri; iii) menstabil diri; dan iv) tidak mudah terpengaruh. Hasil analisis juga mendapati terdapat lima sub-tema yang terkandung dalam tema kawalan kognitif iaitu i) mengawal pemikiran; ii) berfikiran positif; iii) berfikiran jauh; iv) rasional; dan v) menyahut cabaran. Hasil analisis mendapati terdapat dua sub-tema yang terkandung dalam tema penyelesaian masalah iaitu i) bertahan dengan masalah dan ii) mencari jalan penyelesaian masalah. Hasil analisis juga menunjukkan terdapat juga dua sub-tema yang terkandung dalam tema spiritual iaitu i) menjaga hubungan dengan Allah dan ii) redha. Di samping itu, hasil analisis juga menunjukkan terdapat satu tema yang hanya mempunyai satu sub-tema iaitu tema: positif - sub-tema: bersifat positif. Keseluruhan dapatan berkaitan ciri individu yang mempunyai daya tahan diri ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 4 Jadual Matriks Berdasarkan Tema - Ciri Individu yang Mempunyai Daya Tahan Diri

Bilangan	Tema	FGD1						FGD2					FGD3				
		INF1	INF2	INF3	INF4	INF5	INF6	INF1	INF2	INF3	INF4	INF5	INF1	INF2	INF3	INF4	INF5
1	Emosi Positif	×	×	×		×	×	×	×	×	×	×		×		×	
2	Penyesuaian Diri	×				×		×	×	×	×	×			×	×	
3	Kawalan Kognitif	×		×				×	×	×	×	×					
4	Positif									×	×	×	×				
5	Penyelesaian Masalah					×		×	×			×					
6	Spiritual													×		×	

Jadual 5 Perincian Sub-Tema - Ciri Individu yang Mempunyai Resiliensi

Bilangan	Tema	Sub-tema
1	Emosi Positif	Ceria
		Mampu mengawal emosi
		Sabar
		Tabah
		Tenang
		Tidak berputus asa
2	Penyesuaian Diri	Adaptif
		Mampu mempertahankan diri
		Menstabil diri
		Tidak mudah terpengaruh
3	Kawalan Kognitif	Mengawal pemikiran
		Berfikiran positif
		Berfikiran jauh
		Rasional
		Menyahut cabaran
4	Positif	Bersifat positif
5	Penyelesaian Masalah	Bertahan dengan masalah
		Mencari jalan penyelesaian masalah
6	Spiritual	Menjaga hubungan dengan Allah
		Redha
7	Sosial	Sokongan sosial
8	Tingkah Laku	Kawal tingkah laku

Jadual 6 adalah jadual matriks berdasarkan tema bagi cara membentuk daya tahan diri. Hasil analisis menunjukkan cara membentuk daya tahan diri yang dinyatakan oleh informan dalam temu bual adalah melalui individu yang signifikan, diri-sendiri dan susunan kelahiran. Hasil daripada analisis temu bual kumpulan fokus mendapati informan menyatakan cara membentuk daya tahan diri juga adalah melalui persekitaran membesar dan pengalaman hidup yang berulang.

Jadual 6 Jadual Matriks Berdasarkan Tema - Cara Membentuk Resiliensi

Bilangan	Tema	FGD1						FGD2					FGD3				
		INF1	INF2	INF3	INF4	INF5	INF6	INF1	INF2	INF3	INF4	INF5	INF1	INF2	INF3	INF4	INF5

1	Individu yang Signifikan			×		×		×	×	×	×	×					
2	Diri-Sendiri							×	×	×	×	×					
3	Susunan Kelahiran	×		×								×					
4	Persekitaran Membesar		×		×							×					
5	Pengalaman Hidup Yang Berulang					×				×					×		

Jadual 7 adalah jadual matriks berdasarkan tema bagi bagaimana daya tahan diri membantu informan sebagai pelajar universiti. Dapatan analisis hasil daripada temu bual kumpulan fokus mendapati daya tahan diri membantu pelajar universiti dari sudut pembinaan personaliti, mengawal emosi dan hubungan interpersonal. Hasil analisis dalam Jadual 8 mendapati terdapat perincian sub-tema bagi bagaimana daya tahan diri membantu informan sebagai pelajar universiti mengikut pandangan informan. Hasil analisis mendapati terdapat lima sub-tema yang terkandung dalam tema pembinaan personaliti iaitu i) bangkit dari kejatuhan; ii) kawal diri; iii) menyesuaikan diri dengan persekitaran; iv) pelajar cemerlang; dan v) pertahankan diri. Hasil analisis mendapati terdapat dua sub-tema yang terkandung dalam tema hubungan personal iaitu i) menjaga hubungan dengan orang lain dan ii) menjaga perasaan orang lain. Hasil analisis juga mendapati tema mengawal emosi adalah tanpa sub-tema.

Jadual 7 Jadual Matriks Tema- Bagaimana Daya Tahan Diri Membantu Sebagai Pelajar Universiti

Bilangan	Tema	FGD1						FGD2					FGD3				
		INF1	INF2	INF3	INF4	INF5	INF6	INF1	INF2	INF3	INF4	INF5	INF1	INF2	INF3	INF4	INF5
1	Pembinaan Personaliti		×				×	×	×	×	×	×					
2	Mengawal Emosi		×					×	×	×	×	×					
3	Hubungan Interpersonal	×	×					×	×	×	×	×					

Jadual 8 Analisis dan Perincian Tema bagi Bagaimana Daya Tahan Diri Membantu Sebagai Pelajar Universiti

Bilangan	Tema	Sub-tema
1	Pembinaan Personaliti	Bangkit dari kejatuhan

		Kawal diri
		Menyesuaikan diri dengan persekitaran
		Pelajar cemerlang
		Pertahankan diri
2	Mengawal Emosi	Kawal emosi
3	Hubungan Interpersonal	Menjaga hubungan dengan orang Menjaga perasaan orang lain

PERBINCANGAN KAJIAN

Pengukuran pengalaman informan tentang daya tahan diri dalam kalangan Generasi Y yang juga merupakan pelajar bidang perhubungan menolong di universiti awam di Terengganu meliputi definisi daya tahan diri, ciri individu yang mempunyai daya tahan diri, cara membentuk daya tahan diri dan bagaimana daya tahan diri membantu sebagai pelajar universiti. Adalah diharapkan dapatan kajian daripada semua tema ini dapat membantu memperbaiki atau menambahbaik tahap daya tahan diri yang harus diterapkan di kalangan Generasi Y.

Hasil analisis tema bagi cara membentuk daya tahan diri yang dinyatakan oleh informan dalam temu bual menunjukkan pembentukan daya tahan diri adalah melalui individu yang signifikan, diri-sendiri dan susunan kelahiran. Hasil daripada analisis temu bual kumpulan fokus, informan menyatakan cara membentuk daya tahan diri juga adalah melalui persekitaran membesar dan pengalaman hidup yang berulang. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan pandangan Norris (2010) yang menyatakan bahawa pada abad ke-20 ini, daya tahan merupakan tingkah laku dan sikap yang boleh dipelajari (Norris, 2010).

Norris (2010) menyatakan bahawa daya tahan diri berupaya ditingkatkan melalui latihan. Ini buktikan melalui kajian Gheihman et. al., (2019) yang telah menjalankan kajian dalam kalangan pelajar perubatan tahun pertama di Fakulti Perubatan di Massachusetts General Hospital. Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan informan menyatakankan bahawa mereka kurang pengetahuan dan tiada latihan berkaitan daya tahan diri. Hasil kajian beliau menunjukkan 71% daripada informan menjelaskan tiada pendedahan atau mendapat pendedahan yang sangat sedikit kepada kemahiran daya tahan diri manakala 94% lagi informan merasakan tidak menerima latihan mencukupi tentang daya tahan diri (Gheihman et al., 2019).

Manakala pengukuran aspek tema bagaimana daya tahan diri membantu informan sebagai pelajar universiti mendapati, daya tahan diri dapat membantu pelajar universiti dari sudut pembinaan personaliti, mengawal emosi dan hubungan interpersonal. Dapatan kajian ini memberikan nilai tambah kepada kajian sebelum ini yang menyatakan bahawa daya tahan diri dapat membantu pelajar bidang perhubungan menolong memperbaiki kehidupan mereka, membina pandangan yang positif terhadap pembelajaran mereka serta membantu mencapai kejayaan (Tyre et al., 2016). Informan dalam kajian ini memperincikan maksud pembinaan personaliti sebagai bangkit dari kejatuhan, mengawal diri, menyesuaikan diri dengan persekitaran, pelajar cemerlang dan keupayaan mempertahankan diri. Informan juga memperincikan maksud hubungan interpersonal sebagai menjaga hubungan dengan orang lain dan menjaga perasaan orang lain.

Berdasarkan kepada keseluruhan perbincangan dapatan kajian ini, pengkaji berpandangan bahawa pembinaan dan pembentukan daya tahan diri dalam kalangan Generasi Y boleh dilaksanakan dengan memberikan ilmu pengetahuan dan pendedahan serta memberikan latihan berstruktur yang mencukupi tentang daya tahan diri. Sehubungan dengan itu, bagi mencapai objektif pembinaan dan

pembentukan daya tahan diri dalam kalangan Generasi Y, pengkaji terdahulu telah mencadangkan daya tahan diri dijadikan kurikulum di universiti dengan pemantauan pelaksanaan dilakukan secara berterusan mengikut tahun pengajian pelajar. Sebagai contoh, Gheihman et. al., (2019) mencadangkan pelaksanaan kursus atau modul '*easy-to-teach resilience tools*' kepada semua pelajar perubatan di Fakulti Perubatan di Massachusetts General Hospital. Dyrbye dan Shanafelt (2012) juga berpandangan latihan berterusan berkaitan daya tahan diri membantu pelajar menyesuaikan diri merentasi persekitaran dan cabaran. Ia juga boleh melindungi pelajar daripada pelbagai tekanan yang timbul semasa latihan dan sepanjang kerjaya dalam bidang perubatan (Dyrbye & Shanafelt, 2012).

KESIMPULAN

Secara kesimpulan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa informan mempunyai pengalaman pengetahuan dan kefahaman informan tentang daya tahan diri dan ciri individu yang mempunyai daya tahan. Hasil kajian turut menunjukkan informan mengetahui cara pembentukan daya tahan diri yang baik melalui kawalan emosi positif serta mampu membuat penyesuaian diri. Keadaan ini menggambarkan bahawa Generasi Y yang juga merupakan pelajar bidang perhubungan menolong di universiti awam di Terengganu dilihat mampu menangani cabaran dan keluar daripada masalah walaupun berhadapan dengan situasi dan keadaan yang sukar.

Walaupun secara keseluruhan kajian ini mendapati informan mempunyai pengalaman pengetahuan dan kefahaman daya tahan diri, namun beberapa aspek perlu diberikan penekanan untuk memperkasa daya tahan diri mereka. Oleh itu dicadangkan supaya pihak pengurusan universiti memperkenalkan pelaksanaan strategi intervensi melalui kaedah laman sesawang (*web-based intervention*) bagi disuaipadankan dengan Generasi Y yang mahir dan cekap dengan penggunaan teknologi dan komunikasi. Pengkaji terdahulu yang memberikan gelaran *Digital Native* kepada pelajar universiti melihat intervensi secara atas talian menawarkan pelbagai kelebihan dan potensi dalam membantu pelajar memperkasakan daya tahan diri. Intervensi melalui platform laman sesawang ini mengandungi tiga elemen utama iaitu (i) Kapsul Psiko Pendidikan (mengandungi maklumat definisi, ciri, cara membentuk dan bagaimana daya tahan diri membantu pelajar menjalani kehidupan lebih baik); (ii) Instrumen Penilaian Kendiri (mengandungi set soalan ujian inventori dan penilaian tahap daya tahan diri); dan (iii) Perkhidmatan Terapis Maya (proses mendapatkan bantuan ahli terapi maya secara atas talian bagi membantu pembinaan personaliti, mengawal emosi dan hubungan interpersonal).

Penggunaan teknologi dan komunikasi dalam pelaksanaan strategi intervensi melalui kaedah laman sesawang (*web-based intervention*) dilihat selari dengan peningkatan jumlah pengguna internet di Malaysia. Ini adalah berdasarkan Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia "*Internet Users Survey 2018*" yang menyatakan bahawa 87.4% atau 28.7 juta orang menggunakan internet pada 2018 dengan pengguna berumur usia 20-an menghabiskan masa selama 8 jam sehari melayari internet. Intervensi melalui kaedah laman sesawang (*web-based intervention*) telah digunakan untuk meningkatkan kebolehpakaian dan lebih efektif berbanding kaedah tradisional secara bersemuka dan terkawal bagi pelbagai jenis gangguan kesihatan mental, gangguan kemurungan, kebimbangan dan pencegahan gangguan kesihatan mental. Platform laman sesawang yang dicadangkan bertujuan untuk meningkatkan kebolehpakaian pengguna kepada intervensi melalui penggunaan telefon pintar memandangkan ia adalah alat komunikasi paling popular yang digunakan oleh pengguna dalam melayari internet dengan jumlah pengguna seramai 36.2 juta orang.

Kesimpulannya, hasil kajian ini memberi implikasi positif kepada pihak yang berkepentingan khasnya pihak pengurusan tertinggi universiti. Diharapkan agar segala cadangan yang disyorkan dapat dilaksanakan dan memberikan manfaat untuk mempromosikan dan memperkasakan daya tahan diri dalam kalangan Generasi Y yang merupakan pelajar bidang perhubungan menolong di universiti awam di Terengganu. Cadangan intervensi melalui kaedah laman sesawang (*web-based intervention*) ini

dilihat lebih berpotensi mencapai kejayaan berbanding kaedah konvensional secara bersemuka. Cadangan intervensi ini juga diharap dapat memberikan kebaikan kepada mereka bersesuaian dengan ciri Generasi Y yang menguasai dunia digital.

RUJUKAN

- Barnett, J. E., Baker, E. ., Elman, N. S., & Schoener, G. R. (2007). In Pursuit of Wellness: The Self-Care Imperative. *Professional Psychology: Research and Practice*, 38, 603–612.
- Bonanno, G. A., Romero, S. A., & Klein, S. I. (2015). The Temporal Elements of Psychological Resilience: An Integrative Framework for the Study of Individuals, Families, and Communities. *Psychological Inquiry*, 26(2), 139–169. <https://doi.org/10.1080/1047840X.2015.992677>
- Connor, K. M., & Davidson, J. R. T. (2003). Development of a new resilience scale: The Connor-Davidson Resilience Scale (CD-RISC). *Depression and Anxiety*, 18(2), 76–82. <https://doi.org/10.1002/da.10113>
- Derosier, M. E., Frank, E., Schwartz, V., & Leary, K. A. (2013). The Potential Role of Resilience Education for Preventing Mental Health Problems for College Students. *Psychiatric Annals*, December, 2013. <https://doi.org/10.3928/00485713-20131206-05>
- Dyrbye, L., & Shanafelt, T. (2012). Nurturing resiliency in medical trainees. *MEDICAL EDUCATION*, 46, 343–344. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2923.2011.04206.x>
- Fauziah, I., Nazirah, H., & Werdi Werdana, A. S. (2018). Mengukur Tahap Ketahanan Diri Mahasiswa B40 Dalam Kalangan Pelajar Universiti (Measuring resiliency in B40 among university students). *Jurnal Personalia Pelajar*, 21(1), 19–27.
- Fletcher, D., & Sarkar, M. (2013). Psychological Resilience. *European Psychologist*, 18(1), 12–23. <https://doi.org/10.1027/1016-9040/a000124>
- Gheihman, G., Cooper, C., & Simpkin, A. (2019). Everyday Resilience: Practical Tools to Promote Resilience Among Medical Students. *Journal of General Internal Medicine*, 34(4), 498–501. <https://doi.org/10.1007/s11606-018-4728-8>
- Greenhill, J., Fielke, K. R., Richards, J. N., Walker, L. J., & Walters, L. K. (2015). Towards an understanding of medical student resilience in longitudinal integrated clerkships. *BMC Medical Education*, 15(137), 1–9. <https://doi.org/10.1186/s12909-015-0404-4>
- Hills, C., Ryan, S., Warren-Forward, H., & Smith, D. R. (2013). Managing “Generation Y” occupational therapists: Optimising their potential. *Australian Occupational Therapy Journal*, 60(March), 267–275. <https://doi.org/10.1111/1440-1630.12043>
- Institute for Public Health. (2018). National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2017 : Key findings from the Adolescent Health and Nutrition Surveys - Infographic Booklet April 2018. In *National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2017 Overview report* (Issue April). www.iku.gov.my
- Kementerian Belia dan Sukan. (2015). Dasar Belia Malaysia. In *Dasar Belia Malaysia*.
- Martin, A. J., & Marsh, H. W. (2006). Academic resilience and its psychological and educational correlates:a construct validity approach. *Psychology in the Schools*, 43(3), 267–281. <https://doi.org/10.1002/pits.20149>
- Mohd Tajudin, N., & Rohany, N. (2014). *Profesionalisme Dalam Kaunseling dan Cabaran Masa Kini Di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norris, F. H. (2010). *Behavioral Science Perspectives on Resilience*.
- Pfeiffer, D. (2001). *Academic and Environmental Stress among undergraduate and graduate college students: A Literature Review*. University of Wisconsin-Stout.
- PrincetonOne, & Hobart, B. (2014). *Understanding Generation Y: What You Need to Know About the Millennials*. 1–11. [http://www.princetonone.com/news/PrincetonOne White Paper2.pdf](http://www.princetonone.com/news/PrincetonOne%20White%20Paper2.pdf)
- Rahat, E., & Ilhan, T. (2016). Coping Styles , Social Support , Relational Self- Construal , and Resilience in Predicting Students ' Adjustment to University Life *. *Educational Sciences: Theory & Practice*, 16(1), 187–208. <https://doi.org/10.12738/estp.2016.1.0058>
- Resnick, B. A., & Inguito, P. L. (2011). The Resilience Scale: Psychometric Properties and Clinical Applicability in Older Adults. *Archives of Psychiatric Nursing*, 25(1), 11–20. <https://doi.org/10.1016/j.apnu.2010.05.001>
- Richardson, G. E. (2002). The metatheory of resilience and resiliency. *Journal of Clinical Psychology*, 58(3), 307–321. <https://doi.org/10.1002/jclp.10020>
- Shamzaeffa, S., & Hong, K. T. C. (2016). Hubungan Antara Tahap Kesihatan Mental dan Prestasi Pelajar Sarjana Muda : Satu Kajian di Universiti Utara Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 14(1), 11–16. <http://ejournal.ukm.my/jskm/article/view/12264/3884>
- Sherina, M. S., Lekhraj, R., & Nadarajan, K. (2003). Prevalence of emotional disorders among medical students in a Malaysian university Sherina. *Asia Pacific Family Medicine*, 2, 213–217.
- Skovholt, T. M., & Ronnestad, M. H. (2003). Struggles og the Novice Counselor and Therapist. *Journal of Career Development*, 30(1), 45–58. <https://doi.org/10.1177/0022167805280266>
- Skovholt, T. M., & Trotter-Mathison, M. (2016). *The Resilient Practitioner: Burnout and Compassion Fatigue Prevention and Self-Care Strategies for Helping Professions* (3rd ed.). Routledge.
- Sohana, A. H. (2019). Tahap Kesihatan Mental Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi: Kajian Literasi Mental Health Level Among Student Institute Of Higher Education: Literacy Study. *E- Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan 2019*, 329–336.
- Stamm, B. H. (2010). THE CONCISE MANUAL FOR THE PROFESSIONAL QUALITY OF LIFE SCALE. In *ProQOL.org* (2nd ed.). ProQOL.org. http://proqol.org/uploads/ProQOL_Concise_2ndEd_12-2010.pdf
- Thompson, E. H., Frick, M. H., & Trice-Black, S. (2011). Counselor -in-Training Perceptions of Supervision Practices Related to Self-Care and Burnout. *The Professional Counselor Research and Practice*, 2(1), 152–162.
- Thompson, G., McBride, R. B., Hosford, C. C., & Halaas, G. (2016). Resilience Among Medical Students: The Role of Coping Style and Social Support. *Teaching and Learning in Medicine*, 28(2), 174–182. <https://doi.org/10.1080/10401334.2016.1146611>
- Turner, M., Scott-young, C. M., & Holdsworth, S. (2016). Bouncing Back To Move Forward : Resilience of Students in the Built Environment. *Proceedings of the 32nd Annual ARCOM Conference*, 1(September), 627–636.
- Tyre, Y., Griffin, M., & Simmons, R. T. (2016). Building resileiency in counselors in training for counselor educators. *The Alabama Counseling Association Journal*, 41(1), 25–44.

Uehara, T., Takeuchi, K., Kubota, F., Oshima, K., & Ishikawa, O. (2010). Annual transition of major depressive episode in university students using a structured self-rating questionnaire. *Asia-Pacific Psychiatry*, 2(2), 99–104.

Profil Penulis

Nor Ezdianie Omar, PhD

*Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu
ezdianie@umt.edu.my*

Muhamad Noh Abdullah

*Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Negeri Terengganu
Pejabat LPPKN Negeri Terengganu
muhamad_noh@lppkn.gov.my*

PROFIL SOSIO-DEMOGRAFI MAT MOTOR DI PULAU PINANG, MALAYSIA

ZALMIZY HUSSIN & SITI ROHANA AHMAD

ABSTRAK

Lumba haram adalah satu bentuk perlumbaan bermotor yang diadakan di atas jalan raya awam tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa. Lumba haram sering diadakan di kawasan bandar dan luar bandar. Kegiatan ini tanpa mengira keadaan trafik dan diadakan pada waktu tengah malam. Lumba haram menjadi polemik dalam masyarakat kerana membahayakan keselamatan pengguna jalan raya lain dan nyawa pelumba haram itu sendiri. Di Malaysia, Mat Motor telah didefinisikan sebagai “individu yang membonceng motosikal di jalan raya sama ada secara konvoi, melulu atau bahaya bagi mencetus tindakbalas daripada penonton”. Malahan, menonton perlumbaan haram juga merupakan satu kesalahan kerana memberi motivasi kepada pelumba haram itu terus melakukan kegiatan tersebut. Artikel ini memberi tumpuan kepada profil sosio-demografi Mat Motor di Pulau Pinang. Objektif artikel ini adalah untuk mengkaji profil kehidupan realiti sosial berdasarkan perspektif tulen mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan fenomenologi. Peserta kajian terdiri dari 20 orang yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Data dikutip melalui temu bual secara mendalam. Data kajian ini dianalisis menggunakan analisa tematik. Dapatan kajian mendapati mereka terlibat dalam aktiviti ini dalam usia yang muda. Hasil kajian menunjukkan tempoh masa aktiviti ini adalah selama tiga tahun dan menamatkan gejala ini apabila mereka mendirikan rumah tangga. Justeru, kajian ini diharap dapat memberi substantif ilmu lain seperti bidang ilmu sosiologi, psikologi, mengembangkan teori-teori kriminologi yang sedia ada. Perbincangan rangka kerja teoritikal dapat dikembangkan dan hasil kajian ini boleh memberi rujukan kepada penyelidik dari segi kaedah dan kerja-kerja penyelidikan baru dapat dibina dan direka pada masa akan datang.

Kata Kunci: *Lumba Haram, Profil, Sosio-demografi, Mat Motor, Pulau Pinang, Malaysia*

ABSTRACT

Illegal racing is a motor racing events held on public roads without permission from the authorities. Illegal racing is often held in urban and rural areas. This activity regardless of traffic conditions and is held at midnight. Illegal racing being debated in society as to endanger the safety of other road users and the lives of racers themselves. In Malaysia, Mat Motor is a person who riding motorcycles on the road either by convoy, reckless or dangerous manner to provoke a reaction from onlookers. In fact, watching the illegal racing is also an offense for illegal motivate the riders continued to conduct such activities. This article focuses on the socio-demographic profile Mat Motor in Penang. The objective of this article is to study the profiles of social reality from the perspective of their pure. This study used qualitative methods through a phenomenological approach. Study participants consisted of 20 people selected through purposive sampling. Data was collected through in-depth interviews. Data were analysed using thematic analysis. The findings showed that those involved in these activities at a young age. Results showed that the time period is for three years and put these symptoms when they get married. Thus, this study is expected to provide substantive knowledge of other disciplines such as sociology, psychology, criminology theories develop existing ones. Discussions theoretical framework can be developed, and the results of this study can provide reference for researchers in terms of methods and research work will be built and designed in the future.

Keywords: *Illegal Racing, Profile, Socio-demography, Mat Motor, Penang, Malaysia*


PENGENALAN

Terminologi lumba haram telah ditakrifkan sebagai satu bentuk lumba motosikal tidak dibenarkan dan menyalahi undang-undang yang berlaku di jalan awam (Wong, 2012). Di kebanyakan negara membangun, individu yang terlibat dalam aktiviti lumba haram ini telah dilabel dengan pelbagai gelaran yang popular. Sebagai contoh, pelumba haram di luar negara dikenali sebagai “*Sprints*” atau “*cannonball runs*” di Eropah dan USA, *Hooning* dan *Boy-Racer* (Australia dan New Zealand), *Tramero* (Spain), *Pembalak Haram* (Indonesia) dan *Hashiriya* (走り屋) di Jepun (Hussin, 2017). Kebiasaannya berlaku secara spontan, tidak terkawal, dianjurkan secara rawak dengan peraturan dan langkah keselamatan yang minimum (Peak & Glensor, 2004; Warn, Tranter, & Kingham, 2004; Wong, 2011). Lumba haram merupakan satu ancaman kepada keselamatan awam yang semakin meningkat (Mumshad & Ashraf, (2019). Aktiviti yang mempromosi tingkah laku berisiko ini dipelopori oleh golongan muda (Seeley et al. 2019). Justeru, isu ini saban hari semakin popular kerana video lumba haram telah dimuat naik ke dalam platform media sosial seperti YouTube, Twitter dan laman blog pensendirian dengan tujuan untuk mendapatkan reaksi tontonan tinggi, komen penonton, pelanggan, penonton ‘suka’ dan ‘tidak suka’ (*Ibid*).

Dari sudut perspektif teoritikal pula, teori pembelajaran sosial yang dipelopori oleh Akers dan Sellers pada tahun 2004 dikembangkan dengan penekanan khusus untuk menjelaskan tingkah laku menyimpang, dan agresif menggunakan konsep teori sosiologi dan psikologi (Akers & Sellers, 2004). Teori ini menekankan pendedahan langsung dan tidak langsung yang dimiliki seseorang terhadap tingkah laku, sikap, dan norma sosial sekeliling. Teori ini juga berhujah bahawa individu dan kumpulan yang sama berinteraksi dalam pembelajaran sosial yang berbeza. Oleh itu, penyimpangan dan kesesuaian dipelajari dengan cara yang sama, dengan keseimbangan pengaruh yang timbul dari cara sesuatu tingkah laku dihukum dan dihargai (Akers, 1990). Oleh itu, artikel ini memaparkan sosio-demografi Mat Motor dan penglibatannya dalam aktiviti lumba haram di jalanan.

SOROTAN LITERATUR

Dalam konteks belia di Malaysia, masalah sosial yang melibatkan kumpulan belia bermotosikal ini telah menjadi isu nasional (Ahmad, Ahmad, & Abdullah, 2009; Rahim, 2007). Masalah ini turut mendapat perhatian serius dalam kalangan masyarakat awam (Ibrahim, Ismail, Halim, & Amit, 2015). Mereka dilabel sebagai Mat Rempit (Ismail & Ibrahim, 2007) dan Mat Motor (Hussin, 2015). Mat Rempit berpotensi untuk meningkatkan faktor risiko yang mempromosikan cara menunggang secara berbahaya dan mempamerkan pelbagai jenis tingkah laku berisiko (Ibrahim, et al., 2015). Istilah Mat Motor dan Mat Rempit antara terma popular di carian Google antara 11 Mac 2019 hingga 11 Mac 2020. Trend Google ini adalah ciri trend carian yang menunjukkan kekerapan istilah carian yang diberikan dimasukkan ke dalam enjin carian Google (Rujuk rajah 1). Hal ini jelas menunjukkan isu atau topik mat motor masih lagi kurang dikaji.

**Nota:**

*Warna merah mewakili mat rempit

** Warna biru mewakili mat motor

Rajah 1: Taburan kekerapan istilah mat motor dan mat rempit di enjin carian google antara Mac 2019 hingga Mac 2020

Dalam artikel ini, terma Mat Motor telah didefinisikan sebagai “individu yang membonceng motosikal di jalan raya sama ada secara konvoi, melulu atau bahaya bagi mencetus tindakbalas daripada penonton” (Hussin, 2017). Mat Motor dikategorikan sebagai ‘bersih’ daripada salah laku jenayah dan minat yang mendalam dalam aktiviti berkonvoi semata-mata. Walau bagaimanapun, Mat Motor tidak mempamerkan suatu sikap yang agresif. Ada kalanya juga mereka hanya menjadi penonton kepada aktiviti lumba haram yang sedang berlangsung (Hussin, 2017). Mereka menggunakan motosikal yang mencapai standard biasa sahaja bagi tujuan melakukan aktiviti berkonvoi motosikal di jalan raya. Berbeza pula dengan Mat Rempit menggunakan motosikal yang telah diubah suai tanpa mengikut piawai, peralatan keselamatan terhad dan menunggang di bawah pengaruh alkohol dan dadah (Amit, Ismail, Ibrahim, Said, & Ghazali, 2016).

Walaupun begitu, sebarang aktiviti sama ada melibatkan aktiviti lumba haram atau aktiviti berkonvoi motosikal yang mengganggu lalu lintas jalan raya merupakan perbuatan melanggar undang-undang. Walau pun ada dalam kalangan informan yang mempunyai lesen memandu yang sah, mereka boleh disabitkan kesalahan kerana tetap melanggar peraturan atau Akta 42 (1), Pengangkutan Jalan 1957 kerana memandu secara melulu dan membahaya pada pengguna lain. Dalam akta tersebut, antara lain telah menyebut:

“Mana-mana orang yang memandu suatu kenderaan motor di jalan (raya) dengan melulu atau dengan kelajuan, atau dengan cara yang memandang kepada segala hal keadaan (termasuk jenis, keadaan, dan luas jalan dan kesesakan lalu lintas yang ada atau mungkin ada di jalan itu) adalah berbahaya kepada orang awam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit, dan dalam hal sabitkan

kali kedua atau kali kemudian penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan denda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit” (Akta 42 (1), JPJ, 1957).

Aktiviti ini adalah lebih popular di Malaysia berbanding dengan perlumbaan kereta haram seperti yang dilaporkan di kalangan negara maju (Ibrahim et al. 2015: 527). Secara tradisinya, lumba haram dilihat sebagai satu aktiviti belia yang berkaitan dengan pemberontakan terhadap ibu bapa, masyarakat dan pihak berkuasa (Ismail & Borhanuddin, 2009; Leigh, 1996), memandu secara berisiko dan agresif (Vaaranen & Wieloch, 2002), terlibat dalam pelanggaran lalu lintas, melanggar norma-norma dan nilai-nilai sosial (Parker, McDonald, Rabbitt, & Sutcliffe, 2000). Mereka juga mengganggu pengguna jalan raya melalui sekatan jalan raya yang dilakukan oleh pihak polis, dan melakukan pelbagai aksi berisiko yang menimbulkan bahaya kepada diri sendiri dan orang lain (Ibrahim et al. 2015). Kajian lepas telah menunjukkan sesetengah belia menggunakan kenderaan untuk melepaskan rasa geram, marah dan agresif (Donovan, Marlatt, & Salzberg, 1983).

Namun begitu, dari sudut pandangan yang berbeza pula melihat tidak semua pengemar motosikal terlibat dan berminat dalam perlumbaan haram. Terdapat segelintir yang dikenali sebagai Mat Motor telah melakukan aktiviti berkonvoi di atas jalan raya sekadar untuk berseronok dan hobi. Aksi-aksi memberhaya dan gelagat mereka menunggang motosikal secara semberono ini mengundang risiko kepada pengguna lain dan mengganggu ketenteraman awam (Samsudin, 2007). Secara langsung, tingkah laku berisiko tersebut telah mencetuskan situasi panik dan boleh membawa kepada kemarahan pengguna jalan raya lain. Ke kerapannya berlaku insiden jenayah dan tidak bermoral yang melibatkan golongan bermotosikal juga telah menimbulkan suasana panik dan *fear of crime* dalam kalangan masyarakat.

Justeru, isu ini perlu difahami secara mendalam. Hal ini mengelakkan berlakunya polemik masyarakat yang hanya merugikan negara kelak. Belia yang tidak menyumbang kepada negara hakikatnya telah merugikan diri mereka sendiri dan juga negara secara keseluruhannya (Abdullah et al. 2012).

KAEDAH KAJIAN

Pada dasarnya dalam pendekatan fenomenologi, penyelidik sosial mengandaikan dirinya sebagai orang yang tidak tertarik atau bukan sebahagian daripada dunia aktor sosial. Penyelidik sosial hanya terlibat secara kognitif dengan apa yang ingin diselidiki. Penyelidik sosial haruslah memilih satu posisi yang sesuai dan boleh diterima oleh objek yang ingin diselidiki bagi menjadikan objek yang diselidiki bertingkah laku sebagai diri mereka sendiri dan bukannya dipengaruhi oleh peristiwa yang berlaku dalam persekitaran sosialnya. Proses ini dinamakan oleh Blaikie (2000) sebagai satu strategi penyelidikan abduktif yang memberikan tumpuan kepada realiti sosial dan memahami kehidupan sosial dari segi motif dan cerita aktor sosial berdasarkan pengalaman aktor sosial itu sendiri. Ia bertujuan melahirkan konsep-konsep teknikal dan teori-teori daripada konsep-konsep biasa dan interpretasi-interpretasi kehidupan sosial. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menitikberatkan garis panduan berikut:

Teknik Persampelan

Pendekatan kajian kualitatif telah dijalankan terhadap belia Mat Motor di Pulau Pinang, Malaysia. Menggunakan paradigma penyelidikan fenomenologi, sekumpulan belia Mat Motor telah bersetuju untuk ditemu bual secara mendalam (*in-depth interview*), dan penyelidik juga

dibenarkan melakukan pemerhatian turut serta (*participant observation*) dalam aktiviti berkonvoi motosikal di jalan raya. Kajian yang dijalankan ini amat penting kerana sebelum ini kajian lumba haram banyak tertumpu di Kawasan Lembah Klang dan majoritinya menggunakan pendekatan kuantitatif menggunakan soalan soal selidik untuk mengumpul data kajian (Rozmi, 2005; Rozmi & Norhayati, 2007; Don, 2009).

Pemilihan Negeri dan Kawasan

Pemilihan negeri adalah di Pulau Pinang iaitu di sekitar jalan-jalan utama di kawasan daerah Timur Laut seperti Jalan Tun Dr. Awang, Jalan Mahsuri, Jalan Bukit Gambir, Jalan Sungai Dua, dan Lebuh raya Gelugor. Jalan-jalan ini dikenali sebagai laluan panas yang sering kali digunakan oleh informan Mat Motor untuk berkumpul ramai-ramai, berkonvoi motosikal dalam jumlah peserta/ahli yang ramai dan mengganggu lalu lintas pengguna jalan raya lain.

Pemilihan Informan Kajian

Kajian kualitatif ini berbentuk tinjauan (*exploration*) dan deskriptif (*description*) bagi menilai sikap, nilai dan kepercayaan pengalaman diri yang berbeza dalam kehidupan realiti sosial Mat Motor. Kaedah persampelan *non-probability sampling* digunakan dalam penyelidikan. Oleh kerana kajian ini melibatkan tinjauan tingkah laku agresif Mat Motor, maka sampel kajian dipilih menggunakan kaedah *snowball* yang juga dikenali sebagai kaedah jaringan atau network, rangkaian rujukan atau chain referral atau pesampelan reputasi atau *reputational sampling* (Neuman, 2003: 214). Pesampelan yang menggunakan kaedah ini mendapatkan informan melalui jaringan sosial yang wujud dalam kalangan informan Mat Motor sendiri. Proses persampelan ini bermula dengan mendapatkan jumlah sampel yang sedikit dahulu sebelum jumlah itu bertambah melalui maklumat nama dan lokasi sampel lain yang diberikan oleh sampel awal. Oleh itu, penyelidik mendekati dan mempelawa beberapa orang ketua kumpulan untuk di temu bual. Kemudian, penyelidik telah meminta bantuan ketua ini menghubungi ahli-ahlinya yang berminat untuk terlibat dalam kajian ini.

Kemudian, kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dipilih kerana dipercayai dapat mewakili objektif sesuatu penyelidikan berkaitan sesuatu fenomena yang ingin dikaji. Bagi mendapatkan ciri-ciri informan yang dikehendaki, kaedah ini digunakan bagi mendapatkan dan memilih informan tersebut untuk dikaji dan di temu bual. Jumlah keseluruhan informan yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 20 orang. Kesemua informan adalah lelaki dan berbangsa Melayu. Status perkahwinan mereka adalah bujang. Sebagai tanda penghargaan dan kerjasama, setiap informan yang terlibat diberikan sagu hati berbentuk wang tunai sebanyak RM10.00 semasa proses pengumpulan data berlangsung.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian sosio-demografi bagi kategori umur mendapati majoriti informan berusia dalam lingkungan umur 16 hingga 29 tahun. Berdasarkan jadual 1 telah menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan berdasarkan umur informan Mat Motor di Pulau Pinang. Dapatan kajian menemui informan berusia antara 19 tahun hingga 24 tahun seramai 9 orang (45.0 peratus). Diikuti informan di bawah umur 18 tahun pula sebanyak 8 orang atau (40.0 peratus) dan peringkat umur 25 tahun dan ke atas adalah sebanyak 3 orang (15.0 peratus).

Jadual 1: Taburan Kekerapan dan Peratusan Berdasarkan Umur

Kategori		Kekerapan	Peratusan (%)
Umur	Bawah 18 tahun	8	40.0
	19 hingga 24 tahun	9	45.0
	25 tahun dan ke atas	3	15.0
	Jumlah	20 orang	100.0

Dapatan kajian menemui penglibatan informan dalam aktiviti ini seawal 15 tahun. Manakala kategori umur 25 tahun dan ke atas memaparkan seramai 3 orang (15.0 peratus). Umur informan paling lewat adalah 27 tahun (lihat jadual 1). Dapatan kajian ini menyokong pernyataan kajian lepas yang mengatakan bahawa majoriti individu yang terlibat dalam aktiviti lumba haram adalah berumur di antara 16 hingga 25 tahun (Leigh, 1996; Peak & Glensor, 2004; Vaaranen & Wieloch, 2002; Warn et al. 2004). Kesemua informan adalah lelaki dan berbangsa Melayu. Dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan kaum lelaki yang berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti berkonvoi di jalan raya. Dapatan kajian ini menyangkal dapatan kajian lepas Armstrong dan Steinhardt (2006) yang berhujah penglibatan wanita dalam aktiviti lumba haram semakin meningkat. Seseengah penyelidik pula meramalkan bahawa golongan lelaki lebih cenderung untuk menjadi lebih besar tingkah laku tersebut dalam pertengahan umur 20-an (Leigh, 1996; Folkman, 2005). Sebaliknya, Kajian ini telah menyokong dua kajian lepas yang sedia ada. Kajian oleh Ismail (2005) telah menunjukkan mereka adalah kumpulan belia lelaki yang berbangsa Melayu dalam lingkungan umur antara 17 hingga 21 tahun telah didapati paling ramai terlibat dan majoritinya adalah berusia 20 hingga 22 tahun. Kajian lain pula mendapati pelumba motosikal haram lebih banyak terdiri daripada golongan muda khususnya remaja lelaki yang berumur antara 15 hingga 28 tahun dan majoriti mereka adalah Melayu (Muhamad Fuad et al. 2009). Sementara itu, kebanyakan penyelidik di Barat telah mendapati kumpulan terbesar yang terlibat dalam aktiviti ini adalah dalam kalangan lelaki yang berumur antara 16 hingga 25 tahun (Peak & Glensor, 2004; Armstrong & Steinhardt, 2006). Penemuan ini telah disokong oleh penyelidik dari Australia, Amerika Syarikat dan Finland (Knight et al. 2004; Vaaranen & Wieloch, 2002).

Dalam kajian ini, kebanyakan informan telah menyatakan peringkat umur yang muda ini mereka sangat mudah untuk akses dan menggunakan motosikal tanpa pengawasan daripada ibu bapa. Dalam kajian ini juga menunjukkan kawalan ibu bapa pada anak-anak mereka pada waktu malam adalah sangat lemah. Hal ini kerana kebanyakan ibu bapa hanya membiarkan anak-anaknya bebas keluar pada waktu malam. Akses yang mudah keluar pada waktu malam disalahgunakan oleh informan untuk menyertai aktiviti konvoi bermotosikal secara beramai-ramai dan melakukan aktiviti sampingan yang lain.

Jadual 2: Taburan Kekerapan dan Peratusan Berdasarkan Pekerjaan

Kategori		Kekerapan	Peratusan (%)
Pekerjaan informan	Pelajar	15	75.0
	Mekanik sambilan	1	5.0
	Tidak bekerja (menganggur)	4	20.0

	Jumlah	20 orang	100.0
--	---------------	-----------------	--------------

Dari aspek pekerjaan, dapatan kajian menunjukkan majoriti informan adalah merupakan pelajar sekolah yang melibatkan diri dalam kegiatan ini iaitu seramai 15 orang (75.0 peratus). Kajian ini turut menemui informan ada yang tidak bekerja atau menganggur seramai 4 orang (20.0 peratus). Diikuti oleh informan yang bekerja sebagai mekanik sambilan hanya 1 orang atau sebanyak 5.0 peratus (lihat jadual 2).

Dapatan kajian menemui informan yang tidak bekerja atau menganggur turut mengakui bahawa mereka masih mengharapkan duit daripada pemberian ibu bapa untuk mengisi minyak petrol dan membaiki motor jika mengalami sebarang kerosakan seperti tayar pancit, brek rosak dan mentol lampu rosak dan lain-lain. Informan turut menyatakan mereka tidak sampai hati untuk terlibat dalam aktiviti seperti mencuri atau memeras ugut bagi tujuan mendapatkan duit. Menurut luahan informan perasaan takut pada undang-undang masih menebal dalam diri informan untuk terlibat dalam aktiviti jenayah. Hal ini menunjukkan mereka masih prihatin terhadap undang-undang yang sedia ada. Situasi ini mengakibatkan mereka meminta duit daripada ibu bapa untuk tujuan perbelanjaan peribadi. Menurut informan yang bernama Amin (bukan nama sebenar) seorang penganggur menceritakan “...saya lepas abih belajaq malaih (habis belajar malas) nak kerja...duit makan dan minum pun mak bapak (bapa) saya kasi...xkan nak mencuri...takut aiihh (lah)...saya tidak sampai hati hendak mencuri sebab takut kena tangkap. Kalo (kalau) dah kena tangkap abih (habis) la saya kena pukul oleh ayah”. Manakala, Suhaimi (bukan nama sebenar) juga masih tidak bekerja mengakui “...saya masih harapkan duit dari mak bapak (bapa) saya. Mitak (minta) duit tu untuk minum-minum sambil lepak-lepak dengan kawan-kawan. Ada jugak saya tukar minyak hitam dan isi minyak petrol motor untuk ronda-ronda guna duit dari ayah saya”.

Sementara itu, bagi informan yang masih belajar turut mengakui mereka kerap meminta duit lebih daripada ibu bapa mereka untuk perbelanjaan di luar waktu sekolah. Hal ini telah diluahkan oleh Rosli (bukan nama sebenar) yang menceritakan “...setiap hari minggu saya akan minta duit belanja untuk keluar pada waktu malam. Minta duit nak isi minyak motor. Saya juga minta izin dari ayah dan bagi alasan nak isi minyak motor”. Perkara yang sama turut dirasai oleh Kamal (bukan nama sebenar) yang meluahkan “...duit belanja saya tidak cukup. Duit makan di sekolah lain...duit belanja lepas sekolah lain. Takdak (tiada) duit saya minta dari mak”.

Dapatan kajian ini telah mengesahkan dapatan terdahulu oleh Ismail (2004) yang menunjukkan majoriti pelumba motosikal haram bekerja sebagai budak pejabat, penghantar surat, operator pengeluaran, mekanik dan juga peniaga kecil. Kajian ini juga menyokong dapatan kajian oleh (Leigh, 1996; Vaaranen & Wieloch, 2002; Vaaranen, 2004; Folkman, 2005; Falconer & Kingham, 2007) yang telah menunjukkan pelumba motosikal haram terdiri daripada mereka yang lepasan sekolah, penganggur, dan mereka masih sekolah atau kolej.

Kajian lepas di Barat telah mendapati individu yang terlibat dalam perlumbaan haram jalanan kebiasaannya melibatkan golongan lelaki terutamanya golongan muda, berpendapatan rendah dan menganggur (Gee Kee et al. 2007; Folkman, 2005). Dapatan kajian lain yang melibatkan golongan pelumba motosikal haram, mendapati sebanyak 85 peratus dari jumlah pesalah adalah berumur antara 16 hingga 21 tahun yang mana kebanyakan dari mereka terdiri daripada pelajar, penganggur, bekerja sendiri dan pekerja kilang (Mahmood Nazar, 2009). Pelumba motosikal haram juga biasanya lepasan sekolah atau mereka yang masih belajar di

sekolah atau kolej atau penganggur dan pekerja tidak mahir (Amit et al. 2016; Ibrahim et al. 2015).

Jadual 3: Taburan Kekerapan dan Peratusan Berdasarkan Tahap Pendidikan Dan Lain-lain

Kategori		Kekerapan	Peratusan (%)
Tahap pendidikan	PMR	4	20.0
	SPM	9	45.0
	Diploma	7	35.0
Status perkahwinan	Bujang	20	100.0
Jenis tempat tinggal	Pangsapuri	9	45.0
	Teres	7	35.0
	Rumah kampung	4	20.0
Tinggal bersama siapa	Rakan/kawan	3	15.0
	Keluarga	17	85.0
	Jumlah	20 orang	100.0

Selain itu, berdasarkan jadual 3 telah menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan berdasarkan tahap pendidikan dan lain-lain. Dapatan kajian telah menunjukkan majoriti informan mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seramai 9 orang (45.0 peratus). Diikuti, tahap pendidikan Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR) seramai 4 orang (20.0 peratus). Informan juga mempunyai tahap pendidikan Diploma/Kolej iaitu seramai 7 orang atau 35.0 peratus.

Dalam kajian ini, informan menyatakan dan mengakui bahawa mereka tidak begitu cemerlang dalam pelajaran. Hal ini telah disuarakan oleh Kimi (bukan nama sebenar) yang menyatakan “*saya tidak pandai sangat..dalam kelas banyak main...bila dekat waktu exam...saya bukanlah study sangat...banyak main-main*”. Situasi yang sama diakui oleh Kassim (bukan nama sebenar) yang menyatakan “*saya malas nak ke sekolah...hari-hari datang lewat...ada juga saya ponteng kelas. Bila dah dekat exam, saya tak baca (ulangkaji). Masuk exam jawab macam cincai-cincai ja*”. Selain itu, ada juga informan menyatakan mereka tidak mahu meneruskan pengajian selepas tamat SPM. Hal ini telah disuarakan oleh Rosli (bukan nama sebenar) memberitahu “*lepaih (lepas) abih SPM saya nak kerja. Saya dah malas nak ngaji. Kalo (kalau) dah kerja dapat duit*”. Selain itu, Kamal (bukan nama sebenar) memaklumkan bahawa beliau sudah tidak minat belajar. Beliau dalam keterangannya memberitahu “*saya sudah malas belajaq (belajar)...lepaih abih ni (lepas habis ini) saya nak teruih (terus) kerja*”. Ujar beliau sambil rasa bangga dengan apa yang dikatakan olehnya.

Seterusnya, dapatan kajian ini juga telah menunjukkan kesemua informan berstatus bujang seramai 20 orang (100.0 peratus). Dari segi tempat tinggal, majoriti informan tinggal di rumah jenis pangsapuri sebanyak 9 orang (45.0 peratus). Kebanyakan informan juga yang

ditemu bual tinggal bersama keluarga iaitu seramai 17 orang atau 85.0 peratus (sila rujuk jadual 3).

Dapatan kajian ini turut menemui kebanyakan informan mengakui bahawa ruang rumah yang sempit sangat memberi kesan kepada aktiviti sosial mereka. Hal ini telah disuarakan oleh Amran (bukan nama sebenar) yang mengakui bahawa beliau sebenarnya berasa sempit dan tiada keseronokan apabila berada di rumah. Beliau menceritakan “*saya ada adik beradik lima orang...kiranya ramai la tu...umah saya kecil ja (saja). Nak rehat-rehat dan tidoq (tidur) pun tak bleh (boleh). saya pikiaq (fikir) baik saya keluar rumah...ada kalanya saya tumpang tidoq umah (tidur rumah) kawan saya*”. Selain itu, informan yang bernama Bidin (bukan nama sebenar) juga menyuarakan perkara yang sama. Beliau berkata “*ruang rumah yang sempitlah yang menyebabkan saya sukar ada di rumah... saya keluar rumah dari waktu tengah hari sampai ke lewat pagi. Kalau balik awal pun hidup saya tak senang...ayah mak saya asyik berleter ja (saja)...naik bosan saya. Lebih baik kuar dari rumah jumpa kawan-kawan lagi baguih (bagus)...*”.

Di samping itu juga, keadaan rumah yang sempit dan tinggal bersama-sama ibu bapa sebagai penjaga juga turut mempengaruhi sikap dan keinginan informan. Lukman (bukan nama sebenar) ada butirannya. Menurut Lukman, beliau menyatakan “*saya tinggal di rumah yang sempit...adik beradik saya agak ramai. Kadang-kadang kami berkongsi bilik. Saya tidak ada ruang untuk berada di dalam bilik dengan bebas tanpa diganggu... bila keadaan ini terjadi saya rasa malas dok umah...lebih baik pi keluak (pergi keluar) jumpa kawan-kawan...*”. Hal ini telah menunjukkan bahawa ruang rumah yang sempit menyebabkan beliau mengambil keputusan untuk mencari keseronokan di luar. Lantas, tambahan beliau lagi dengan cara itu beliau boleh melepaskan *tension* yang melanda dalam diri beliau. Hal ini menyebabkan Lukman mengambil peluang untuk menyertai konvoi, berjumpa dengan kawan-kawan dan ronda-ronda pada waktu malam bagi memenuhi rasa kepuasan dan keseronokan. Beliau mengakui dengan berkonvoi secara suka-suka boleh menenangkan jiwanya yang bosan.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Mat Motor: *Herd/ Mob mentality* (mentaliti gerombolan)

Menurut Megan (2012), *mob mentality* boleh didefinisikan sebagai “individu dalam sekumpulan mengalami *deindividuation* atau hilang kesedaran diri. Apabila seseorang individu *deindividuate*, mereka kurang cenderung untuk mengikut sekatan dan halangan biasa dan lebih cenderung untuk kehilangan rasa identiti individu. Kumpulan boleh menjana rasa kegembiraan emosi, yang boleh membawa kepada provokasi tingkah laku bahawa seseorang”. Dalam kajian ini, istilah “mentaliti gerombolan” (*mob mentality*) merujuk pada ciri perilaku unik yang muncul ketika seseorang individu berada dalam sebuah kumpulan yang besar. Istilah ini sering dipakai dalam pengertian negatif. Hal ini kerana istilah “mob” atau “gerombolan” biasanya menimbulkan kesan tentang kumpulan orang yang bersifat agresif. Para ahli psikologi sosial yang meneliti tingkah laku kumpulan juga menggunakan istilah-istilah lain seperti “tingkah laku kawanan” (*herd behavior*), “mentaliti kawanan” (*herd mentality*), atau pun “histeria kerumunan” (*crowd hysteria*) untuk menggambarkan perilaku yang mirip dengan hal tersebut.

Justeru, mentaliti kawanan, atau mentaliti gerombolan telah menerangkan bagaimana seseorang individu dipengaruhi oleh rakan-rakan mereka untuk mengamalkan tingkah laku yang tertentu, mengikut trend tertentu dalam persekitaran kehidupan mereka. Hal ini menurut Leigh (1996) telah berhujah bahawa mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti ini adalah

sebahagian besarnya adalah individu yang mempunyai minat aktif dalam sukan bermotor. Ada kalanya juga dalam tempoh tertentu mereka mencabar pihak berkuasa dan mengganggu ketenteraman awam (Falconer & Kingham, 2007: 183).

Dalam kajian ini, *mob mentality* atau mentaliti gerombolan boleh dilihat dalam kalangan pelumba motosikal haram kerana terdapat sekumpulan besar individu yang berkumpul di lokasi yang diketahui untuk melakukan aktiviti berkonvoi walaupun undang-undang melarangnya. Mereka berkumpul di lokasi yang boleh dilihat, dirancang untuk berkonvoi melalui kemudahan telekomunikasi jaringan sosial seperti *whatsapp* dan *wechat* dan kadang kalanya berkumpul di lokasi secara spontan. Hal ini dapat dibuktikan melalui kenyataan Mat Motor yang telah menyatakan bahawa mereka merancang terlebih dahulu tentang lokasi yang dipersetujui untuk berkumpul. Hal ini boleh dilihat melalui kebanyakan mereka berkonvoi di jalan raya seperti di kawasan Batu Uban, Bukit Gambir, kawasan Relau, kawasan sekitar di Jalan Padang Kota dan Jalan Batu Feringhi.


Sehubungan itu, *mob mentality* dalam kajian ini telah digambarkan sebagai mereka hakikatnya tidak bimbang tentang undang-undang yang sedia ada. Hal ini kerana mereka semua dalam kumpulan yang besar. Apabila mereka diserbu oleh pihak polis, mereka akan berselerak melarikan diri di arah yang berbeza dan kemudiannya bersatu kembali. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam semua kes, 'individu yang dimaklumkan' diikuti oleh orang lain di dalam kumpulan tersebut, membentuk dengan sendirinya struktur geng di jalanan secara informal. Hal ini menunjukkan dalam kebanyakan kes informan tidak menyedari bahawa mereka sebenarnya telah dikawal oleh orang lain. Ini adalah contoh yang terbaik tentang bagaimana otak mereka berfungsi di dalam realiti sosial kehidupan seharian. Walaupun tanpa penganjur atau mana-mana peraturan yang jelas, mereka dilihat dapat menyesuaikan diri dengan baik. Justeru, penyelidik merumuskan mentaliti 'mengikut kumpulan' tidak bermanfaat. Hal ini kerana sekiranya informan tidak memahami sepenuhnya pada subjek, maka mereka telah cenderung untuk mengikut individu yang lebih banyak daripada mereka yang lain.

Selain itu, perspektif Kriminologi telah berhujah individu yang terlibat dalam fenomena ini dikategorikan sebagai pesalah juvana delinkuen. Hal ini telah diujahkan oleh (Leigh, 1996) iaitu seorang ahli Kriminologi yang menyatakan aktiviti perlumbaan motosikal haram dalam konteks jenayah juvana adalah kerana tiga sebab utama, iaitu: a) pelumba adalah terdiri daripada golongan belia yang majoriti adalah berumur di antara 16 hingga 25 tahun, b) berkongsi ciri-ciri sama yang terdapat di dalam kumpulan persekitaran sosial mereka, dan c) pelumba jalanan adalah merupakan satu aktiviti yang bersifat sementara. Kebanyakan mereka tidak akan meneruskan perlumbaan haram lebih daripada 2 hingga 3 tahun (Leigh, 1996: 1). Justeru, aktiviti berkonvoi dan lumba haram merupakan perbuatan melanggar undang-undang di Malaysia yang termaktub di bawah Seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 (Akta 333) Pindaan 1999. Aktiviti menunggang motosikal ini adalah lebih popular di Malaysia berbanding dengan perlumbaan kereta haram seperti yang dilaporkan di kalangan negara maju (Ibrahim et al., 2015: 527).

Justeru, terdapat beberapa implikasi dinyatakan dalam artikel ini seperti berikut:

- 1) kajian ini dapat menyelesaikan polemik masyarakat agar dapat membezakan Mat Motor dan Mat Rempit. Persepsi masyarakat terhadap golongan sasaran ini perlu diperbaiki dan diubah. Tidak semua individu yang menunggang motosikal secara berkumpulan itu dilabel sebagai jahat dan negatif.

- 2) Kajian telah membina satu profil mat motor di Malaysia bagi memahami golongan ini dengan lebih mendalam (Rajah 2).



Rajah 2: Profil Mat Motor di Malaysia

PENUTUP

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperolehi, kajian ini adalah suatu kajian empirikal baru dalam bidang kriminologi. Justeru itu, data kajian ini amat berguna dalam pembangunan dan pengembangan bidang ilmu kriminologi di Malaysia. Sumbangan hasil kajian ini diharap dapat memberi substantif ilmu lain seperti bidang ilmu sosiologi, psikologi, mengembangkan teori-teori kriminologi yang sedia ada serta dapat menguji keberkesanan metodologi yang digunapakai dalam kajian ini. Secara tidak langsung, perbincangan rangka kerja teoritikal dapat dikembangkan dan hasil kajian ini boleh memberi rujukan kepada penyelidik dari segi kaedah (metod) dan kerja-kerja penyelidikan baru dapat dibina dan direka pada masa akan datang. Seterusnya, hasil kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pihak yang terlibat dengan bidang kajian seperti agensi kerajaan, pihak profesional dan negara. Contohnya, dapatan data kajian yang diperolehi boleh digunakan untuk dijadikan asas kepada sistem sukatan pelajaran baru di peringkat sekolah menengah. Antaranya, menyenaraikan satu sukatan '*criminology study*' bersesuaian dengan skop semasa dalam mata pelajaran pendidikan moral dan pendidikan Islam. Secara tidak langsung melalui pendekatan pendidikan, golongan remaja diajar dan diberi ilmu pengetahuan berhubung dengan jenayah dan pencegahan dalam kalangan remaja.

RUJUKAN

- Abdul Karim, M.F, Ismail, R, & Sukimi, M.F. (2009). Sub-budaya mat rempit dan perubahan sosiobudayanya. *Journal of Society and Space*, 5(3): 26 – 43).
- Abdullah, H., Dahalan, D., Hamzah, A., Ismail, I. A., Tamam, E., Abdullah, A.L., Suandi, T. (2012). Majlis Belia Malaysia: Quo vadis transformasi era semasa. *Malaysian Journal of Society and Space*, 8(7), 13-19.

- Ahmad, Z., Ahmad, N., & Abdullah, H. (2009). Urbanism, space and human psychology: Value change and urbanization in Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, 11(3), 464-470.
- Akers, R. L. (1990). Rational choice, deterrence and social learning theory in criminology: The path not taken. *The Journal of Criminal Law & Criminology*, 81(3), 653-676.
- Akers, R.L. and C.S. Sellers. (2004). *Criminological theories: Introduction, evaluation, and application* (4th ed). Los Angeles: Roxbury Publishing.
- Amit, N., Ismail, R., Ibrahim, N., Said, Z., & Ghazali, S. E. (2016). Sensation seeking and self-esteem differences among illegal street racers in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(1 S1), 96.
- Armstrong KA, Steinhardt DA. (2006). Understanding street racing and 'hoon' culture: An exploratory investigation of perceptions and experiences. *Journal of the Australasian College of Road Safety*, 17,38-44.
- Blaikie, N. (2000). *Designing social research: The logic of anticipation*. Cambridge: Polity.
- Don, Y., Daud, Y., Kasa, M. D., Sakdan, M. F. a., Mustafa, J., & Ahmad, Z. I. (2009). Gang rempit dan penyalahgunaan dadah: pengaruhnya dari aspek psikososial dan institusi pendidikan. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 5.
- Donovan, D. M., Marlatt, G. A., & Salzberg, P. M. (1983). Drinking behavior, personality factors and high-risk driving. A review and theoretical formulation. *Journal of Studies on Alcohol*, 44, 395– 428.
- Folkman, L., M. (2005). *Queensland's Anti-hoon legislation and policing methods used to prevent hooning behavior*. Proceedings of Australasian Road Safety Research, Policing and Education Conference 2005.
- Gee Kee A, Palk G.V, Steinhardt D.A. (2007). *Hooning driving behaviour: prevalence, associated characteristics and crashes*. Proceedings of Australasian Road Safety Research, Policing and Education Conference, Melbourne.
- Hussin, Z. (2015). “Teori kriminologi labeling dan evolusi penjenamaan semula ‘mat rempit’ di Malaysia”. Full paper presented at Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS2015) on 12th November 2015 at School of Social Science, Universiti Sains Malaysia.
- Hussin, Z. (2017). Faktor risiko dan bentuk tingkah laku agresif dalam kalangan mat motor dan mat rempit di Pulau Pinang, Malaysia. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Sains Malaysia.
- Ibrahim, N., Ismail, R., Halim, M. R. T. A., & Amit, N. (2015). Personality, high-risk activities and aggressive behaviour among illegal street racers. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(5), 527.
- Ismail, R. (2004). Gejala perlumbaan motosikal haram di kalangan remaja: peranan keluarga dan masyarakat dalam mengenai gejala Ini. *Prosiding Seminar Kebangsaan Ke-3*

- Psikologi dan Masyarakat 2004*. Pusat Teknologi Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 4-5 Oktober 2004.
- Ismail, R. (2005). Perlumbaan motorsikal haram di kalangan remaja. Dalam *Prosiding Seminar Penyelidikan dan Pembangunan Generasi Muda UKM-KBS*, 13-14 Disember, 2005, UKM, Bangi: 315-326.
- Ismail, R., & Borhanuddin, B. (2009). Pendefinisian semula konsep Mat Rempit. *Journal Psikologi Malaysia*, 29.
- Ismail, R., & Ibrahim, N. (2007). Personaliti, sokongan sosial dan *coping skill*. *Laporan Akhir Penyelidikan*, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia Dan Sukan. Malaysia.
- Knight, S., Cook, L. J., & Olson, L. M. (2004). The fast and the fatal: street racing fatal crashes in the United States. *Injury Prevention*, 10, 53-55.
- Leigh, A. (1996). Youth and street racing. *Current Issues in Criminal Justice*, 7(3), 388.
- Mahmood, N. (2009). *Gejala sosial di Malaysia masa kini: Antara puncanya*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Insan di Malaysia di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 8 Januari 2008.
- Mumshad, M & Ashraf, A. (2019). Illegal street racing- a growing threat to public safety. *Journal of Pakistan Medical Association*, 69(9): 1411.
- Neuman, W. L. (2006). *Social research methods: qualitative and quantitative approaches*, (6th edn). Boston: Allyn & Bacon.
- Parker, D., McDonald, L., Rabbitt, P., & Sutcliffe, P. (2000). Elderly drivers and their accidents: The aging driver questionnaire. *Accident Analysis and Prevention*, 751–759.
- Peak, K. J., & Glensor, R. W. (2004). *Street racing*. Washington, DC: US Department of Justice, Office of Community Oriented Policing services.
- Samsudin, A. R. (2007). Pengurusan pembangunan belia ke arah pembentukan generasi 2057. *Kertas Kerja Konvensyen Pembangunan Belia: Meneroka Generasi 2057*. Putrajaya, 2-4 September 2007.
- Seeley, J.S, Wickens, C.M, Vingilis-Jaremko, L, Fleiter, J, Yildirim-Yenier, Z, Grushka, D.H, Vingilis, E. (2019). Street racing, stunt driving and ghost riding YouTube videos: A descriptive content analysis. *Transportation Research Part F: Traffic Psychology and Behaviour*, Volume 63: 283-294.
- Vaaranen, H. (2004). The emotional experience of class: interpreting working-class kids' street racing in Helsinki. *Annals Of The American Academy Of Political And Social Science*, 595. doi: 10.1177/0002716204267494.

- Vaaranen, H., & Wieloch, N. (2002). Car crashes and dead end careers: leisure pursuits of the Finish subculture of the kortteliralli street racing. *YOUNG: Nordic Journal of Youth Research*, 10. doi: 10.1177/110330880201000104.
- Warn, J., Tranter, P., & Kingham, S. (2004). Fast and furious 3: Illegal street racing, sensation seeking and risky driving behaviours in New Zealand. Paper presented at the Australasian Transport Research Forum (Atrf), 27th, 2004, Adelaide, South Australia, Australia.
- Wong, L. P. (2011). Socio-demographic and behavioural characteristics of illegal motorcycle street racers in Malaysia. *BMC Public Health*, 11(1), 1-8. doi: 10.1186/1471-2458-11-446.
- Wong, L. P. (2012). Factors associated with illegal motorcycle street racing and help-seeking intention. *Behavioral Medicine*, 38(2), 54-63.

Profil Penulis :

Zalmizy Hussin, PhD

Universiti Utara Malaysia

zalmizy@uum.edu.my

Dr. Siti Rohana Ahmad

Pakar Perubatan Kesihatan Awam,

Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

drsitirohana@moh.gov.my

SOKONGAN SERTA PERANAN AHLI KELUARGA DAN MASYARAKAT UNTUK PENAGIH BEBAS DADAH

WAN NUR NAZIHAN WAN HAMZAH, MOHAMMAD MUJAHEED HASSAN, FARAH HUSNA ANWAR, WAN MUNIRA WAN JAAFAR, AMNA MD NOOR

ABSTRAK

Penagihan dadah pada masa kini adalah perkara biasa di halwa telinga masyarakat. Pelbagai usahasama dijalankan antara badan kerajaan dan bukan kerajaan dengan menubuhkan pusat pemulihan bagi mengembalikan kefungsiannya mereka. Namun, adakah peranan pihak berwajib sahaja sudah cukup untuk mengembalikan kefungsiannya mereka? Jesteru artikel ini akan memperihalkan sokongan dan peranan ahli keluarga serta masyarakat yang memberi kesan kepada kepulihan penagih dadah yang sedang mendapatkan rawatan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Dengkil dan berada di fasa terakhir pemulihan (yang bakal menamatkan tempoh pemulihan). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan soalan hujung terbuka bagi memberi kebebasan kepada klien untuk berkongsi tanpa rasa terikat. Seramai lima orang klien telah terpilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji untuk menjadi responden kepada kajian ini dan butiran temubual dan dicatatkan sebagai bukti. Kajian ini mencakupi ciri-ciri sokongan yang diberikan oleh ahli keluarga dan masyarakat serta kesan sokongan tersebut kepada klien di dalam membantu mereka mencapai kepulihan secara menyeluruh. Pengkaji telah mereka bentuk soalan-soalan kajian berdasarkan kajian kes terdahulu dan analisis dokumen yang berkaitan dengan penagihan relaps di Malaysia.

Kata kunci: kepulihan, persepsi, sokongan ahli keluarga dan masyarakat, kesan

ABSTRACT

Drug addiction nowadays is common in the ears of society. Various joint ventures are carried out between government and non-governmental bodies by setting up rehabilitation centers to restore their functionality. However, is the role of the authorities alone enough to restore their functionality? Therefore, this article will describe the support and role of family members and the community that affect the recovery of drug addicts who are receiving treatment at the Narcotics Addiction Rehabilitation Center (PUSPEN) Dengkil and are in the final phase of recovery (which will end the recovery period). This study uses a qualitative approach with open end questions to give the client the freedom to share without feeling bound. A total of five clients were selected based on the criteria set by the researcher to be respondents to this study and interview details and recorded as evidence. This study covers the characteristics of support provided by family members and the community as well as the impact of such support on clients in helping them achieve overall recovery. Researchers have designed research questions based on previous case studies and document analysis related to relapse addiction in Malaysia.

Keywords: recovery, perception, family and community support, impact

PENGENALAN

Dadah didefinisikan sebagai apa jua bahan kimia, sama ada asli atau tiruan, apabila dimasukkan kedalam tubuh badan secara disuntik, dihidu, dihisap atau di makan boleh mengubah fungsi tubuh badan seseorang atau organisasi dari segi fizikal dan mental sehingga menyebabkan kebergantungan secara fizikal dan psikologikal serta tolerans yang meningkat. Menurut seksyen 2 Akta Penagih Dadah, “Penagih Dadah” itu sendiri telah ditakrifkan sebagai seseorang yang melalui penggunaan mana-mana dadah berbahaya, mengalami suatu keadaan

psikik dan kadangkala keadaan fizikal yang dicirikan dengan gerak balas tingkah laku dan gerak balas yang meliputi desakan mengambil dadah secara berterusan atau berkala untuk mengalami kesan psikiknya dan untuk mengelakkan ketagihan kerana ketiadaannya. Penyalahgunaan dadah akan menyebabkan beberapa kesan kepada penagih seperti euforia iaitu halusinasi (rasa khayal) iaitu dari segi fisiologinya seseorang klien akan mengalami peningkatan sel darah putih dan gula dalam darah, kemusnahan otot-otot dan peningkatan suhu badan secara mendadak, pernafasan menjadi lebih pendek dan perlahan, menggigil akibat penurunan kadar metabolisme yang drastik, HIV & AIDS dan lain-lain. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan, setakat tahun 2018, sebanyak 25,267 kes penagihan berulang telah direkodkan dan angka ini diharap dapat dikurangkan dari tahun ke tahun bagi mencapai wawasan Malaysia Bebas Dadah. Program *aftercare* atau program pemulihan selepas rawatan perlu berfokuskan kepada penglibatan komuniti, agensi dan organisasi yang bersesuaian untuk membantu perubahan individu. Keutamaan program selepas pemulihan berkenaan adalah untuk memberi sokongan yang kukuh serta perhatian yang sewajarnya kepada penagih yang telah tamat tempoh rawatan di dalam institusi agar mereka berjaya bebas daripada pengaruh dadah.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting kerana ianya memperihalkan tentang kepentingan sistem sokongan daripada ahli keluarga dan masyarakat. Sokongan daripada ahli keluarga dan masyarakat merupakan perkara yang vital kepada klien yang sedang menjalani rawatan di dalam institusi. Sokongan dan dorongan ini sangat diperlukan untuk mereka terus bersemangat bagi membebaskan diri mereka daripada isu dan gejala penagihan dadah. Sokongan membawa maksud sesuatu pengalaman berkaitan penghargaan, perhatian dan kasih sayang. Sokongan menyumbang kepada perkembangan positif dalam kalangan individu malahan kekurangan sokongan daripada keluarga dan masyarakat menyumbang kepada tingkahlaku penyalahgunaan dadah. Sokongan masyarakat yang dimaksudkan ialah jiran, ketua kampung dan ahli jawatankuasa masjid manakala ahli keluarga pula dilabelkan sebagai orang yang signifikan dan paling dipercayai di dalam hidup mereka seperti ibu bapa, adik beradik dan suami atau isteri. Namun sejauh manakah sokongan ahli keluarga dan masyarakat berfungsi untuk mengekalkan kepulihan klient daripada ketagihan dadah dan membantu mereka untuk berfungsi seperti sedia kala?

OBJEKTIF KAJIAN

Untuk mengkaji fungsi sokongan ahli keluarga dan masyarakat terhadap kepulihan klient daripada ketagihan dadah.

SOROTAN KAJIAN

Ahli keluarga terdiri daripada beberapa sub-unit seperti ibu bapa, suami atau isteri dan adik-beradik ataupun lebih dikenali sebagai orang signifikan yang mempunyai fungsi masing-masing untuk membentuk sebuah ahli keluarga yang sejahtera manakala masyarakat pula terdiri daripada jawatankuasa masjid, ketua kampung, jiran dan lain-lain (Fauziah Ibrahim & Naresh Kumar (2009). Ahli keluarga merupakan sebuah sistem yang sangat vital dan berperanan untuk membangunkan pembentukan individu dari segi kerakter ataupun nilai peribadi mereka. Setiap ahli keluarga mempunyai corak didikan dan penerimaan yang berbeza terhadap sesuatu isu. Peranan ahli keluarga dan masyarakat untuk membendung masalah penyalahgunaan dadah adalah sesuatu yang kompleks. Kajian lampau mendapati terdapat

hubungan signifikan antara keretakan keluarga dan sokongan yang lemah daripada masyarakat dengan penggunaan dadah. Apabila seseorang terjebak dengan masalah penggunaan dadah, akan berlaku perubahan ketara terutama di dalam corak interaksi antara ahli keluarga dan masyarakat seperti dingin (kurang komunikasi), ahli keluarga atau pasangan akan gemar berleter (tekanan bertambah), ahli komuniti yang mengkritik hebat dan ini menjadi satu penyebab kepada gangguan proses pemulihan mereka. Sokongan padu daripada ahli keluarga dan masyarakat berupaya meningkatkan keyakinan dan ketahanan diri klien dalam menjalani program pemulihan dadah (Ruhani, Abdullah dan Nor Ezdanie, 2012; Siti Rahmah, 2012).

Setiap ahli keluarga dan masyarakat mempunyai peranan tersendiri untuk menyekat unsur-unsur negatif daripada mempengaruhi seseorang daripada terjebak dengan penagihan dadah. Ahli keluarga dan masyarakat yang bermasalah disifatkan tidak menyokong dan akan mempengaruhi kepulihan mereka untuk bebas daripada pengaruh dadah. Klien yang mempunyai hubungan rapat dengan ahli keluarga menunjukkan kesan positif yang signifikan terhadap kejayaan diri untuk pulih. Perkara ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Fauziah et al. (2009), beliau mendapati bahawa sokongan yang lemah dalam kalangan ahli keluarga terhadap klien boleh memberikan impak negatif terhadap proses pemulihan dadah dan berpotensi tinggi untuk menjadikan mereka kembali menagih semula. Keadaan persekitaran dalaman ahli keluarga yang tidak kondusif seperti seperti penderaan, tekanan, dan kesukaran hidup menyebabkan ahli keluarga merasa tertekan lantas lebih memilih untuk kembali kepada kancah penagihan. Kajian menunjukkan bahawa ahli keluarga dan masyarakat menyediakan rangsangan positif kepada individu akan memberi kesan kepada perkembangan fizikal dan psikologikal seseorang (Zainah Ahmad Zamani et al. 2013). Perkara ini dibuktikan dengan penyediaan modul oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan yang melibatkan keluarga dan masyarakat untuk bekerjasama dengan klien bagi membuktikan sokongan padu mereka terhadap proses pemulihan kumpulan ini. Terdapat banyak program kekeluargaan dan aktiviti kemasyarakatan yang disediakan seperti aktiviti gotong-royong, sambutan hari ibu, majlis hari raya dan macam-macam lagi untuk mengeratkan hubungan dan bagi membiasakan masyarakat untuk bercampur dengan mereka tanpa rasa terancam sekaligus membuang sifat prejudis, diskriminasi dan prasangka masyarakat terhadap klien yang merupakan antara salah satu punca berlakunya ketagihan semula.

Ahli keluarga dan masyarakat harus menjadi penyokong utama di dalam proses penyembuhan klien dengan menyingkirkan stigma-stigma negatif terhadap mereka. Sokongan dan dorongan yang tidak berbelah bagi sangat diperlukan pada ketika ini kerana mereka sangat mudah untuk terjebak semula dengan penagihan dadah di atas faktor pengaruh rakan dan mudah mendapatkan bekalan dengan token terdahulu sebelum mereka ditangkap. Ahli keluarga dan masyarakat harus menunjukkan sokongan dan penerimaan yang tidak bersyarat kepada mereka sebagai motivasi untuk mereka kembali kedalam komuniti yang sihat (Siti Rahmah, 2012; F.S.M Ghazali et al. 2017). Ini boleh memberi kepercayaan kepada klien bahawasanya mereka masih mempunyai sokongan dan mempunyai tempat untuk berkongsi dan meluahkan masalah yang dialami. Dengan adanya perkara seperti ini akan memberi gambaran bahawa sokongan ahli keluarga dan masyarakat ini masih wujud dan kukuh.

Namun begitu, tidak dinafikan perubahan sosiologi segelintir masyarakat pada hari ini sikit sebanyak boleh merencatkan proses kepulihan klien. Oleh itu, kekuatan dalaman ahli keluarga harus diperhebatkan kerana mereka merupakan golongan terdekat yang paling terkesan dengan masalah dan stigma negatif masyarakat. Mereka harus mengabaikan tanggapan itu dan bersedia untuk membantu klien untuk mengatasi masalah ketagihan. Sokongan yang tidak berbelah bagi daripada ahli keluarga mampu mengurangkan risiko untuk

mereka kembali mengambil dadah. Klien yang telah bebas dadah dan mempunyai hubungan rapat dengan ahli keluarga akan menunjukkan kesan yang signifikan terhadap kejayaan diri mereka untuk terus pulih. Cabaran yang dihadapi oleh ahli keluarga bersifat timbal balik di mana sikap penagih boleh mempengaruhi sokongan dan usaha ahli keluarga untuk terus bersama-sama mereka sepanjang tempoh pemulihan berlangsung. Tenaga positif yang dikongsi bersama mampu mencipta satu perubahan. Ahli keluarga juga perlu memperbaiki beberapa kemahiran asas seperti kemahiran berkomunikasi dan mendengar serta sentiasa berusaha menambah pengetahuan mengenai opiat, rawatan dan proses pemulihan agar penagih tidak merasa bersendirian dalam proses penyembuhan tersebut. Usaha ahli keluarga juga boleh melindungi penagih daripada stigma masyarakat dan menghalang pengaruh persekitaran daripada terus merosakkan ahli keluarga yang lain.

Terdapat perbezaan yang ketara di antara masyarakat tradisional dan masyarakat konvensional iaitu hubungan kejiwaan atau kekitaan yang semakin pudar. Pertembungan proses industrialisasi dan urbanisasi pada masa kini semakin memperlihatkan sisi negatifnya iaitu manusia menjadi semakin individualistik dan materialistik. Perkara ini menjadi punca kepada peningkatan masalah penagihan dadah apabila kempen-kempen kesedaran yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu tidak mendapat perhatian dan sambutan sekaligus menyebabkan peningkatan kadar penagihan di Malaysia dari tahun ke tahun. Masyarakat adalah satu elemen yang sinonim dengan penyembuhan sepenuhnya klien daripada masalah ketagihan. Prejudis terhadap klien akan mewujudkan jurang yang hebat antara klien dan masyarakat sekaligus menjadikan persekitaran tidak kondusif. Masyarakat seringkali memperkukuhkan stigma dan melabelkan mereka sebagai golongan yang kurang berfungsi sehingga memberikan kesan psikologi kepada mereka dan meningkatkan keberangskalian untuk menggagalkan proses pemulihan klien (Fauziah et al. 2014). Stigma atau persepsi bahawa mereka adalah penjenayah menyebabkan kehidupan mereka setelah selesai rawatan menjadi sukar terutama untuk mendapatkan pekerjaan bagi menyara kehidupan dan akhirnya mengambil jalan mudah dengan melakukan sebarang kerja asalkan dapat meneruskan kehidupan.

Menurut Mahmood Mohd Nazar et al., (2006), mendapati bahawa kekurangan sokongan daripada masyarakat menjadi faktor penyumbang kepada masalah penggunaan dadah. Dapatan kajian ini disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Fauziah Ibrahim dan Naresh Kumar (2009), sebanyak 94% daripada responden menyatakan bahawa mereka mendapat sokongan pada tahap sederhana dan rendah yang boleh menjadikan faktor pada penagihan semula. Di dalam konsep masyarakat Madani, masyarakat merupakan tulang belakang bagi pencapaian sesuatu kejayaan yang menjadi sasaran pihak berkuasa. Ini kerana proses penyembuhan merupakan satu perkara yang vital dan memerlukan kerjasama yang holistik antara masyarakat dan klien samaada melalui sokongan fizikal mahupun moral kepada mereka. Oleh itu, sokongan, penerimaan dan kerjasama yang kukuh dalam kalangan ahli masyarakat adalah penting bagi membantu mereka supaya tidak terlibat semula dengan kancan najis dadah. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Fauziah Ibrahim et al., (2017) bahawa bekas penagih dadah akan mengalami kesukaran dalam menjalani kehidupan yang normal apabila masyarakat memandang serong, prasangka, diskriminasi dan pelbagai tindakan yang cuba untuk menyisihkan mereka daripada masyarakat umum.

Sokongan masyarakat tidak hanya tertumpu pada penyembuhan klien semata-mata, bahkan sokongan juga harus diberikan kepada ahli keluarga mereka yang turut sama terkena tempas daripada masalah penagihan anak mereka. Sokongan positif anggota masyarakat sekeliling amat diperlukan supaya keluarga klien mampu merasakan penerimaan yang tidak

berbelah bahagi dan mampu menyalurkan perasaan positif itu kepada mereka kelak. Ada ahli keluarga yang terasa seperti disisihkan oleh masyarakat setelah mereka mendapat tahu bahawa salah seorang daripada ahli keluarga mereka terlibat dengan dadah dan kecaman negatif akan lebih hebat dirasakan sekiranya ahli keluarga tersebut (klien) menghidap penyakit HIV positif. Hal ini disebabkan oleh anggota masyarakat beranggapan bahawa punca penagihan ini adalah disebabkan faktor pengabaian daripada ahli keluarga itu sendiri sehingga mereka (klien) terjebak dengan masalah ini. Kebanyakan anggota masyarakat mempunyai stigma bahawa mereka yang terlibat dengan isu dadah ini berpunca daripada sistem keluarga yang bermasalah seperti faktor tekanan dan kemiskinan.

Mereka yang ditangkap dan disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 akan menjalani rawatan pemulihan di mana-mana institusi yang terdapat di seluruh Malaysia selama tempoh 24 bulan (maksima) dan ini bergantung kepada perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah. Beberapa bulan sebelum mereka dibebaskan (pra bebas), mereka akan diberi kursus dan latihan yang menitikberatkan tiga elemen penting iaitu menulis, membaca dan mengira. Selesai tempoh rawatan di dalam institusi, mereka akan dibebaskan dan akan diletakkan di bawah pengawasan Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah (AADK Daerah) selama 2 tahun bagi memerhatikan gerak geri mereka supaya tidak kembali menagih. Menurut statistik daripada AADK tahun 2017, sebanyak 40.57% iaitu seramai 7,482 orang klien daripada 25,922 klien baru didapati relaps (penagihan berulang). Klient perlu diberi bantuan, peluang dan ruang oleh masyarakat dan anggota keluarga mereka untuk berubah dan pulang kepangkal jalan. Tidak dinafikan bahawasanya punca penagihan semula adalah berpunca daripada pengaruh rakan sebaya iaitu sebanyak 39.7% (Mohammad Nazar, Md. Shuaib dan Dhazir Kasa 2006). Namun perkara seumpama ini tidak akan terjadi atau peratusnya mungkin berkurangan sekiranya masyarakat dan ahli keluarga lebih peka akan peristiwa-peristiwa yang terjadi di sekeliling mereka. Menurut mereka lagi, isu penagihan ini patut diklasifikasikan sebagai satu penyakit dan semua jenis sistem sokongan harus memainkan peranan mereka di dalam menghapuskan lubuk-lubuk penagihan ini.

Terdapat beberapa peranan yang boleh dimainkan oleh anggota masyarakat sebagai satu sistem sokongan yang penting iaitu dengan menggugurkan stigma negatif terhadap mereka. Hal ini kerana ianya boleh mendatangkan ketidakselesaan kepada mereka apabila dinilai dengan persepsi yang buruk secara berterusan walaupun setelah mereka menamatkan tempoh rawatan di dalam pusat. Anggota masyarakat harus memberikan mereka ruang untuk membuktikan bahawa mereka bukanlah individu yang sama seperti sebelum menjalani rawatan. Rata-rata mereka menegaskan bahawa mereka berasa dipinggirkan di dalam masyarakat apabila masyarakat sekeliling terutama jiran tetangga mengasingkan mereka daripada aktiviti kawasan kejiranan dan bahkan lebih teruk dengan tidak bertegur sapa dengan mereka. Masyarakat seharusnya menggunakan peluang yang ada untuk memberi kesempatan kepada mereka untuk mengintegrasikan semula diri mereka dengan persekitaran agar tidak berasa kekok. Klien juga harus diberi peluang yang sama rata tanpa diskriminasi didalam sektor pekerjaan. Dengan adanya peluang ini akan ada sinar harapan untuk mereka memulakan semula kehidupan mereka. Kegagalan sistem masyarakat di dalam menunjukkan dan memberikan sokongan padu kepada klien menyebabkan mereka berasa rendah diri dan tidak diterima di dalam masyarakat berbanding rakan-rakan penagih lama yang sentiasa ada dan ini akan memberi ruang untuk penagihan semula yang sangat dikhuatiri kerana penagihannya akan menjadi semakin teruk dan semakin sukar untuk dirawat tambahan pula dengan persepsi yang dibina oleh klien mengenai penerimaan masyarakat terhadap mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah suatu kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kajian kes merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengkaji individu atau institusi secara mendalam dan terperinci dalam konteksnya tersendiri.

Terdapat 28 buah pusat serenti seluruh Malaysia dan terdapat empat buah pusat di negeri Selangor iaitu di Rawang, Sungai Besi, Serendah dan Dengkil. PUSPEN Dengkil dipilih diatas faktor demografi pusat tersebut yang dulunya menggunakan kaedah Rawatan Terapi Methadon (RTG) dan telah menamatkan perkhidmatan tersebut dengan memperkasakan Therapeutic Community (TC) bagi meningkatkan keberkesanan proses pemulihan. Pusat ini mempunyai kapasiti sebanyak 250 pada satu masa dan bilangan terkini klien yang mendapatkan rawatan di pusat tersebut ialah 236 orang dan kesemua mereka adalah lelaki. Penyelidik beranggapan bahawa PUSPEN Dengkil mempunyai klien yang memenuhi kriteria kajian yang bakal dilaksanakan bagi mewakili populasi penagih dadah seluruh Malaysia. Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen yang dibentuk sendiri berdasarkan kepada beberapa kaedah iaitu:

a) Kajian Perpustakaan

Semasa menjalankan kajian ini, penyelidik telah mendapatkan pelbagai maklumat daripada bahan-bahan bercetak dan juga bahan-bahan elektronik seperti rujukan daripada laman sesawang bagi mendapatkan lebih banyak informasi dan juga maklumat-maklumat tambahan yang boleh dijadikan sebagai input bagi menyempurnakan kajian ini.

b) Temu Bual

Instrumen kajian yang menggunakan kaedah temu bual merupakan satu kaedah yang efisien dan mempunyai kepercayaan yang tinggi. Hal ini disebabkan penyelidik memperoleh informasi dan maklumat secara terus daripada responden sasaran. Hal ini bagi memastikan soalan-soalan yang diajukan dapat dijawab dan memenuhi kehendak semasa sesi temu bual ini seterusnya maklumat-maklumat ini dijadikan data untuk dimasukkan ke dalam kajian oleh penyelidik ini.

Sampel yang digunakan dalam kajian ini ialah mereka yang sedang menjalani rawatan pra-bebas di mana mereka akan dibebaskan dalam jangka masa terdekat. Seramai 5 orang klien (15-30 tahun) yang dipilih oleh pegawai unit pemulihan berdasarkan keupayaan mereka untuk berkomunikasi dengan baik terutama di dalam sesi temu bual bagi menjawab semua persoalan kajian. Kesemua klien yang dipilih adalah berdasarkan beberapa faktor tertentu seperti rekod disiplin dan jawatan yang digalas mereka sepanjang didalam tempoh latihan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Sokongan Ahli Keluarga dan Masyarakat

Memetik kenyataan daripada Kamus Dewan, perkataan sosial mempunyai beberapa definisi tersendiri dan salah satu definisi yang bersesuaian dengan kajian ini iaitu sosial adalah berkaitan dengan persahabatan, pergaulan dan aktiviti masa lapang yang dilakukan bersama-sama. Menurut Feldman dan R.S (2006), sokongan sosial adalah satu perkara yang penting di dalam usaha untuk membantu serta memberi perhatian dan sokongan di antara satu sama lain. Berdasarkan definisi ini, sokongan sosial merujuk kepada perbuatan membantu dan memberi perangsang serta perhatian, sama ada dengan kata-kata ataupun perbuatan daripada ahli keluarga, sahabat handai, ahli masyarakat dan kakitangan PUSPEN Dengkil. Konsep sokongan sosial dalam kajian ini memberi tumpuan terhadap sokongan berbentuk nasihat, perhatian,

galakan, pertolongan dan kerjasama yang diterima oleh klien daripada ahli keluarga serta komuniti sekeliling.

- Klien 1 Isteri saya datang tiap-tiap bulan bawak anak-anak, adik beradik semua dah pernah datang kecuali abang saya sebab dia sakit...
- Klien 2 Ada, pernah, semua pernah datang, mak datang dengan abang tiap-tiap bulan, ayah takkan datang sebab sakit...
- Klien 3 Selalu, tapi dah dua bulan tak datang, mungkin outstation...
- Klien 4 Ada, dah 3 kali datang melawat...
- Klien 5 Bila dia mari sini visit, dia panggil saya, saya happy sangat...

Kelima-lima klien menyatakan bahawa mereka menerima sokongan sosial daripada ahli keluarga ataupun orang signifikan dari segi lawatan. Lawatan yang mereka perolehi daripada ahli keluarga ataupun orang signifikan sememangnya memberi impak yang positif kerana mereka merasa sokongan yang tidak berbelah bahagi untuk mereka pulih seperti sebelum ini. Perkara ini memperkukuhkan dapatan kajian oleh FSM Ghazali et al. (2017) bahawa sokongan ahli keluarga merupakan aspek utama di dalam proses penyembuhan klien kerana ahli keluarga merupakan institusi yang terdekat dan ahli keluarga harus memainkan peranan dengan menjadi pendengar yang baik bagi membina kepercayaan mereka.

- Klien 5 Abang saya ada ambik gambar saya dalam pusat masuk dalam FB. Diorang semua puji cakap bagus masuk pusat, ramai orang support I, cakap banyak bagus masuk pusat

Klien ini membuktikan bahawa masih ada segelintir masyarakat yang berfikir positif dan terbuka menerima keruntuhan sistem sosial ini dan menyokong proses pemulihan sebagai satu perkara yang bagus dan patut terus diamalkan. Pendedahan gambar di media sosial berkaitan pemulihan klien di dalam pusat membuktikan bahawa tiada penghalang terhadap mereka untuk terdedah dengan masyarakat elektronik sekaligus mendekatkan masyarakat konvensional dengan para klien di dalam pusat dengan cara mendedahkan aktiviti mereka dan menunjukkan kesungguhan mereka untuk terus bebas daripada penagihan dadah. Dengan cara ini, satu blok pemikiran akan terbina secara automatik hasil daripada pemerhatian mereka dan tidak akan berasa terancam apabila berada bersama dengan klien di dalam sebuah masyarakat kerana kurangnya ilmu pengetahuan mengenai golongan minoriti ini. Isu berkaitan stigma ini merupakan isu global kerana ianya turut berlaku di China dan Vietnam disebabkan kurangnya ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat (Latkin et.al., 2016; Luo, 2013).

Ketidakfungsian Sistem Kekeluargaan

Menurut Wawan dan Munir 2006, sistem bermaksud kumpulan yang terdiri daripada beberapa elemen yang berinteraksi untuk mencapai tujuan tertentu. Komponen- komponen yang ada pada suatu sistem juga saling bergantung antara satu sama lain. Kamus Dewan Edisi keempat memperihalkan bahawa persekitaran membawa maksud kawasan di sekeliling sesuatu tempat atau kawasan sekitar.

- Klien 1 "...nak kata dia tak tahu tu tipulah sebab saya suami dia, Cuma dia tak yakin je benda tu..."

Klien 2 “...tapi pakcik saya yang token tu dia dapat agak dah, tapi dia buat tak tau je...”, “...bapak saya pon dapat tangkap dah, tapi dia pun buat tak tau je...”

Klien 4 “...saya punya angin kalau tak cantik, tepi jalan pon saya hisap, siang ke malam saya tak kisah...”

Tiga daripada lima klien mengatakan bahawa ahli didalam masyarakat sama ada ahli keluarga atau jiran tetangga mengabaikan mereka yang pada mulanya hanya mahu mencuba namun menjadi ketagihan kerana tiada halangan daripada mana-mana pihak. Ahli keluarga merupakan komponen paling utama di dalam sistem yang harus diperkukuhkan bagi mengurangkan isu ketagihan di dalam norma masyarakat. Ahli masyarakat (masyarakat setempat, jiran dll) harus turut sama memainkan peranan masing-masing dengan melaporkan aktiviti tidak sihat tersebut kepada orang tertentu seperti ahli keluarga. Menurut Mohd Azlan dan Mahmood Nazar 2009, masyarakat yang prihatin akan mampu untuk membendung isu ketagihan daripada terus berlarutan.

Pada masa kini, pendidikan di sekolah sahaja sangat tidak mencukupi bagi menyekat impak arus pemodenan yang semakin pesat kini. Walaupun sekolah merupakan institusi formal yang memberikan anak-anak pendidikan, namun peranan ibubapa tidak boleh dipandang remeh. Oleh itu, ibu bapa dan para guru harus berpadu tenaga untuk sama-sama memberi penekanan dan perhatian kepada aktiviti anak-anak dan tidak boleh mengambil mudah sebarang perubahan yang berlaku terhadap anak mereka. Menurut Rohner, Ronald & Veneziano, (2001) ibu bapa merupakan individu yang paling hampir dengan anak-anak dan berperanan dalam mencorakkan perkembangan peribadi anak-anak dari peringkat kelahiran sehingga ke peringkat dewasa. Sebagai ibu bapa, peranan utama adalah untuk mengetahui aktiviti anak-anak dan mengesan sebarang perubahan terhadap mereka samaada dari segi mental, emosi dan fizikal.

Klien 1 “...saya dah ambik heroin dah, spm dapat pangkat 2, orang tua suruh sambung belajar, tapi saya dah macam tu, nak sambung belajar apa...”

Klien 2 “...Saya dah mula hisap rokok umur 14, umur 13 dah hisap ganja umur 17 heroin...”

Klien 3 “...Umur 11 tahun saya dah main dadah, saya ambik pil kuda...”

Tiga daripada lima klien menyatakan bahawa mereka mula berjinak dan menagih dadah seawal usia belasan tahun. Pada usia seperti ini, kanak-kanak tidak sewajarnya terdedah dengan isu ketagihan dadah sekiranya mereka diberi perhatian sepenuhnya dari segi pergaulan dan perubahan tingkah laku. Ibu bapa juga boleh menyekat masalah ketagihan ini sekiranya dapat mengesan sebarang perubahan pada anak-anak pada peringkat awal.

Prejudis dan Pengabaian Masyarakat

Prejudis dan pengabaian terhadap klien akan mewujudkan jurang yang hebat antara klien dan masyarakat sekaligus menjadikan persekitaran tidak kondusif. Masyarakat seringkali memperkukuhkan stigma dan melabelkan klien sebagai golongan yang kurang berfungsi sehingga memberikan kesan psikologi kepada mereka dan meningkatkan keberangskalian untuk menggagalkan proses pemulihan klien (Fauziah et al. 2014). Stigma atau persepsi bahawa mereka adalah penjenayah menyebabkan kehidupan mereka setelah selesai rawatan menjadi sukar terutama untuk mendapatkan pekerjaan bagi menyara kehidupan dan akhirnya mengambil jalan mudah dengan melakukan sebarang kerja asalkan dapat meneruskan kehidupan. Klien mengalami kesukaran dalam menjalani kehidupan yang normal disebabkan

prasangka, diskriminasi dan pelbagai tindakan yang menyisihkan mereka daripada elemen kefungisian di dalam masyarakat dengan beranggapan bahawa mereka adalah penjenayah (Fauziah et al., 2017).

- Klien 1 “Duduk kat kerusi mesti beralih punya, kalau kau dah jadi penagih sampai bila-bila pon kau penagih”
- Klien 2 “Cuma kalau ada orang cakap-cakap, saya lawan balik lah”
- Klien 3 “Orang keliling tak support, baik kita terus menagih je puan”
- Klien 4 “Memang masyarakat tak tolong. Saya hanya bergantung pada keluarga saya”

Empat daripada lima klien menyatakan mereka mendapat sokongan yang tidak memberangsangkan daripada anggota masyarakat yang masih meminggirkan mereka di dalam komuniti setempat.

- Klien 1 “...kawan saya ada benda tu, jadi kitorang (4 orang) tapi masa tu yang masih sekolah masa tu 2 orang je, yang lagi dua tu umur atas saya 18, 20 lebih, bila kat kampung bercampur dengan umur-umur macam tu masa sekolah dulu selalu ponteng...”
- Klien 2 “...saya banyak belajar daripada senior-senior, umur sebaya saya takde, sebab dadah bahaya kan, budak-budak kecil mana boleh tahu benda-benda dadah ni kan... saya suruh kawan saya ambik kat pakcik saya, pastu gi hisap kat tempat lain...”
- Klien 5 “...saya telefon itu kawan mari ambik saya, terus dapat dadah...”

Peranan utama masyarakat adalah untuk membantu dan menjana pelaksanaan program pemulihan, menyumbang idea, saranan dan tenaga bagi menyelesaikan masalah penggunaan dadah sekaligus bekerjasama dengan semua pihak bagi menyekat kemasukan dadah ke kawasan setempat (Siti Rahmah, 2017). Oleh itu, kerjasama dan hubungan baik antara sesama jiran tetangga melalui program-program seperti Rukun Tetangga harus diperhebat. Sekiranya masyarakat elektronik kini masih mengamalkan ciri-ciri masyarakat konvensional seperti zaman dahulu seperti gotong-royong dan sebagainya dan mempunyai semangat kekitaan terhadap kawasan kediaman mereka, perkara seumpama ini akan dapat dibendung dan dibenters dengan lebih efisien apabila semua lapisan masyarakat cakna mengenai satu sama lain. Menurut Mahmood Mohd Nazar et al. (1999) mendapati bahawa kekurangan sokongan daripada masyarakat menjadi faktor penyumbang kepada masalah penyalahgunaan dadah. Kajian yang dilakukan oleh Fauziah Ibrahim dan Naresh Kumar (2009), sebanyak 94% daripada responden menyatakan bahawa mereka mendapat sokongan pada tahap sederhana dan rendah yang boleh menjadikan faktor pada penagihan semula.

Modul Kemasyarakatan

Selain daripada ahli keluarga, pihak PUSPEN juga turut memberi peluang kepada klien untuk berkomunikasi dengan orang luar ataupun masyarakat sekeliling seperti pengusaha kedai makan dan pusat cuci kereta yang berdekatan dengan pusat pemulihan untuk memberi mereka peluang merasakan penerimaan komuniti terhadap mereka. Namun penerimaan komuniti terbabit bukanlah sesuatu yang pelik kerana mereka sudah terbiasa dengan situasi berkenaan dan kepercayaan mereka terhadap kesembuhan klien melebihi segalanya. Perkara seumpama ini sangat diperlukan untuk menunjukkan bahawa masih ada segelintir masyarakat yang tidak mendiskriminasi mereka malahan menerima mereka walaupun dengan sejarah mereka tersendiri.

Klien 5 “Saya pernah pergi kerja car wash sama kedai roti canai sana...”

Namun perkara ini harus dipraktikkan di beberapa kawasan berbeza bagi melihat adakah faktor penerimaan komuniti itu tadi disebabkan kebiasaan mereka ataupun perubahan blok minda mereka kearah yang lebih terbuka. Peluang yang disediakan oleh pusat ini digunakan dengan baik oleh klien untuk bercampur dengan masyarakat sekeliling bagi membiasakan mereka dengan sebarang kemungkinan di luar sana kelak apabila mereka telah bebas. Menurut kajian lepas yang dilakukan oleh Fauziah Ibrahim et al. (2017), bekas penagih dadah akan mengalami kesukaran dalam menjalani kehidupan yang normal apabila masyarakat memandang serong, mempunyai prasangka, diskriminasi dan pelbagai tindakan yang cuba untuk menyisihkan mereka daripada masyarakat umum.

Klien 1 “...kalau kau dah jadi penagih, sampai bila pon kau penagih (prasangka)...”
...masa rawatan luar, duduk kat kerusi mesti beralih punya (diskriminasi)...”

klien 3 “...orang sekeliling tak support, baik kita terus menagih je puan...”
“...panggil lah kita buat kerja, jangan bagi kita lepak, lepak punca relaps (diskriminasi)...”

Klien 4 “...masyarakat memang tak tolong, saya hanya bergantung pada keluarga saya...”

Ketiga-tiga klien menyatakan mereka kurang mendapat sokongan dan dorongan daripada masyarakat sekeliling sehinggakan perkara tersebut menjadi faktor untuk mereka kembali menagih. Menurut Fauziah et al. (2014), klien berhadapan dengan risiko yang tinggi berkaitan stigma sosial masyarakat apabila mereka dilabel sebagai masyarakat yang kurang berfungsi sehingga memberikan kesan psikologi sedangkan mereka sehabis baik menggunakan kudrat dan masa untuk memperbaiki diri semasa di dalam tempoh pemulihan dengan mengikuti modul-modul serta pengisian program.

CADANGAN

Hasil daripada kajian yang dilakukan, kesemua klien menyatakan bahawa sokongan ahli keluarga dan masyarakat adalah sangat penting dan mempunyai peranannya tersendiri. Sokongan yang diperlukan adalah dari segi lawatan dan juga sokongan moral yang berpanjangan agar mereka tidak rasa seperti disisihkan dan dibuang daripada ahli keluarga dan masyarakat disebabkan kesilapan masa lampau mereka. Klien mempunyai keterujaan yang tinggi apabila mendapat kunjungan daripada ahli keluarga dan pandangan positif daripada masyarakat yang menjadikan mereka lebih bersemangat dan ceria di dalam menghadapi proses
108 ihan. Ianya mencerminkan sokongan yang tidak berbelah bagi untuk melihat mereka
ihat dan kembali berfungsi seperti selalu.

Fungsi sistem persekitaran pula membincangkan kepincangan yang menyebabkan pengabaian kepada perubahan yang berlaku kepada klien. Sifat terlalu mengambil mudah oleh orang sekeliling menyebabkan klien terus hanyut dengan keseronokan yang baru mereka temui bersama rakan-rakan mereka. Masyarakat pada hari ini bukan lagi seperti masyarakat yang ada pada zaman seniman P.Ramlee. Masyarakat pada zaman itu menganggap semua mereka sebagai satu keluarga dan hubungan mereka sangat akrab sehinggakan masalah individu menjadi masalah kepada satu komuniti tersebut dan mereka bersama-sama mencari jalan penyelesaian bagi membantu individu itu. Perkara ini mungkin dapat dibendung sekiranya orang sekeliling memainkan peranan masing-masing. Beberapa cadangan akan dibincangkan

dengan lebih lanjut mengenai isu ini dan diharap ianya mampu memberi perspektif baru dan sedikit perubahan kepada sistem yang sedia ada.

Mewujudkan Tabung Amanah

Cadangan untuk tabung ini diwujudkan adalah bagi menimbulkan rasa tanggungjawab ibu bapa terhadap anak yang dihantar ke pusat pemulihan bagi mendapatkan rawatan di dalam tempoh masa tertentu. Hal ini bagi mengelakkan sikap lepas tangan terhadap anak yang dihantar ke pusat pemulihan kerana mereka masih berada di bawah tanggungjawab ibu bapa dan hanya dibantu oleh pihak PUSPEN untuk menjalani pemulihan. Hasil kutipan tabung ini akan digunakan untuk mempelbagaikan lagi aktiviti yang akan dijalankan bagi mengeratkan hubungan keahli keluarga dan memperlihatkan sokongan yang tidak berbelah bagi. Antara cadangan aktiviti yang sewajarnya dilakukan adalah majlis penghargaan kepada mereka yang berada di fasa pra pemulihan supaya mereka merasakan penat lelah mereka melawan ketagihan selama ini lebih dihargai oleh semua pihak. Selain itu, pihak PUSPEN juga harus menyediakan satu kad laporan mengenai perkembangan perubahan klien untuk ditunjukkan kepada ibu bapa. Situasi seperti kanak-kanak tadika yang gembira melihat ibu bapa datang mengambil kad laporan dan mendapat pujian di hadapan ibu bapa akan memberikan mereka satu perasaan positif untuk menjadi lebih baik supaya mampu membuatkan ibu bapa mereka bangga walaupun setelah merasa malu dengan masyarakat dengan apa yang telah terjadi.

Kajian lepas telah menunjukkan bahawa hubungan antara orang signifikan dan klien merupakan satu perkara yang tidak boleh dipandang remeh kerana ianya merupakan tonggak utama di dalam proses penyembuhan mereka. Perkara ini disokong oleh pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan kerjasama PUSPEN di dalam menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan ahli keluarga, klien dan juga pihak PUSPEN seperti sambutan hari ibu, rumah terbuka aidilfitri serta bermacam-macam lagi. Sokongan yang terjalin perlu diperkukuhkan lagi untuk menceriakan kehidupan klien dengan mengadakan aktiviti seperti hari sukan bersama ahli keluarga dan sambutan hari ahli keluarga PUSPEN di masa akan datang bagi meningkatkan tahap kesembuhan klien secara semula jadi sekaligus mengurangkan keberangkalian untuk mereka kembali menagih setelah tamat proses pemulihan di dalam pusat.

Selain itu, proses penyembuhan klien juga tidak harus berorantasikan hukuman seperti yang dialami oleh seorang banduan di dalam penjara kerana pihak AADK sendiri menyifatkan klien sebagai pesakit dan bukan penjenayah. Kehidupan mereka di dalam pusat harus diserikan dengan aktiviti yang lebih cenderung kepada aspek keahli keluarga berbanding hukuman namun hukuman tidak boleh dibiarkan sekiranya mereka melakukan kesalahan yang menyalahi peraturan yang telah ditetapkan. Hukuman yang diberikan haruslah memberi pengajaran kepada klien supaya mereka tidak mengulangi kesalahan yang sama pada masa akan datang.

Memperkasakan Kaunseling kelompok terhadap ibu bapa

Kaunseling didefinisikan sebagai proses menolong sama ada secara perseorangan atau secara berkumpulan. Perkara ini penting kerana terdapat sesetengah ibu bapa mempunyai keyakinan diri yang rendah kerana terkesan dengan pandangan dan persepsi masyarakat terhadap mereka sekaligus menjejaskan tahap sokongan mereka terhadap anak yang sedang mendapatkan rawatan. Masyarakat yang diklasifikasikan sebagai masyarakat “membawang” pada masa kini telah berjaya memainkan peranan mereka sehingga segelintir ibu bapa berasa malu apabila masyarakat mengetahui bahawa anak mereka sedang mendapatkan rawatan di dalam pusat sekaligus meruntuhkan semangat mereka untuk berhadapan dengan masyarakat kerana khuatir di label sebagai gagal mendidik anak dengan baik sehingga terjerumus ke dalam masalah penagihan dadah.

Sokongan harus diberikan dan kepercayaan harus dibina serta diperkukuhkan dengan khidmat kaunseling daripada pakar. Sokongan ibu bapa amat penting di dalam menentukan tahap kesembuhan klien. Ibu bapa harus diperlihatkan dengan proses penyembuhan yang dilalui oleh klien bagi menyentuh hati kecil mereka sekaligus menjadikan mereka semakin kuat untuk mengabaikan anasir-anasir luar yang meruntuhkan kepercayaan terhadap anak mereka untuk sembuh.

Menghidupkan Fungsi Keahli Keluarga

Sistem keahli keluarga pada masa kini tidak lagi berfungsi seperti dulu. Anak-anak semakin terabai disebabkan kelekaan ibu bapa di dalam mencari kesenangan untuk anak-anak mereka. Pada masa kini, kebanyakkan ibu bapa bekerja bagi menampung kos sara hidup yang tinggi sehingga tiada masa untuk anak-anak dan mengambil jalan mudah dengan memantau gerak geri anak-anak menggunakan kemajuan teknologi. Sebagai ibu bapa, kita lebih mengenali gerak geri anak kita, oleh itu jangan ambil mudah dengan sebarang perubahan terhadap anak-anak walaupun hanya perubahan yang kecil. Pepatah ada mengatakan, lebih baik mencegah daripada mengubati dan ianya harus diimplimenkan ke dalam sistem keahli keluarga masa kini sebelum sesuatu masalah menjadi semakin parah dan terlambat untuk dicegah. Ibu bapa harus mengenali kawan-kawan kepada anak mereka dan turut sama mengenali ibu bapa mereka supaya pergerakan mereka terbatas dan terkawal. Ibu harus bersikap lebih terbuka dengan memberi ruang kepada anak-anak untuk membuat aktiviti bersama rakan-rakan mereka di rumah dan ianya memberi peluang kepada ibu bapa untuk memantau kegiatan mereka secara tidak langsung.

Ibu bapa moden pada masa kini harus bekerjasama dengan guru di sekolah dan tidak sewajarnya melepaskan segala tanggungjawab mendidik kepada guru semata-mata. Hal ini kerana, pembelajaran formal di sekolah sahaja tidak mencukupi bagi membentuk sahsiah dan peribadi seseorang dan ianya harus disokong oleh pembelajaran tidak formal di rumah dengan mempraktikkan apa yang mereka pelajari di sekolah seperti cara solat dan sebagainya dan ianya harus dilakukan oleh ibu bapa. Oleh itu, satu penekanan kepada ibu bapa untuk mewajibkan lawatan terhadap anak-anak didalam pusat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali bagi mereka yang disahkan betul-betul kurang kemampuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan KDN manakala lawatan setiap bulan harus diwajibkan kepada ahli keluarga yang mampu.

Kegagalan ahli keluarga memenuhi kriteria ini akan dikenakan penalti. Hal ini disebabkan cabaran terbesar di dalam sesebuah sistem keahli keluarga adalah untuk membentuk semula sistem ahli keluarga konvensional seperti zaman dulu yang mempunyai masa dan aktiviti yang boleh dilakukan bersama anak-anak seperti bercerita, mengaji dan sebagainya. Kini, teknologi telah mengubah segalanya apabila perbualan menjadi lebih rancak di media sosial berbanding pertemuan empat mata sehinggakan menjadi satu kebiasaan yang diterima masyarakat sebagai perkara normal seperti bermain dengan telefon pintar di nakan dan tidak berborak antara satu sama lain.

Selain itu, penalti harus diperkenalkan oleh kerajaan kepada ibu bapa yang menyembunyikan aktiviti penagihan anak mereka dan penalti harus menjadi lebih berat sekiranya anak mereka melakukan jenayah di bawah pengaruh dadah. Hal ini bagi memupuk kesedaran kepada ibu bapa bahawa apa yang terjadi pada anak mereka adalah tanggungjawab mereka. Diharapkan dengan penalti ini ibu bapa akan lebih berusaha memantau dan mengawasi anak mereka. Perkara ini harus diperbetulkan kerana dikhuatiri lebih banyak masalah sosial terutama kes penyalahgunaan dadah disebabkan pengabaian oleh ibu bapa dan ahli keluarga.

Masyarakat pada hari ini bukan lagi seperti masyarakat yang ada pada zaman seniman P.Ramlee. Masyarakat pada zaman itu menganggap semua mereka sebagai satu keluarga dan hubungan mereka sangat akrab sehinggakan masalah individu menjadi masalah kepada satu komuniti tersebut dan mereka bersama-sama mencari jalan penyelesaian bagi membantu individu itu. Masyarakat ini dikenali sebagai masyarakat konvensional di mana mereka mengamalkan amalan seperti rewang, ziarah menziarahi dan pada masa ini, teknologi masih belum wujud sepertimana pada hari ini.

Sistem kemasyarakatan pada hari ini goyah disebabkan wujudnya letusan teknologi yang sangat cepat. Teknologi pada dasarnya adalah untuk memudahkan kerja-kerja manusia seperti dari segi perhubungan dan komunikasi, namun manusia kini terlebih menggunakan teknologi sehinggakan mereka terlupa bahawasanya pertemuan empat mata itu lebih penting dan bermakna berbanding komunikasi di alam maya. Ahli Jawatankuasa penduduk setempat mendepani cabaran yang berbeza berbanding masyarakat konvensional apabila cabaran mereka pada masa kini adalah untuk menyatukan semula semua ahli di dalam komuniti elektronik ini. Mereka harus menyediakan pelbagai aktiviti menarik bagi memupuk minat dan mewujudkan rasa kepentingan untuk bersatu di dalam sesebuah komuniti sebagai sebuah ahli keluarga dan berkongsi masalah yang sama. Sekiranya perkara ini berjaya dan mampu diwujudkan semula pada zaman ini, maka isu seperti pengedaran dadah di kawasan setempat akan dapat dikurangkan sikit demi sedikit sehingga mencapai tahap sifar.

Hasil daripada kajian ini mendapati masih ada segelintir masyarakat yang prihatin terhadap nasib mereka namun bilangannya tidak seramai mereka yang masih mengamalkan prejudis dan pandangan serong terhadap klien. Perkara ini sudah diterapkan semenjak kecil lagi bahawa klien adalah golongan yang tidak berfungsi di dalam masyarakat, berbahaya dan harus dijauhi jika tidak menginginkan perkara buruk terjadi. Perkara ini telah mewujudkan satu blok di dalam pemikiran mereka bahawa penagih dadah adalah berbahaya dan bukannya dadah itu sendiri. Oleh itu, ramainya anak-anak seawal remaja sudah mula terjebak dengan rokok seterusnya diikuti dengan masalah penagihan dadah.

Meningkatkan Kefungsian Ahli Jawatankuasa Kawasan Kediaman (JKK)

Nilai murni di dalam masyarakat seperti amalan bekerjasama yang dipercayai mempunyai nilai sentimental yang besar dari segi kerjasama dan kesepaduan telah hilang pada masa kini. Fenomena ini disebabkan wujudnya pelbagai kemudahan yang secara tidak langsung menghilangkan amalan dahulu kala yang telah terbukti berjaya mengawal isu masalah sosial. Namun, intipati sebenar masalah ini adalah dengan kewujudan e-komuniti, iaitu komuniti yang berasaskan elektronik. Komuniti ini meninggalkan pengaruh yang besar kepada setiap lapisan masyarakat sehinggakan fungsi-fungsi masyarakat konvensional di ambil alih seperti pertemuan empat mata di dalam mesyuarat JKK yang dahulunya diadakan di balai raya, namun kini hanya diadakan di alam maya. Perkara ini dilihat mampu meregangkan hubungan antara ahli di dalamnya dan tidak sebagaimana masyarakat konvensional yang rata-ratanya mengenali secara keseluruhan penduduk di kawasan mereka.

Kefungsian sistem masyarakat merupakan satu perkara yang penting. Disebabkan keutuhan ini akan mampu menghalang najis dadah daripada masuk ke kawasan kediaman dan merosakkan anak muda di kawasan tersebut. Elemen “Makcik bawang” yang ada pada masyarakat konvensional sangat diperlukan untuk wujud pada masa kini kerana peranan mereka yang sangat cakna kepada sebarang perubahan yang berlaku di kawasan sekeliling. “Makcik bawang” ini juga selalunya mengenali setiap penduduk di kawasan kediaman mereka sekaligus menyebabkan pelaku merasa gentar sekiranya perbuatan mereka dapat dihidu oleh “Makcik bawang” ini.

Maka untuk mewujudkan semula “makcik bawang” zaman dahulu kala di dalam masyarakat elektronik kini, elemen-elemen yang wujud pada masyarakat konvensional seperti mesyuarat secara bersua muka, amalan rewang dan gotong-royong dilihat sebagai satu cara paling efektif dan berkesan. Sekiranya penerapan ini berjaya dilakukan kepada masyarakat masa kini terutama masyarakat bandar, sebarang kepincangan di dalam masyarakat yang menyalahi norma dan menuju kearah masalah sosial dapat dicegah dengan efisien apabila semua ahli masyarakat mengambil bahagian dan tidak bersikap berpeluk tubuh. Oleh itu, peranan JKK adalah sangat penting di dalam menyusun aktiviti yang mampu menemukan semua komuniti kawasan kediaman dan berkenalan bagi memperbetulkan dan memperkasakan fungsi “makcik bawang” demi menjaga keharmonian dan keselamatan kawasan kediaman.

Jika dulu, sistem Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang memperuntukkan komuniti di kawasan kediaman untuk berjaga dan mengawasi sebarang aktiviti yang mencurigakan dilihat sebagai salah satu usaha kearah membendung gejala sosial daripada berlaku. Namun pada masa kini, di saat hampir semua ahli komuniti sibuk mencari rezeki dan telah penat, fungsi KRT dilihat semakin lumpuh dan ianya digantikan dengan sistem pos kawalan di mana terdapat pengawal keselamatan yang akan menjaga kawasan kediaman mereka dan seharusnya diperhebat dengan kawalan litar tertutup di kawasan-kawasan panas. Oleh itu, pihak JKK harus menggiatkan usaha ini dan memperketatkan peraturan keluar masuk ke kawasan kediaman dan usaha ini perlu dicontohi di semua kawasan kediaman agar peratusan punca masalah sosial dapat dikurangkan. JKK juga harus mewujudkan hubungan yang baik dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya segala maklumat salah laku lebih senang dilaporkan dan diketahui.

Memperkasa Peranan Pengamal Media

Pada masa kini, media massa memainkan peranan yang sangat penting kerana kehidupan seharian manusia ditemani oleh alat elektronik. Pihak media seharusnya memainkan peranan mereka sebaik mungkin untuk menangkis pandangan serong dan sikap prejudis terhadap klien. Mereka ini adalah golongan yang terkena tempias daripada iklan-iklan yang menunjukkan sisi negatif mereka semasa masih di bawah pengaruh ketagihan. Perkara ini menjadi tidak adil kerana mereka masih dihukum dengan kesilapan lampau mereka sehingga mereka berasa
112 1 di dalam masyarakat sedangkan mereka telah berjuang bermati-matian untuk hidup daripada dadah.

Walaupun bagaimanapun, perkara ini bukanlah salah masyarakat sepenuhnya. Pihak pengamal media seharusnya membuat dokumentari yang menunjukkan kehidupan mereka di dalam pusat pemulihan bagi memberi pendedahan sebenar kepada semua tentang kesungguhan mereka untuk berubah supaya diterima di dalam masyarakat seperti dulu kala sekaligus membina satu skema baru pada masyarakat bahawa tanggapan mereka sebelum ini mengenai golongan ini adalah salah. Selain itu, pengamal media harus menggunakan segala kecanggihan pada masa kini untuk menyebarkan perkembangan mereka di dalam pusat pemulihan seperti *Instagram*, *Twitter* dan *Facebook* kerana ini merupakan medium yang dilihat paling dekat dengan masyarakat kini. Perkara ini dilihat mampu menjadi satu cara yang paling efisien bagi mendekatkan mereka dengan masyarakat sekaligus menghapuskan prejudis dan menerima mereka sebagai sebahagian daripada ahli masyarakat yang berfungsi. Kekurangan sokongan daripada institusi kemasyarakatan menyebabkan mereka putus asa dan berpotensi untuk kembali menagih dan terus menderitakan.

RUJUKAN

- Aquilino, W.S. & Supple, A.J. (2001). Long-Term Effects of Parenting Practices During Adolescence on Well-Being Out-Comes in Young Adulthood. *Journal of Family Issues*, 22, 289-308.
- Alias, S. R. B. (2012). Keberkesanan Modul Pemulihan Dadah Ke Atas Motivasi Pencapaian Dalam Kalangan Pelatih Pusat Serenti Di Sepang.
- Fauziah Ibrahim dan Naresh Kumar (2009). The Influence of Community on Relapse Addiction to Drug Use: Evidence from Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, Vol. 11, Num 3, p471 – 476.
- Fauziah Ibrahim, Bahaman Abu Samah, Mansor Abu Talib & Mod Shatar Sabran. (2009). Faktor Menyumbang Kepada Penagihan Relapse Dadah Dalam Kalangan Penagih Dadah PUSPEN di Semanjung. Dalam *Jurnal Antidadah Malaysia*, 5(1), 1-17
- Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi, Noremy Mohd Akhir, Norulhuda Sarnon, Lukman @ Zawawi Mohamad, Mohd Suhaimi Mohamad, Nasrudin Subhi, Salina Nen & Suzana Mohd Hoesni. (2012). *The Role of Family Towards Current Adolescence Challenges: Drug Prevention and Living Without Drugs*. The Social Sciences. 7(2):341-345. ISSN: 1818-5800. DOI: 10.3923/ sscience.2012.341.345
- Ghazalli, F. S. M., Abdullah, S. N. F., Juahir, H., Ghani, N. A., & Amran, M. A. (2017). Assessment by multivariate analysis of family support. *Journal of Fundamental and Applied Sciences*, 9(2S), 238-255.
- Ibrahim, F., Zakaria, E., Saim, N. J., Nen, S., & Sani, M. N. M. (2017). Faktor-Faktor Penyumbang Ketahanan Diri Penagih Untuk Pulih Bebas Dadah. *E-Bangi*, 12(1), 60-74.
- Ibrahim, F., Zakaria, E., Nen, S., Sarnon, N., & Saim, N. J. (2014). Pengguna Dadah Wanita Di Malaysia: Pengalaman Penagihan Dan Hubungan Kekeluargaan. *Sains Humanika*, 67(1).
- Ibrahim, F., Zakaria, E., Saim, N. J., Nen, S., & Sani, M. N. M. (2017). Faktor-Faktor Penyumbang Ketahanan Diri Penagih Untuk Pulih Bebas Dadah. *E-Bangi*, 12(1), 60-74.
- Laman sesawang rasmi Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
According to Figure 6, the result shows that value of Kaiser's-Meyer-Olkin Measures of Sampling Adequacy (MSA) to measure the proportion of variance among variables that might be caused by underlying factor. Kaiser (1974) recommend a KMO 0.5 value as a minimum, acceptable value from 0.7-0.8 and a good value is above 0.9. The KMO results are 0.731 with a range from 0.7 to 0.8, so this indicate that the result revealed that the sampling for consumers perceived risk towards e-wallet are adequate for factor analysis. Therefore, the consumers perceived risk towards e-wallet variables have a strong relationship among each other and consider applicable for this study.

Kaiser's Measure of Sampling Adequacy: Overall MSA = 0.73053597																	
Q1	Q2	Q3	Q4	Q5	Q6	Q7	Q8	Q9	Q10	Q11	Q12	Q13	Q14	Q15	Q16	Q17	Q18
0.819	0.755	0.748	0.719	0.827	0.758	0.689	0.770	0.732	0.765	0.741	0.686	0.802	0.712	0.708	0.707	0.816	0.806
Q19	Q20	Q21	Q22	Q23	Q24	Q25	Q26	Q27	Q28	Q29	Q30	Q31	Q32	Q33	Q34	Q35	
0.716	0.906	0.715	0.651	0.850	0.810	0.575	0.525	0.767	0.707	0.774	0.743	0.637	0.645	0.610	0.694	0.615	

Figure 6: Kaiser's Measures of Sampling Adequacy (MSA) Result

Table 2 indicates that the eigenvalues actually reflect the number of factors which compares with the number of items subject to factor analysis. The items show all the factors that can be extracted from the analysis along with their eigenvalues. The result on eigenvalue of the correlation matrix shows there are 7 factors that were consider after conduct the extraction of data, which eigenvalues is greater than 1.

The scree plot in Figure 7 shows correspondingly to the eigenvalue on the y-axis and the number of factors on the x-axis. Scree plot is a graph of eigenvalue to all factors. The graph is useful for determine how many factors can be retained. The point of importance is where the curve begins to flatten and shown a cut-off an eigenvalue ≥ 1 . It can be seen that the curve begins to flatten between factors 8 and 9. From the factor 8 onward have an eigenvalue of less than 1, so there are 7 factors have been retained from the 35 items. Hence, the eigenvalue of the correlation matrix and scree plot shows the same result as the 35 items in this study will be reduce to 7 factors after running the extraction.

Table 2: The Result on Eigenvalues of the Correlation Matrix

Eigenvalues of the Correlation Matrix: Total = 35 Average = 1									
	Eigenvalue	Difference	Proportion	Cumulative		Eigenvalue	Difference	Proportion	Cumulative
1	17.7746	14.4998	0.5078	0.5078	19	0.1634	0.0044	0.0047	0.9728
2	3.2748	1.1213	0.0936	0.6014	20	0.1590	0.0319	0.0045	0.9774
3	2.1535	0.2474	0.0615	0.6629	21	0.1272	0.0120	0.0036	0.9810
4	1.9061	0.2954	0.0545	0.7174	22	0.1151	0.0079	0.0033	0.9843
5	1.6106	0.3656	0.0460	0.7634	23	0.1072	0.0228	0.0031	0.9874

6	1.2451	0.3813	0.0356	0.7990	24	0.0845	0.0002	0.0024	0.9898
7	1.0413	0.0740	0.0247	0.8237	25	0.0843	0.0182	0.0024	0.9922
8	0.7898	0.1442	0.0226	0.8462	26	0.0661	0.0169	0.0019	0.9941
9	0.6456	0.0194	0.0184	0.8647	27	0.0493	0.0050	0.0014	0.9955
10	0.6262	0.0285	0.0179	0.8826	28	0.0443	0.0044	0.0013	0.9967
11	0.5977	0.0609	0.0171	0.8996	29	0.0399	0.0158	0.0011	0.9979
12	0.5367	0.0698	0.0153	0.9150	30	0.0241	0.0038	0.0007	0.9986
13	0.4670	0.0730	0.0133	0.9283	31	0.0203	0.0098	0.0006	0.9992
14	0.3940	0.0811	0.0113	0.9396	32	0.0105	0.0011	0.0003	0.9995
15	0.3129	0.0696	0.0089	0.9485	33	0.0094	0.0038	0.0003	0.9997
16	0.2433	0.0092	0.0070	0.9555	34	0.0056	0.0015	0.0002	0.9999
17	0.2341	0.0240	0.0067	0.9622	35	0.0041		0.0001	1
18	0.2100	0.0466	0.0060	0.9682					




Figure 7: Scree plot

The validity of the scale construct was confirmed by a Principal Component Analysis with Rotated Factor Pattern in Table 5. The rotated factor model is used for estimating components and to demonstrate the correspondence between each item. With all loads, the rotated factor pattern includes positive or negative charging. In addition, rotation does nothing but promotes the interpretation of the assessment. On the basis of 35 items were analyses and it was decreased to 7 factors. From the Table 3, factor 1 consist of 7 items related, followed by factor 2, factor 3, factor 4, and factor 5 consist of 5 items related respectively. Lastly factor 6 and factor 7 consist of 4 items related respectively. Each factor comprises of the variable that corresponds to each other with the greater charging factor. However, by looking at Table 34at variance explained by each factor, the most explained variance is factor 1 with value 5.813.

By interpreting the related items that represent the variable accurately within the factor, each factor would be named accordingly. The new name for each factor is: Factor 1 (Behavioural Intent), Factor 2 (Perceived Security), Factor 3 (Perceived Privacy Risk), Factor 4 (Perceived Usefulness), Factor 5 (Trust), Factor 6 (Perceived Overall Risk) and Factor 7 (Perceived Performance Risk). Hence, these factors can be used as variables for further analysis.

Table 3: Rotated Factor Pattern

Rotated Factor Pattern							
	Factor1	Factor2	Factor3	Factor4	Factor5	Factor6	Factor7
Factor 1: Behavioural Intent							
Q19) Learning to use e-wallet platform is easy.	0.8184						
Q30) Using e-wallet platform is clear and understandable.	0.7692						
Q31) Using e-wallet transaction may be used everywhere and every time.	0.7209						
Q18) If there is opportunity, I will use e-wallet platform system again.	0.7124						
Q3) I am willing to share my experience of using e-wallet platform services with my friends and family.	0.7004						
Q15) I intend to use e-wallet platform system because I see the benefits of it.	0.6415						
Q17) If possible, I intend to increase my use of e-wallet platform system.	0.6139						
Factor 2: Perceived Security							
Q12) I feel secure using my credit/debit card information through e-wallet platform.		0.8692					
Q7) I believe my personal information is secure when using e-wallet platform system.		0.8206					
Q4) I believe e-wallet platform is secure.		0.7202					
Q10) I believe using e-wallet platform for any financial transaction is secure.		0.6893					
Q21) Security features do not affect my decision to use the e-wallet platform.		0.4658					
Factor 3: Perceived Privacy Risk							
Q33) When using e-wallet platform, it would keep my personal sensitive information from exposure.			0.8537				
Q32) When using e-wallet platform, internet hackers (criminals) unlikely to take control of my private information.			0.8445				
Q34) When using e-wallet platform, my private information is unlikely to be used for other purposes			0.8388				
Q25) There is less risk of privacy breach with payment process using e-wallet platform.			0.7240				
Q35) When using e-wallet platform, the changes of losing control over my private information is low			0.6815				
Factor 4: Perceived Usefulness							
Q8) I believe payment transaction would be difficult to perform without e-wallet payment system.				0.8170			
Q9) I believe using e-wallet payment system enhance the effectiveness of the payment process.				0.7392			
Q11) I believe using e-wallet platform system saves me time, especially in transaction process.				0.6662			
Q14) I found using e-wallet makes it easier to buy products or services.				0.6156			
Q13) I found using e-wallet is useful in pay bills, shopping, online shopping, and others.				0.4679			
Factor 5: Trust							

Q24) The state of existing e-wallet transaction services, I believe that technology related errors are quite rare.					0.6502		
Q5) I believe e-wallet platform services providers will do everything to secure the transactions for users.					0.5760		
Q6) I believe e-wallet platform system are trustworthy.					0.5502		
Q16) If my card is stolen, I am protected against fraudulent transactions.					0.5172		
Q20) Overall, e-wallet platform services are reliable way to pay.					0.4862		
Factor 6: Perceived Overall Risk							
Q27) There may not cause an error in the online transaction process when using e-wallet platform.						0.8479	
Q28) There may not cause fraud or lost money when using e-wallet platform.						0.7982	
Q29) There may not leaked information online transactions when using e-wallet platform.						0.7872	
Q26) There may not be accessed into unauthorized personal data by hackers when using e-wallet platform.						0.7646	
Factor 7: Perceived Performance Risk							
Q2) E-wallet might tend to perform well which will not create any problems during transactions process.							0.7158
Q23) The security systems built into the e-wallet platform are strong enough to protect my checking account.							0.6080
Q1) Considering their high level of performance, using e-wallet platform service is relatively risk-free.							0.6041
Q22) The probability of e-wallet platform services failing to perform properly is low.							0.5783

Table 4: Variance Explained by Each Factor

Variance Explained by Each Factor						
Factor 1	Factor 2	Factor 3	Factor 4	Factor 5	Factor 6	Factor 7
5.813	4.372	4.229	4.034	3.888	2.781	2.179

CONCLUSION

In order to determine the appropriate construct items, factor analysis fulfil the requisite of identifying the right amount of factor to be produced as well as the similar related items. This study examines the factors that influenced the perceived risk towards e-wallet platform in Malaysia. Thus, to achieve the goals pursued through this study, questionnaires was used which is consist of 35 items which were distributed to 231 of young adult and the data were analysed by using SAS software. From the analysis, 7 factors have been produced.

The objective of this study is to determine the appropriate perceived risk factors among young adult in e-wallet platform. There are seven (7) constructs identified which are behavioural intention, perceived security, perceived privacy risk, perceived usefulness, trust, perceived overall risk, and perceived performance risk. The findings of this study have important means for the improvement and growth of e-wallet platform system among young adult in Malaysia.

Providers can ensure that the website offers consumers with a safe and secure environment to develop and maintain a long-term relationship to leave consumers with an idea of trustworthy towards e-wallet platform. This can be achieved by informing consumers about the security and the secure characteristics of their safe web-based operations with digital certificates and secure servers. Banks and financial providers should always be aware that fraud exists and also customer as well. For consumer who can easily navigate the electronic payment system, providers should provide tutorials or guide different e-wallet outlets. The development of the website should give priority to the usability and convenience of use of the scheme. It can understand the effect on the presumed usefulness and contribute to increased consumer motivation. The use of e-wallet platform through marketing campaigns can be underlined by banks and financial institutions.

Overall risk, privacy risk and performance risk also have significance factor and therefore e-wallet providers should not oversee it as a chance to understand what consumer needs, and want. Therefore, extra attention is given in order to expand the use of e-wallet by banking institutions or online transaction facility providers. In order to secure the flawless systems security, consumers need to have confidence and trust on the online transaction provide by e-wallet providers, policy makers and financial institutions.

Although there are many advantages in e-wallet platform such as convenience, cost savings, and quick response, but there also have several limitations and risks that affecting the acceptance among consumers. For this reason, there are 7 factors that affecting the behavioural of acceptance among the consumers to use and also to accept the technology payment in the e-wallet platform service. Based on the results obtained from this study, the related of e-wallet company in Malaysia can conduct an appropriate strategy for the development of mobile payment services which is beneficial to the providers and also to the consumers as well.

REFERENCES

- Ab Hamid, N. R., & Cheng, A. Y. (2013). A risk perception analysis on the use of electronic payment systems by young adult. *WSEAS Transactions on Information Science and Applications*, 10(1), 26–35.
- Author, C., Lai, P. C., & A, Z. A. (2015). Perceived Risk As An Extension To TAM Model: Consumers' Intention To Use A Single Platform E-Payment. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences Aust. J. Basic & Appl. Sci.*, 9(2), 323 - 330.
- Baganzi, R., & Lau, A. K. W. (2017). Examining trust and risk in mobile money acceptance in Uganda. *Sustainability (Switzerland)*, 9 (12), 2233.
- Bauer, R. A. (1960). Consumer behavior as risk taking. *Risk Taking and Information Handling in Consumer Behavior*, 25(2), 31 - 49.
- Bosamia, M. (2018). Mobile Wallet Payments Recent Potential Threats and Vulnerabilities with its possible security Measures. *Researchgate.Net*, (December 2017). Retrieved from https://www.researchgate.net/profile/Mansi_Bosamia/publication/321797449_Mobile_Wallet_Payments_Recent_Potential_Threats_and_Vulnerabilities_with_its_possible_security_Measures/links/5ae0655daca272fdaf8c72ba/Mobile-Wallet-Payments-Recent-Potential-Threats
- By, T., Santine, L., & Pay, C. X. (2017). The Rise of e-Wallets and Their Benefits in the Payments *Ecosystem*, (4).
- Cao, W. (2016). FinTech Acceptance Research in Finland-Case Company Plastic. Retrieved from <https://pdfs.semanticscholar.org/e8ce/fe083ad1c5487b0fc3cf789708c0f26219a4.pdf>
- Carlin, B., Olafsson, A., & Pagel, M. (2017). Technology Adoption Across Generations: Financial

- Fitness in the Information Age. *NBER Working Paper*.
- Cox, D. F., & Rich, S. U. (1964). Perceived Risk and Consumer Decision-Making: The Case of Telephone Shopping. *Journal of Marketing Research*, 1, 32 - 39.
- Daştan, İ., & Gürler, C. (2016). Factors Affecting the Adoption of Mobile Payment Systems: An Empirical Analysis. *EMAJ: Emerging Markets Journal*.
- Dospinescu, O. (2012). E-Wallet . A New Technical Approach. *Acta Universitatis Danubius*, 8(5).
- Examiner, S. T., Mikkonen, T., Kuivanen, J., & Engineering, E. (2013). Jagannatha Modupalli Extending Mobile Wallet That Utilizes Nfc, (December).
- Featherman, M. S., & Pavlou, P. A. (2003). Predicting e-services adoption: A perceived risk facets perspective. *International Journal of Human Computer Studies*.
- Forsythe, S. M., & Shi, B. (2003). Consumer patronage and risk perceptions in Internet shopping. *Journal of Business Research*.
- Kaiser, H. . (1974). Factor simplicity index and transformations. *Psychometrika*.
- Khalilzadeh, J., Ozturk, A. B., & Bilgihan, A. (2017). Security-related factors in extended UTAUT model for NFC based mobile payment in the restaurant industry. *Computers in Human Behavior*.
- Lai, P. C. (2018). Security as an Extension to TAM Model: Consumers' Intention to Use a Single Platform E-Payment. *Asia-Pacific Journal of Management Research and Innovation*, 13(3-4), 110-119.
- Low, K. H. (2016). *Factor affecting consumer resistance to PayPal mobile payment adoption: a study of generation X consumers in Malaysia*. (August), 1-86. Retrieved from [http://eprints.utar.edu.my/2427/1/Thesis_\(PayPal\).pdf](http://eprints.utar.edu.my/2427/1/Thesis_(PayPal).pdf)
- Martins, C., Oliveira, T., & Popovič, A. (2014). Understanding the internet banking adoption: A unified theory of acceptance and use of technology and perceived risk application. *International Journal of Information Management*.
- Mcmillan, B. J. (2018). Examining the Perceived Risks of Contactless Card Acceptance in the New Zealand Market Master of Commerce in Marketing.
- Mitchell, V. (1999). Consumer perceived risk: conceptualisations and models. *European Journal of Marketing*, 33(1/2), 163-195.
- Mondego, D., & Gide, E. (2018). the Effect of Trust on Mobile Payment Adoption: a Comprehensive Review of Literature. *International Journal of Arts & Sciences*, 11(1), 375-390. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/330439207>
- Ngoc Doan. (2014). Consumer Adoption in Mobile Wallet: A Study of Consumers in Finland. *Turku University of Applied Sciences International Business Bachelor's Thesis*, 1-42.
- Pandy, S. M., Ph, D., & Crowe, M. (2017). Choosing a Mobile Wallet : The Consumer Perspective.
- Punwatkar, S., & Verghese, M. (2018). Adaptation of e-Wallet Payment: An Empirical Study on Consumers' Adoption Behavior in Central India. *Ijamtes.Org*, 8(Iii), 1147-1156. Retrieved from <http://www.ijamtes.org/gallery/154 conf-mba.pdf>
- Roy, S., & Sinha, I. (2017). Factors affecting Customers' adoption of Electronic Payment : an Empirical

Analysis, 19(12), 76–90.

- Salah Uddin, M., & Yesmin Akhi, A. (2014). E-Wallet System for Bangladesh an Electronic Payment System. *International Journal of Modeling and Optimization*, 4(3), 216 - 219.
- Schierz, P. G., Schilke, O., & Wirtz, B. W. (2010). Understanding consumer acceptance of mobile payment services: An empirical analysis. *Electronic Commerce Research and Applications*.
- Srivastava, S. C., Chandra, S., & Theng, Y.-L. (2010). Evaluating the Role of Trust in Consumer Adoption of Mobile Payment Systems: An Empirical Analysis. *Communications of the Association for Information Systems*.
- Teng, P. K., Ling, T. J., & Seng, K. W. K. (2018). Understanding Customer Intention to Use Mobile Payment Services in Nanjing. China. *International Journal of Community Development & Management Studies*, 2, 49–60.
- Ting, H., Thaichon, P., Chuah, F., & Tan, S. R. (2019). Consumer behaviour and disposition decisions: The why and how of smartphone disposition. *Journal of Retailing and Consumer Services*, 51, 212-220.
- Trivedi, J. (2017). Factors Determining the Acceptance of E-Wallet, 1(2), 42 - 53.
- Weiland, S. (1993). Erik Erikson Ages, Stages, And Stories. *Generations*.
- Yang, Y., Liu, Y., Li, H., & Yu, B. (2015). Understanding perceived risks in mobile payment acceptance. *Industrial Management and Data Systems*.

Authors' Profile:

Nurul Nabilah Mohd Razif

School of Quantitative Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok
Kedah, Malaysia
nabilah_mrazif@yahoo.com

Masnita Misiran

Centre for Testing, Measurement and Appraisal,
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok
Kedah, Malaysia

School of Quantitative Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok
Kedah, Malaysia
masnita@uum.edu.my

masnita@uum.edu.my

Zahayu Md Yusof

Institute of Strategic Industrial Decision Science Modeling (ISIDM)
School of Quantitative Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok

Kedah, Malaysia
zahayu@uum.edu.my

Hasimah Sapiri
School of Quantitative Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok
Kedah, Malaysia
hasimah@uum.edu.my

PENGARUH TEKNOLOGI MEDIA TERHADAP PENGUASAAN BAHASA INGGERIS GOLONGAN REMAJA MILENIAL: SATU KAJIAN KUALITATIF

AINUL MARDHIYAH MAT YUSOFF & MOHD AZRIN MOHD NASIR

ABSTRAK

Pada masa kini, penggunaan teknologi media merupakan trend popular remaja milenial dalam kehidupan mereka yang meliputi cara berkomunikasi, mengembangkan minat dan mendapatkan maklumat. Dalam masa yang sama, penggunaan bahasa Inggeris juga menjadi pilihan remaja ini berkomunikasi bersama rakan-rakan kerana bahan-bahan dan kandungan media ini menggunakan medium bahasa Inggeris dalam penyampaian mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh teknologi media terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan remaja milenial. Kajian ini juga menggunakan kaedah kajian kualitatif di mana remaja yang dipilih adalah berdasarkan kriteria-kriteria tertentu untuk di temu bual iaitu haruslah berumur dalam lingkungan 15 hingga 25 tahun, boleh berkomunikasi bahasa Melayu atau Inggeris, mempunyai kemudahan akses kepada internet, mempunyai telefon pintar, serta mahu terlibat secara sukarela dalam sesi temuduga berkelompok. Remaja ini di temu bual menggunakan pendekatan kumpulan fokus di mana dibahagikan mengikut jantina masing-masing. Seramai 10 orang remaja (5 lelaki dan 5 perempuan) yang berumur 18 hingga 23 tahun telah terlibat dalam temu bual bersama pengkaji. Soalan protokol dibina untuk melihat sejauh mana teknologi media mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris oleh golongan milenial. Selain itu juga, kajian ingin melihat perbezaan jantina dalam penggunaan teknologi media dalam penguasaan bahasa Inggeris. Hasil temu bual di analisis menggunakan analisis kandungan untuk membentuk tema-tema penting. Berdasarkan hasil dapatan terdapat beberapa tema yang wujud iaitu (a) tiada penilaian daripada orang lain (non-judgement), (b) jaringan rakan-rakan atas talian di merata dunia, (c) akses internet mudah dan pantas, (d) kekerapan penggunaan, (e) sumber dan kandungan dalam bahasa Inggeris, dan (f) minat dan keseronokan. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan golongan lelaki cenderung untuk menggunakan teknologi media dalam memenuhi minat dan hobi, manakala remaja perempuan lebih menggunakan teknologi untuk tujuan aktiviti akademik dan penggunaan di sosial media. Kajian ini berpotensi memberi implikasi kepada sektor pendidikan negara iaitu dalam membina kesedaran tentang kepentingan penggunaan teknologi sebagai faktor penggalak kepada remaja untuk menguasai bahasa Inggeris dengan menggunakan medium yang sinonim dengan remaja. Pada masa hadapan, kajian ini boleh dikembangkan lagi dengan berfokus kepada keupayaan penggunaan teknologi media dalam membina kecerdasan bahasa (linguistic intelligence) dalam kalangan remaja, terutamanya kemahiran berbahasa Inggeris.

Kata Kunci: Bahasa Inggeris, Teknologi Media, Remaja, Milenial, Kualitatif

ABSTRACT

Nowadays, the use of media technology is a popular trend of millennial teenagers in their lives that includes how to communicate, develop interest and obtain information. At the same time, the use of English is also the choice of these teenagers to communicate with friends because these materials and media content use the English medium in their delivery. The purpose of this study is to investigate the influence of the English language usage in millennial youth. In this study, the researcher employed a qualitative approach which according to some criterion; youth in range of 15 to 25 years old, able to communicate either Bahasa or English, having smartphone and personal social media account, and are volunteer for the group interview. The youth were interviewed using a focus group methodology which assigned by gender. There were 10 teens (5 male and 5 female) within the age of 18 to 23 years old willing to be interviewed. A protocol question was designed to fit the purpose of the study to seek the effects of the media technology among youth and its relations to the use of English language. In addition to that, the study would like to see the differences between male and female on how they use the media technology in mastering the English language. For the data analysis, the study uses the content analysis to generate core themes from the data. There are several themes emerged from the analysis which (a) non-judgment from others, social networking around the world, (c) easy and instance

internet access, (d) the frequency of usage, (e) content and resources in English, and (f) interest and fun. Moreover, the findings shown that the male are tending to use media technology for fulfilling their hobby and interests, however the female are for the sake of the academic purposes and the use of social media. This study has the potential to have implications for the national education sector, namely in building awareness on the importance of using technology as a motivating factor for adolescents to master English by using a medium that is synonymous with youth. In the future, this study can be further developed by focusing on the ability to use media technology in building linguistic intelligence among adolescents, especially English language skills.

Keywords: *English Language, Media Techology, Youth, Millennial, Qualitative*

PENGENALAN

Perubahan kehidupan remaja kini adalah berbeza daripada zaman remaja dahulu. Kemajuan penggunaan komputer, telefon pintar dan jaringan internet memberi satu lanskap baru terhadap interaksi dan tingkah laku remaja. Perkembangan sains dan teknologi telah membantu manusia berkomunikasi dengan efektif dan lebih mudah walaupun jarak dan lokasi yang jauh. Golongan remaja menggunakan kemudahan ini setiap hari di dalam kehidupan mereka, malah ia menjadi satu desakan zaman kini. Jika kita lihat kini adalah zaman remaja milenial dimana golongan ini terdedah dengan aplikasi sosial dan jaringan kemudahan internet tanpa batas. Secara tidak langsung penggunaan teknologi media ini menjadi satu fenomena dan ia merupakan sebahagian daripada budaya dan trend kehidupan mereka. Dengan adanya penggunaan medium interaksi dan hiburan ini, ia banyak mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan remaja milenial. Sepertimana kita ketahui, bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantaraan kedua di Malaysia. Walaupun ia menjadi bahasa kedua, namun ia kerap digunakan di dalam media arus perdana. Bahasa ini juga digunakan dalam aktiviti akademik seperti penulisan dan pembentangan di kelas atau pengkuliahahan. Namun dengan wujudnya teknologi media, penguasaan bahasa Inggeris ini digunakan secara aktif dalam kehidupan seharian

Dalam menggunakan aplikasi online dan jaringan internet, ia sedikit sebanyak membantu remaja untuk membentuk pengetahuan dan kemahiran. Menurut kajian Vaidya, Pathak dan Vidya (2016), penggunaan aplikasi internet dan media secara maya membantu remaja untuk mendapatkan bahan-bahan terkini dengan mudah dan lebih pantas melalui *smartphone* sahaja. Oleh itu, ini sedikit sebanyak mempengaruhi penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris golongan remaja kini. Selain itu juga, penggunaan bahasa Inggeris ini dilihat amat meluas terutamanya bagi setiap rujukan dalam pembelajaran dan bahan media hiburan yang di muat naik di media sosial adalah dalam bahasa Inggeris. Ini dijangka sedikit sebanyak mempengaruhi daya pengetahuan dan kemampuan remaja kita dalam kemahiran menggunakan bahasa Inggeris dalam kehidupan harian.

Dengan arus perubahan moden ini, remaja milenial adalah dianggap lebih maju selangkah ke hadapan dan terpengaruh dengan trend semasa. Oleh kerana kumpulan ini dikelilingi dengan teknologi dan aplikasi dalam kehidupan kini, ia menjadikan mereka lebih celik dengan kepentingan penggunaan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian serta boleh memberi impak kepada kumpulan ini dari sudut penguasaan seharian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menyiasat sejauhmana pengaruh penggunaan teknologi media ini terhadap penguasaan bahasa Inggeris remaja zaman kini. Dapatan kajian ini dapat membantu para guru, pensyarah dan tenaga akademik di dalam bidang pengajian Bahasa Inggeris menggunakan kelebihan teknologi media ini untuk memperkayakan penggunaan di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Disamping itu juga, ibu bapa juga boleh memainkan peranan untuk mengawal penggunaan teknologi media supaya tujuannya hanya memberi manfaat kepada remaja.

OBJEKTIF

Kajian ini dijalankan untuk memahami pengaruh teknologi media terhadap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan remaja milenial. Selain itu juga, kajian ini juga membantu pemahaman tentang corak komunikasi bahasa Inggeris berdasarkan perbezaan jantina yang digunakan dalam kalangan remaja kini.

SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan definisi dan terminologi dalam kajian ini, remaja dianggap adalah satu peringkat individu yang cenderung untuk mencuba tingkah laku baharu dan berfikir dengan lebih berani. Menurut United Nations Organization (UN) 2013, remaja didefinisikan sebagai individu yang mempunyai lingkungan berumur antara 15 hingga 24 tahun. Manakala milenial adalah golongan yang lahir pada tahun 1981 hingga 1997, yang mana mereka kini di peringkat awal remaja (Joshi, Stubbe, Li & Hilty, 2018). Dalam teori perkembangan psikososial oleh Erik Erikson (Schultz & Shultz, 2004) menyatakan bahawa remaja akan mengalami peringkat krisis “identiti dan kekeliruan peranan”, di mana peringkat ini remaja cenderung membina dan mencari identiti. Sekiranya tidak berjaya, mereka akan merasa keliru dengan identiti mereka sendiri. Oleh itu, tidak dapat di nafikan bahawa gaya hidup dalam sosial media dan penggunaan bahasa Inggeris yang boleh menjadi identiti kepada remaja serta menjadi ikutan di dalam kelompok remaja. Daripada itu juga, individu remaja akan mendapat penerimaan sosial daripada rakan-rakan sekeliling kerana mereka mempunyai ciri-ciri, topik perbualan dan pemikiran yang sama dalam lingkungan sosial mereka (Buckingham, 2008). Dalam kontek kajian, remaja membudayakan penggunaan teknologi media dan menggunakan bahasa Inggeris untuk membina penerimaan sosial ini. Menurut kajian oleh Lantz- Andersson (2017) menunjukkan bahawa penggunaan media sosial dapat meningkatkan kecekapan sosio-pragmatik untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam kalangan remaja. Kecekapan sosio-pragmatik merujuk kepada amalan penggunaan bahasa yang betul dalam situasi sosial, budaya dan norma masyarakat (Ekwelibe, 2015).

Teknologi media adalah kepelbagaian aplikasi komunikasi internet seperti blogs, wikis, jaringan sosial atas talian (*online social networking*), dunia virtual dan segala jenis media sosial yang wujud (Friedman & Friedman, 2008). Dalam penulisan buku *Youth, Identity and New Digital* yang ditulis oleh David Buckingham (2008), teknologi ini memberi satu identiti baharu kepada remaja dan ia dalam satu daripada elemen proses model kepada pembentukan identiti remaja. Identiti ini secara langsung membentuk fenomena budaya dan cara hidup digital yang baharu. Secara tidak langsung, ini akan mewujudkan tingkah laku dan pemikiran yang baharu dari aspek komunikasi dengan orang sekeliling mereka. Komunikasi yang dimaksudkan ini juga boleh berdasarkan mesej bertulis, video dan gambar yang dimuat naik di dalam media elektronik. Pemahaman terhadap mesej dan imej yang disampaikan adalah penting dan perlu ditafsirkan secara berhati-hati oleh pengguna media. Ini kerana remaja lebih cenderung untuk hanya membentuk daya impresif terhadap orang lain terhadap sesuatu perkara.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Reinhardt (2019) terhadap sekumpulan pelajar remaja yang mengambil kursus bahasa asing. Kajian mendapati bahawa jaringan sosial dalam teknologi media adalah kaedah kreatif yang boleh membentuk kepelbagaian budaya, kesedaran sosial, dan identiti. Selain itu, ia dapat membantu kebolehan membaca dan menulis terutamanya dalam bahasa kedua atau bahasa asing. Ia juga merupakan kaedah popular dalam membantu remaja mengaplikasi *self-directed learning* bagi pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua. Pembelajaran remaja ini menjadi bertambah menarik apabila melibatkan penggunaan visual, audio dan emoji dalam komunikasi digital. Ini dapat meningkatkan penguasaan bahasa asing atau bahasa kedua yang sedang dipelajari.

Menurut Maharam Mamat (2016), penguasaan bahasa Inggeris dari aspek akademik adalah di tahap rendah, tetapi mereka tidak menghadapi masalah dari aspek mencari rujukan, melaksanakan arahan, dan mengendalikan peralatan dalam bahasa Inggeris yang melibatkan hiburan seperti menonton filem, permainan atas talian dan sebagainya. Kelemahan penguasaan boleh menjadi punca dan sebab kepada faktor majikan tidak mengambil bekerja dan boleh menyebabkan remaja akan menganggur di masa akan datang. Kenyataan ini disokong menerusi satu kajian oleh Ting dan rakan-rakan (2018) yang meneliti tentang pandangan majikan terhadap kepentingan bahasa Inggeris dalam kebolehpasaran para graduan di Malaysia. Menerusi dapatan kajian ini, majikan sememangnya cenderung untuk menawarkan pekerjaan kepada calon yang memiliki kebolehan berbahasa Inggeris dan boleh berkomunikasi dengan baik.

Bagaimanapun, penggunaan aktif teknologi media di kalangan remaja milenial dijangka dapat meningkatkan lagi tahap penguasaan mereka dalam bahasa Inggeris dan tidak akan mengalami masalah untuk mendapatkan pekerjaan kelak. Menurut Kee-Man Chuah (2013) mendapati bahawa penggunaan media seperti *Facebook*, *Twitter*, *YouTube*, dan *Wiki* dapat membantu pertuturan dan penulisan dalam bahasa Inggeris di Malaysia. Dapatan ini menunjukkan kesan positif terhadap penggunaan medium ini dalam membentuk satu tingkah laku pembelajaran yang baik dari aspek penguasaan bahasa.

Selain itu, kajian oleh Warschauer (2001) menjelaskan bahawa terdapat hubungan teknologi media di antara penguasaan bahasa dan kemampuan menulis serta membaca. Menurut beliau, teknologi media internet adalah satu medium yang bersifat demokratik dan ia bergantung kepada akses pengguna kepada sumber dan bahan-bahan tertentu, terutamanya untuk bahasa dan pendidikan. Proses penguasaan bahasa boleh berlaku dengan galakan efektif dalam setiap ruangan dan persekitaran untuk berkomunikasi dan berinteraksi. Bagaimanapun, penggunaan teknologi media dan penguasaan bahasa Inggeris perlu diteroka dengan lebih mendalam dan memahami apakah pengaruh penting yang wujud di dalam teknologi media ini dalam meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengenal pasti pengaruh teknologi media terhadap penguasaan bahasa Inggeris. Kajian kualitatif di reka bentuk untuk membantu penerokaan yang lebih dalam terhadap sesuatu fenomena dan membentuk kefahaman yang jitu (Corbin & Strauss, 2015). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan *Consensual Qualitative Research* (CQR) untuk melaksanakan temu bual bagi mencari maklumat. Menurut Hill, Thompson dan Williams (1997), data dan maklumat dikutip melalui tembual soalan terbuka. Dalam kajian ini juga, kaedah *purposive random sampling* digunakan, di mana dua kumpulan seramai lima orang dibentuk berdasarkan jantina, lelaki dan perempuan.

Dalam kajian ini, seramai 10 orang remaja yang berumur 15- 24 tahun iaitu terdiri daripada 5 orang lelaki dan 5 orang perempuan. Penyelidik memilih lingkungan umur 15-24 tahun mengikut definisi peringkat umur remaja yang di kemukakan oleh United Nations (UN). Semua responden adalah sukarela dan berasal daripada Zon Utara Malaysia. Dalam kajian ini, Zon Utara dipilih sebagai lokasi kajian kerana penyelidik berada di bahagian utara. Responden remaja juga dipilih oleh kerana kemudahan akses kepada internet dan remaja tersebut haruslah mempunyai telefon pintar dan mempunyai satu akaun sosial media seperti *facebook*, *instagram*, dan *twitter*.

Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi responden yang terlibat dengan proses temu bual kajian.

Jadual 1: Senarai Peserta Temu Bual Sebagai Responden Kajian

Responden	Umur	Pendidikan	Jantina
1. Adam	18	Sijil	Lelaki
2. Ben	18	Sijil	Lelaki
3. Cindy	20	Diploma	Perempuan
4. Diha	19	Diploma	Perempuan
5. Emran	21	Sijil	Lelaki
6. Fauzan	20	Sijil	Lelaki
7. Gina	19	Sarjana Muda	Perempuan

8. Helena	23	Sarjana Muda	Perempuan
9. Ina	23	Sarjana Muda	Perempuan
10. Jasman	22	Sarjana Muda	Lelaki

Nota. Nama responden bukan nama sebenar.

Dalam prosedur kajian, pengkaji mengenal pasti pelajar yang tinggal di kawasan bandar dan aktif menggunakan kemudahan internet untuk terlibat dengan sesi temu bual. Kriteria untuk menjadi responden adalah remaja yang berumur di antara 15- 24 tahun, mampu berkomunikasi dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, dan mempunyai telefon pintar dan akaun sosial media peribadi. Semasa sesi temu bual berkelompok di laksanakan, pengkaji memohon pelajar untuk mengisi borang persetujuan termaklum. Responden kajian juga diberitahu bahawa masa sesi temu bual adalah selama 30 minit dan responden mempunyai hak untuk tidak bersetuju atau tidak mahu meneruskan sesi temu bual. Sesi temu bual dijalankan dalam bahasa Melayu setelah mengikut persetujuan responden. Walaubagaimanapun, sedikit sebanyak ayat dan perkataan bahasa Inggeris digunakan dalam temu bual. Responden digalakkan untuk berkongsi pengalaman, idea dan pendapat berkenaan dengan penggunaan teknologi media dan penguasaan bahasa Inggeris.

Dalam kajian ini juga, data kajian akan dianalisis menggunakan pendekatan induktif di mana pengkaji mencari maklumat dalam hasil temu bual kumpulan fokus untuk membentuk tema-tema dapatan kajian. Dalam mengenalpasti tema, Corbin dan Strauss (2015) menyatakan beberapa perkara penting iaitu; (a) tema mempunyai perkaitan dan hubungan dengan semua kategori tema, (b) idea yang disampaikan adalah berulang-ulang kali dinyatakan, (c) idea yang dibina adalah logik dan konsisten dengan data dapatan, (d) idea dapat membantu kajian masa akan datang, dan (e) idea yang disampaikan mampu menjelaskan tajuk kajian. Di dalam pendekatan CQR, tema-tema yang dibentuk haruslah mempunyai nilai konsensus di kalangan penyelidik (Hill, Thompson, & Williams, 1997). Bagi kajian ini, penyelidik telah menyediakan transkrip temubual, mengeluarkan idea-idea responden melalui transkrip daripada transkrip dan mewujudkan tema-tema yang menjelaskan tajuk kajian. Tema-tema ini juga dibentuk telah mendapat persetujuan daripada penyelidik-penyelidik.

DAPATAN KAJIAN

Menerusi analisis yang di laksanakan, daripada hasil temu bual pengkaji mendapati terdapat beberapa tema yang wujud di dalam pengaruh penggunaan teknologi media terhadap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan remaja milenial. Di antara tema-tema yang wujud dalam penggunaan media ialah (a) tiada penilaian daripada orang lain, (b) jaringan rakan-rakan atas talian (online) di luar negara, (c) akses yang mudah dan pantas, (d) kekerapan penggunaan (menulis dan mendengar), (e) sumber dan kandungan dan (e) minat dan keseronokan. Setelah dianalisis, tema-tema yang wujud ini adalah di antara kandungan-kandungan yang seringkali diperkatakan di dalam sesi temu bual bersama remaja.

Tiada Penilaian (No Judgement)

Remaja merasakan mereka mempunyai kebebasan bersuara di teknologi media tanpa ada sebarang bentuk penilaian (judgement) daripada orang lain. Jika mereka menggunakan bahasa Inggeris dalam penulisan dan memuat naik mesej di media, tiada sesiapa yang peduli tentang kesilapan tatabahasa dan struktur ayat. Menurut responden, ini kerana penggunaan *slang* internet yang bersifat tidak formal. Namun begitu, remaja akan menyemak segala muat naik dan perkataan mereka sebelum di muat naik di media sosial.

Helena menyatakan bahawa beliau selesa menggunakan dalam bahasa Inggeris di ruangan *Facebook* dan *Twitter* oleh kerana ada peluang untuk dirinya menyemak perkataan sebelum di muat naik.

“Saya rasa selesa menggunakan bahasa Inggeris di Facebook, saya boleh tulis, check semula ayat dan kata-kata saya, setakat ini tiada apa-apa masalah. Ini yang mengalakkan saya menggunakan bahasa Inggeris, walaupun saya kerap menggunakan bahasa melayu.”

Selain itu juga, Cindy menyokong dengan menyatakan bahawa beliau juga rasa selesa dengan penggunaan bahasa Inggeris di media sosial

“Saya suka guna bahasa Inggeris di Twitter atau Instagram, tak ada orang judge kita..Setiap caption atau status saya memang saya gunakan bahasa Inggeris, saya rasa lebih yakin kerana boleh menulis dengan baik, dan kawan-kawan respond segala post-post saya di Insta..tiada sesiapa cakap apa-apa, jika berlaku kesalahan, saya boleh edit sahaja”

Jaringan rakan-rakan atas talian di luar negara

Selain itu, remaja juga mengakui bahawa mereka mempunyai ramai rakan-rakan di media sosial daripada luar negara. Mereka berkomunikasi dan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara

Gina menyatakan bahawa dia memiliki rakan Facebook daripada beberapa buah negara iaitu Thailand, Filipina dan Japan.

“ Saya mempunyai kenalan Facebook ramai dan ada yang daripada luar negara, biasa kami ada minat yang sama, macam saya suka anime yang sama miliki dan banyak koleksi , kami menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi dan bertukar-tukar bahan-bahan yang kami ada..mereka akan send link sekiranya ada perkara baru. Dan kami sembang-sembang selepas menonton.”

Ina menyatakan bahawa beliau minat mengikut rakan-rakan secara online,

“ Saya suka follow rakan-rakan Insta daripada luar negara, berkomunikasi dengan mereka sekiranya ada peluang, saya suka fesyen..banyak yang saya boleh tengok dan saya suka.. rasa macam boleh ikut cara mereka berpakaian dan minat mereka..”

Akses Internet Mudah dan Pantas

Pengaksesan aplikasi yang mudah menggunakan telefon pintar dan aplikasi online adalah amat sesuai dengan *trend* golongan remaja kini. Data dan maklumat hanya boleh di dapati melalui hujung jari sahaja.

Diha memberitahu bahawa penguasaan bahasa Inggerisnya adalah menggunakan aplikasi google di mana beliau hanya menggunakan *google search engine* untuk menyemak perkataan dan perbendaharaan kata (vocabulary).

“Saya memang selalu google words yang saya tak tahu.. Mudah dan cepat..boleh bantu saya untuk faham ayat-ayat yang saya baca atau dengar..memang bantu saya juga dalam kelas, banyak gak bahan-bahan rujukan dalam bahasa Inggeris perlu google untuk lebih paham.”

Ben menambah dalam temu bual bahawa aplikasi ini percuma dan mudah digunakan.

“ Saya rasa internet dan teknologi ini mudah dan pantas, lagi pun saya masih belajar..banyak aplikasi online free, kami tidak perlu bayar apa-apa pun..”

Kekerapan Penggunaan (Menulis dan Mendengar)

Satu tema yang penting dalam temu bual bersama remaja adalah dari aspek kekerapan penggunaan bahasa Inggeris dalam menulis dan mendengar. Menurut remaja, tingkah laku menulis dan mendengar adalah satu aspek dalam teknologi media.

Menurut Fauzan apabila pengkaji bertanya tentang kekerapan penggunaan

“ Saya selalu mendengar music dan lagu daripada negara Orang Putih, kita boleh ikut mereka nyanyi. Biasa ada lirik dalam video mereka..lagi satu adalah movie yang saya tonton di Youtube dan Netflix.. dan filem anime juga dalam bahasa Inggeris..memang saya tengok hari-hari jika ada waktu lapang”

Dalam pada itu, Adam menambah di dalam sesi temu bual bahawa permainan atas talian (*online games*) mengajar beliau banyak perbendaharaan kata dalam bahasa Inggeris, terutamanya dalam bentuk arahan:

“ kalau kita tengok, online gaming macam PUBG , sport gaming ini banyak menggunakan bahasa Inggeris dalam permainan itu, banyak saya belajar daripada arahan permainan, satu lagi yang saya rasa membantu ialah penggunaan Waze yang memberi direction dalam bahasa Inggeris..Boleh belajar how to give direction for us”

Sumber Kandungan

Selain itu juga, responden menyatakan sumber dan kandungan dalam bahasa Inggeris menyebabkan mereka aktif dan terpaksa menggunakan bahasa itu.

“ banyak video-video dalam YouTube guna bahasa Inggeris, banyak influencer local atau oversea memang guna bahasa Inggeris dalam penyampaian, content penyampaian nampak menarik dalam Inggeris,

Menurut Adam menyatakan bahawa:

“ Movie macam anime dan barat memang guna bahasa Inggeris, yang ini dapat bantu kami faham lebih banyak lagi cara bercakap dan gaya bahasa yang digunakan.”

Selain itu juga, Emran memberitahu penyelidik bahawa;

“Bahan bacaan dalam bahasa Inggeris, komik digital dan YouTube kadang-kadang tiada subtitle dalam bahasa melayu, kami kena faham Inggeris untuk terus minat dalam tengok cerita macam ini.”

Minat dan Keseronokan

Dalam pada itu, minat dan keseronokan dalam teknologi media dapat menggalakkan bahasa Inggeris secara tidak langsung.

Menurut Diha menyatakan bahawa;

“ Saya minat bahasa Inggeris, dan menggunakan bahasa ini di media sosial dan bersama rakan-rakan, ini sedikit sebanyak membantu menguasai bahasa ini dengan lebih baik, saya harap ramai yang boleh guna media yang wujud sekarang ini untuk improve guna bahasa ini.”

Selain itu, Jasman menceritakan bahawa;

“ Walaupun saya guna dalam situasi tertentu saja, bahasa ini memang menyeronokkan, rasa bangga dapat guna dengan kawan-kawan, dalam kelas pun selalu saja guna English, lebih menarik dan selesa.”

Di dalam dapatan kajian ini juga, pengkaji mendapati bahawa golongan remaja lelaki lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris dalam situasi yang melibatkan hobi dan minat iaitu seperti melayari media sosial, permainan atas talian (*e-sport*) dan menonton *YouTube*. Manakala, golongan remaja perempuan adalah cenderung kepada tujuan berkomunikasi dan pembelajaran iaitu pertambahan perbendaharaan kata dan muat naik status dan gambar di media sosial. Kedua-dua golongan ini

bersetuju bahawa di dalam teknologi media mereka lebih bebas mengutarakan pandangan, pendapat dan pemikiran tanpa dinilai oleh orang lain. Penggunaan ini menjadikan remaja perempuan boleh menulis (*writing*) dengan baik, manakala lelaki lebih baik dari aspek mendengar (*listening*).

PERBINCANGAN

Berdasarkan temu bual kumpulan fokus (*focus group*) bersama responden mengikut jantina, ia memudahkan pengkaji mengenalpasti minat dan kecenderungan penggunaan teknologi media mengikut perbezaan jantina. Ini memberi maklumat penting bahawa penguasaan bahasa Inggeris boleh ditingkatkan melalui permainan untuk menarik golongan remaja lelaki, manakala remaja perempuan boleh ditingkatkan dengan aktiviti akademik seperti penulisan dan pembacaan. Melalui tema-tema yang terbentuk daripada analisis data, didapati bahawa remaja merasa ada ruang kebebasan untuk mengekspresi apa yang mereka fikirkan tanpa merasa kongkongan dan penilaian daripada orang lain (Zemmels, 2015). Remaja mengakui bahawa mereka boleh menyemak semula perkara yang telah ditulis atau dimuat naik di media elektronik. Melalui kebebasan ini, remaja lebih berani mengeluarkan pendapat dan pandangan dalam bahasa Inggeris. Ini yang boleh meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan remaja.

Selain itu juga, jaringan rakan-rakan atas talian merupakan faktor yang boleh meningkatkan faktor penguasaan bahasa Inggeris. Dengan tema dunia tanpa sempadan, remaja boleh meluaskan jaringan rakan luar negara. Ini boleh menggalakkan interaksi menggunakan bahasa Inggeris terutamanya berkomunikasi dengan *native speakers*. Galakan ini dapat meningkatkan penggunaan tatabahasa dan struktur ayat yang betul dalam berkomunikasi (Gibreel, 2018). Ini secara langsung dapat meningkatkan keyakinan diri remaja dalam menggunakan bahasa Inggeris.

Memang tidak dapat dinafikan juga, kemudahan internet jalur lebar dapat memudahkan penggunaan di mana-mana sahaja terutamanya dalam tujuan pendidikan. Kemudahan ini diharap dapat diperluaskan dalam pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan seperti *google scholar*, *wikipedia* dan aplikasi kamus digital harus digalakkan dalam aktiviti pembelajaran di dalam kelas. Tingkah laku penggunaan di dalam kelas ini diharap dapat mendidik remaja untuk menggunakan dalam kehidupan harian. Ini akan mendorong budaya keserjanaan dalam kalangan pelajar walaupun tidak berada dalam persekitaran kelas. Selain itu juga, penggunaan teknologi media ini juga boleh di dorong kepada pembacaan artikel ilmiah, majalah digital dan berita-berita atas talian dalam bahasa Inggeris. Walaupun menggunakan bahasa Inggeris, budaya intelek ini juga dapat meningkatkan pemikiran kritis, cakna terhadap suasana semasa dan kemampuan berhujah dengan fakta. Menurut Mofareh A (2019), pembelajaran di dalam kelas dapat dipertingkatkan lagi dengan penggunaan Internet dan media serta ia dalam meningkatkan penglibatan pelajar-pelajar. Dalam pembelajaran melibatkan media ini juga, ia boleh mencipta minat dan meningkatkan prestasi pembelajaran. Pengajar dan guru menjadikan teknologi media di dalam kelas sebagai satu kaedah kreatif dalam penyampaian mereka. Ini adalah di lihat amat baik kerana di samping pelajar atau remaja menggunakan teknologi media dalam kehidupan harian mereka, ia juga dapat menguasai bahasa Inggeris.

Dalam satu kajian Samad dan Balouchi (2020) menunjukkan bahawa penggunaan bahasa boleh dikuasai dengan minat yang mendalam dan budaya mempraktikkan sesuatu bahasa. Oleh itu, penggunaan teknologi media dapat menjadi alat dalam menguasai bahasa Inggeris. Dalam mempergiatkan usaha ini, satu kajian oleh Salija dan Kadir (2018) telah mewujudkan '*peer group*' iaitu satu kumpulan yang membenarkan mereka untuk mempraktikkan bahasa asing di dalam kehidupan seharian mereka serta mengelakkan kebimbangan berbahasa (*language anxiety*). Kaedah ini dilihat berjaya, di mana kumpulan responden dapat menguasai kosa kata dengan cepat dan mudah. Ini dipercayai kerana faktor sokongan kumpulan dan mereka bekerjasama dalam menggunakan bahasa itu dengan lebih kerap dan efektif. Bagi penggunaan teknologi media ini juga, rakan-rakan atau kumpulan remaja ini akan sama-sama mewujudkan persekitaran santai dalam pembelajaran bahasa asing seperti bahasa Inggeris iaitu dengan menggunakan teknologi media ini yang bersifat mesra pengguna, mudah dicapai dan boleh digunakan pada bila-bila masa sahaja. Ini dilihat dapat memberi keyakinan kepada

golongan remaja yang lemah penguasaan mereka dalam berbahasa untuk sama-sama mendapatkan bantuan rakan-rakan yang lain.

Sehubungan dengan itu juga, kekerapan penggunaan bahasa Inggeris juga menjadi pengaruh penting dalam meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris. Penyelidik mendapati faktor kesedaran tentang penggunaan dan tekanan perlunya kemahiran bahasa Inggeris menggalakkan golongan milenial ini menguasai bahasa Inggeris. Dalam arus kemodenan ini, kebanyakan bahan dan sumber juga wujud dalam bahasa Inggeris untuk kekal berdaya saing dalam mendapat peluang pekerjaan yang baik pada masa akan datang. Menurut Shin dan Son (2007), bahan dan sumber ini juga turut di kenal pasti menjadi punca pelajar berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dalam berbahasa Inggeris. Contohnya, filem dan lagu Barat yang berbahasa Inggeris yang popular menjadi minat remaja membolehkan mereka berusaha untuk memahami maksud dan kandungan filem dan lirik nyanyian Inggeris. Selain itu juga, ramai *YouTube influencers* menggunakan bahasa Inggeris dalam penyampaian mereka unik dan kreatif dapat menarik minat remaja untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Remaja juga cuba untuk meniru gaya percakapan dan dialek dalam bahasa Inggeris. Ini boleh meningkatkan daya sebutan sesuatu perkataan dan ayat dengan baik. Selain itu juga terdapat juga terminologi berkenaan dengan kecerdasan bahasa (*linguistic intelligence*) yang melibatkan kebolehan manusia mengingat perkataan dan menggunakan bahasa dengan baik. Kajian berfokus kepada jenis kecerdasan ini boleh menjadi potensi kajian pada masa akan datang tentang faktor pengaruh teknologi dalam meningkatkan kecerdasan bahasa di kalangan remaja, terutamanya dalam bahasa Inggeris dalam aspek membaca, mendengar dan menulis.

Sehubungan itu, tema-tema yang wujud dalam dapatan kajian ini mempunyai hubungkait diantara satu sama lain di mana pengaruh kekerapan penggunaan, kemudahan akses internet dan jaringan rakan-rakan di luar negara menyebabkan timbul rasa minat dan seronok dengan penggunaan Bahasa Inggeris. Selain itu, semua kandungan media ini dalam bahasa Inggeris menjadi punca remaja cenderung untuk memenuhi minat dan keperluan hiburan remaja zaman kini. Walaupun di dalam artikel ini membincangkan kelebihan dan kebaikan teknologi media, namun terdapat juga salah guna penggunaan alat ini yang mungkin memberi risiko kepada keterlibatan remaja dalam salah laku di dunia siber seperti tingkah laku buli siber, pornografi, *trolls*, mengaibkan orang lain, memfitnah, dan mendedahkan maklumat palsu (Guan & Subrahmanyam, 2009). Lebih merisaukan lagi di mana remaja terlibat dengan aktiviti jenayah siber seperti tingkah laku perjudi, aktiviti seksual atas talian, penipuan duit secara online, dan tingkah laku negatif yang lain (Saidatulakmal et al., 2016) Ini merupakan isu yang perlu diberi perhatian serius dalam memberi galakan kepada penggunaan teknologi media. Oleh itu, kesedaran remaja milenial perlu diwujudkan, dan masyarakat harus memberi didikan dalam memantau golongan ini dalam aspek penggunaan. Jika kita berjaya membentuk sikap yang baik dan menjadi model tingkah laku yang baik, ia boleh mendatangkan banyak faedah penggunaan teknologi media, terutamanya dalam menguasai bahasa Inggeris untuk kemajuan masa hadapan.

KESIMPULAN

Kesimpulan yang boleh di buat berdasarkan kajian ini ialah penggunaan teknologi media boleh mempengaruhi penguasaan bahasa Inggeris golongan remaja. Remaja dapat menggunakan perkataan dalam bahasa Inggeris tanpa rasa bimbang tentang kesalahan bahasa kerana mereka boleh merujuk kepada sumber Internet dan bebas tanpa ada penilaian. Selain itu juga, kebaikan penggunaan media dalam penguasaan bahasa Inggeris ialah menggalakkan remaja berkomunikasi dengan rakan-rakan dalam media sosial yang mana bahasa Inggeris adalah bahasa pertama (*native speaker*). Secara tidak langsung, ini boleh meningkatkan lagi kebolehan dan keyakinan remaja berkomunikasi dan menulis dalam bahasa Inggeris. Jika remaja mempunyai pendedahan seperti ini, remaja akan lebih cekap menggunakannya terutamanya dalam penggunaan harian dan pembelajaran dalam kelas. Ini adalah langkah yang aktif mengikut trend semasa kerana remaja boleh berinteraksi secara langsung dengan sumber media dan individu yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di mana-mana sahaja dan pada bil-bila masa sahaja. Oleh itu, kaedah ini dilihat lebih praktikal berbanding dengan kaedah tradisional yang menekankan aspek penguasaan mendengar, membaca dan menulis.

Keupayaan menggunakan bahasa Inggeris dalam komunikasi adalah penting dalam memastikan golongan ini dapat bersaing dalam alam pekerjaan kelak.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada responden yang sudi ditemu bual bagi tujuan kajian. Selain itu, terima kasih juga kepada rakan-rakan sekerja pengkaji di Universiti Utara Malaysia dan Kolej Komuniti Arau dalam membantu mencari responden yang berkaitan dengan tujuan kajian.

RUJUKAN

- Buckingham, D. (2008). *Youth, Identity, and Digital Media*. Cambridge, MA: The MIT Press.
- Corbin, J. & Strauss, A. (2015). *Basics of Qualitative Research: techniques and procedures for developing grounded theory (4th Edition)*. Los Angeles: SAGE Publication.
- Ekwelibe, R. (2015). Sociopragmatic competence in English as a second language (ESL). *Humanity & Social Sciences Journal*, 10(2), 87-99. doi: 10.5829/idosi.hssj.2015.10.2.1158.
- Friedman, L.W. & Friedman, H.H. (2008). The new media technologies: overview and research framework. *SSRN Electronic Journal*. 1-28. doi:10.2139/ssm.1116771.
- Gibreel, M.O. (2018). The impact of employing native speakers for teaching English as a second language, *Refereed Quarterly Scientific Journal*, 24, June 2018, 1-18.
- Guan, S.S., & Subrahmanyam, K. (2009). Youth internet use: risks and opportunities. *Current Opinion in Psychiatry*. 22 (4), 351-356. doi:10.1097/YCO.0b013e32832bd7e0.
- Hill, C.E., Thompson, B.J., & Williams, E.N. (1997). A guide to conducting consensual qualitative research. *The Counseling Psychology*, 25 (4), 517-572. doi: 10.1177/0011000097254001
- Joshi, S.V., Stubbe, D., Li, S.T., Hilty, D.M. (2018). The Use of Technology by Youth: Implication for Psychiatry Educator. *Academic Psychiatry*. 43,101-109. doi.org/10.1007/s40596-018-1013-4.
- Kee-Man Chuah (2013). Aplikasi media sosial dalam pembelajaran bahasa Inggeris: persepsi pelajar universiti. *Issues in Language Studies*, 2 (1), 56-63.
- Lantz- Andersson , A. (2017). Language play in a second language: social media as contexts for emerging Sociopragmatic competence. *Education and Information Technologies*, 23, 705-724. doi:10.1007/s10639-017-9631-0
- Maharam Mamat (2016). Penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar tahun satu di UKM. *Issues in Language Studies*, 5 (2), 28-42.
- Moofareh A, A. (2019). The use of technology in English Language teaching. *Frontiers in Education Technology*, 2(3), 168-180. doi: 10.22158/fet.v2n3p168.
- Reinhardt, J. (2019). Social media in second and foreign language teaching and learning: blog, wikis, and social networking. *Langauge Tech*, 52(1), 1-39. doi:10.1017/S0261444818000356
- Schultz, D. P., & Schultz, S. E. (2004). *Theories of personality (5th ed.)*. Thomson Brooks/Cole Publishing Co.

- Shin, Hee-Jae and Son, Jeong-Bae . (2007). EFL teachers' perceptions and perspectives on internet-assisted language teaching. *Computer-Assisted Language Learning Electronic Journal (CALL-EJ)*, 8 (2), 1-13.
- Saidatulakmal, M., Abdelhak, S., Siti Rohaya, , M.R., Thurai, M.N., Chin-Yu, L., & Mahmud A.W. (2016). Cybercrime among Malaysian youth. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 15, 17-51.
- Salija, K. Atmowardoyo, H & Kadir, H. (2018). The influence of peer groups on students anxiety in EFL learning, *EFT Worldwide*, 5(1), 77-86. doi:10.26858/eltww.v5i1.5771.
- Samad, A.A., & Balouchi, S. (2020). No more excuses, learn English for free: factors affecting L2 learners intention to use online technology for informal English learning. *Education and Information Technologies*, 26, 1111-1132.
- Ting, S.H., Marzuki, E., Chuah, K.M., Misieng, J., & Jerome, C. (2017). Employers' views on the importance of English proficiency and communication skills for employability in Malaysia. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*. 7(2), 315-327.
- Vaidya, A., Pathak, V., & Vaidya, A. (2016). Mobile phone usage among youth. *International Journal of Applied Research and Studies*, 5(3), 1-16. doi:10.20908/ijars.v5i3.9483.
- Warschauer, M. (2001). Millennials and media: language, literacy, and technology in the 21st century. *AILA Review* 14, 49-59.
- Zemmels, D. (2015). Youth and new media. *Communication Research Trends*. 31(4), 1-22.

Profil Penulis:

Ainul Mardhiyah Mat Yusoff

Pensyarah Bahasa Inggeris

Unit Pengajian Am

Kolej Komuniti Arau (Kementerian Pengajian Tinggi)

Tambun Tulang Arau, Perlis

aindhiyah@gmail.com

Mohd Azrin Mohd Nasir, PhD

Pensyarah Kanan

Program Kaunseling & Psikologi

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar & Kerja Sosial

College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia

mohdazrin@uum.edu.my

PERKAITAN MEDIA MASSA DENGAN AKHLAK PELAJAR, KAJIAN KES: UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

FARAH HUSNA ANWAR, MOHAMMAD MUJAHEED HASSAN, WAN NUR NAZIHAN WAN HAMZAH, SAMIR MUHAZZAB AMIN, AZLINA MOHD KHIR

ABSTRAK

Media massa mempunyai peranan yang sangat penting dalam era globalisasi kini. Perkembangan teknologi informasi dan komunikasi seperti media massa, menyebabkan terjadi perubahan teknologi maklumat secara cepat di mana-mana. Media massa sedikit demi sedikit membawa masyarakat ke suatu pola budaya baharu dan mulai mempengaruhi pola pemikiran serta budaya perilaku masyarakat. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji perkaitan media massa dengan akhlak pelajar Universiti Putra Malaysia. Terdapat 379 pelajar yang terlibat dalam kajian ini di mana mereka dipilih melalui persampelan rawak mudah. Data dikumpul dengan menggunakan set borang soal selidik yang telah diubahsuai daripada Abdul Halim Tamuri (2005). Data soal selidik dianalisis secara deskriptif dan inferensi iaitu Korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara jumlah kandungan media massa dengan akhlak pelajar daripada aspek berpakaian ($r = 0.054$), pergaulan ($r = 0.091$) dan komunikasi ($r = 0.082$). Namun begitu, hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan bagi aspek hiburan ($r = 0.227$). Kajian ini menyimpulkan, tiada perkaitan di antara media massa dengan akhlak pelajar. Namun begitu masih terdapat beberapa item negatif di dalam soal selidik menjadi pilihan responden. Justeru, pemantaun perlu dilakukan terhadap pelajar-pelajar ini bagi memastikan mereka tidak terpengaruh dengan kandungan media massa yang berunsur negatif. Adalah disarankan kajian masa depan untuk mengambil kira faktor-faktor yang lain dan diperluaskan di lebih banyak Institut Pengajian Tinggi di Malaysia dengan saiz sampel yang besar untuk meningkatkan generalisasi dan menghasilkan data yang lebih dipercayai.

Kata Kunci: media massa, akhlak pelajar

ABSTRACT

Nowadays the mass media plays a very important role in our daily lives. The development of information and communication technologies such as mass media, has led to rapid changes of information technology in everywhere. This changes gradually led to a new culture and began to determine the thinking and cultural patterns of society. The purpose of this research is to study the relationship of mass media with the ethics of University Putra Malaysia students. There were 379 students involved in this study where they were selected through by random sampling. The data were analyse descriptive and inferential by using Pearson Correlation. The results showed that there were no significant relationship between the mass media content and the students' morality in the aspect of dressing ($r = 0.054$), interaction ($r = 0.091$), and communication ($r = 0.082$). However, the results also showm that there was a significant relation in the aspect of entertainment ($r = 0.203$) This study concludes that the media did not influence the morality of UPM students, but there were still some negative items in the questionnaire being the choice of respondents. but there were still some negative items in the questionnaire being the choice of respondents. Hence, monitoring should be done to these students to ensure that they are not affected by negative media content. It is advisable for future studies to take into account other factors and to be expanded at larger Institutes of Higher Learning in Malaysia with large sample sizes to improve generalization and to obtain more reliable data.

Keywords: mass media, student's morality

PENGENALAN

Media secara umumnya boleh ditakrifkan sebagai segala jenis bentuk ataupun saluran yang digunakan untuk menyampaikan segala informasi dan pesanan. Di samping itu, media berasal daripada perkataan latin yang bermaksud medium. Erti kata lain, media bermaksud perantara dan pengantar iaitu perantara sumber pesanan dan penerima pesanan. Selain itu, media adalah alat atau medium yang digunakan untuk menyampaikan pesanan daripada seorang individu kepada individu yang lain. Dalam konteks kajian ini, media massa merupakan pembolehubah yang ingin dikaji. Oleh itu, media massa boleh di definisikan sebagai sebuah teknologi dalam bidang informasi dan komunikasi. Media massa merupakan saluran yang digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Menurut Sohana Abdul Hamid (2016), media massa terbahagi kepada dua iaitu media elektronik dan media cetak. Media elektronik merangkumi televisyen, radio dan Internet manakala media cetak adalah seperti akhbar, majalah dan buku.

Media massa boleh mempengaruhi gaya hidup pelajar terutamanya dalam penampilan akhlak pelajar sama ada positif mahupun negatif (Abdul Munir, 2016). Hal ini kerana masyarakat kini terlalu bergantung kepada media massa untuk mendapatkan maklumat penting bagi memudahkan kehidupan harian mereka. Namun begitu, kesan-kesan negatif ini wujud sekiranya media massa gagal dimanfaatkan dengan baik. Antara golongan yang mudah terpengaruh dengan kesan negatif media massa ini adalah golongan remaja, khususnya para pelajar. Media massa sewajarnya berperanan memaparkan bahan dan rancangan yang menerapkan nilai-nilai murni. Kandungan bahan dan rancangan yang berbentuk kekerasan, keganasan, pergaulan bebas, seks serta yang berbentuk hiburan semata-mata banyak dipaparkan di media massa boleh mempengaruhi penampilan akhlak remaja (Wan Hamat et. al 2013). Hal ini boleh menyebabkan berlakunya peningkatan dalam permasalahan sosial dalam kalangan pelajar. Media massa ini juga dianggap mempunyai potensi yang tinggi dalam mempengaruhi sikap dan tingkah laku pelajar yang mudah terpengaruh dan dipengaruhi. Justeru itu, kajian ini penting bagi mengenalpasti jenis kandungan media massa yang boleh mempengaruhi akhlak seseorang pelajar.


PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah jenis kandungan media massa yang paling diminati oleh pelajar UPM?;
2. Adakah jenis kandungan media massa boleh mempengaruhi akhlak pelajar dari aspek berpakaian, pergaulan, hiburan dan komunikasi?;
3. Adakah terdapat hubungan di antara jumlah jenis kandungan media massa yang diminati dengan akhlak pelajar dari aspek berpakaian, pergaulan, hiburan dan komunikasi? .

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menentukan jenis kandungan media massa yang paling diminati oleh pelajar di UPM;
2. Menenalpasti pengaruh jenis kandungan media massa terhadap akhlak pelajar dari aspek berpakaian, pergaulan, hiburan dan komunikasi;
3. Menenalpasti hubungan antara jenis kandungan media massa dengan akhlak pelajar dari aspek berpakaian, pergaulan, hiburan dan komunikasi.

KERANGKA KONSEPTUAL



Rajah 1: Rajah diatas merupakan kerangka konseptual yang menunjukkan pembolehkan tidak bersandar (jenis kandungan media massa yang diminati) mempengaruhi pembolehkan bersandar (akhlaq pelajar).

Terdapat perbezaan antara aspek pergaulan dan komunikasi. Aspek pergaulan adalah merujuk kepada cara pergaulan pelajar tersebut seperti keterbukaan kepada pergaulan bebas atau tidak. Contoh item bagi item pergaulan adalah seperti “Saya tidak bersetuju dengan pergaulan tanpa batasan antara lelaki dan perempuan yang disiarkan di televisyen”, “Saya suka meniru aksi-aksi romantic yang dipaparkan di media massa”, “Saya berpandangan pergaulan antara lelaki dan perempuan di televisyen boleh mempengaruhi cara pergaulan saya dan rakan rakan”, “Saya berfikir terbuka tentang pergaulan bebas” dan “Saya berpendapat bahawa setiap individu perlu menjaga batas pergaulan”.

Bagi aspek komunikasi pula merujuk kepada cara komunikasi pelajar dari segi penggunaan bahasa, samada sopan atau tidak. Selain itu, komunikasi merujuk kepada cara penggunaan media sosial oleh pelajar samada ianya digunakan secara positif ataupun tidak. Antara item bagi aspek komunikasi adalah “Meluahkan masalah dalam media (*facebook, twitter*) sebagai satu cara untuk menyatakan perasaan”, “Suka berkongsi pandangan terhadap isu-isu dalam media massa”, “Saya bercakap dengan sopan apabila sedang berbual”, “Saya sering menggunakan perkataan yang tidak elok dalam komunikasi” dan “Saya mudah terpengaruh menggunakan perkataan tidak elok yang dipaparkan di media massa”.

SOROTAN LITERATUR

Jenis Kandungan Media Massa yang diminati

Media merupakan salah satu alat bagi aktiviti komunikasi. Setiap individu memerlukan media sebagai perantara untuk berkomunikasi dan mendapatkan maklumat. Kini dengan perkembangan teknologi komunikasi maklumat yang pesat telah menyebabkan pengguna Internet mula berkomunikasi melalui atas talian iaitu komunikasi siber.

Di samping itu, media eletronik seperti televisyen sebenarnya dikatakan turut menyampaikan mesej yang mempunyai unsur negatif. Zaleha Yaacob (2010) telah menyatakan bahawa secara tersirat penonton akan mendapat kesan terhadap kognitif, afektif dan tingkahlaku yang berbeza jika menonton secara tidak berterusan. Menurut Wakefield dan Rose (2008), komunikasi siber memberi peluang kepada pengguna Internet melibatkan diri dalam proses pembelajaran, pekerjaan, mendapatkan maklumat dan data, serta berkongsi pandangan menerusi media sosial. Selain itu, antara salah satu penyebab berlakunya keruntuhan akhlak pelajar adalah disebabkan pengaruh hiburan yang ke arah keseronokan menjadi pilihan utama masyarakat berbanding slot agama dan wacana ilmu yang boleh menambahkan ilmu pengetahuan (Mohd Ali Iksan, 2010). Seterusnya, berdasarkan dapatan kajian beliau juga menunjukkan bahan media massa berbentuk hiburan adalah bahan yang paling diminati oleh pelajar di mana juga dikategorikan sebagai remaja.

Implikasi Media Massa Terhadap Akhlak Pelajar dari Aspek Berpakaian, Pergaulan, Hiburan dan Komunikasi.

Penyalahgunaan media massa semakin berleluasa terutamanya dalam kalangan para pelajar. Menurut Ab. Halim et al. (2005), masalah keruntuhan akhlak pelajar berada pada tahap krisis. Ini disebabkan oleh pembentukan watak remaja banyak dipengaruhi oleh media massa. Justeru itu, kesilapan dalam memilih bentuk hiburan boleh merosakkan akhlak pelajar. Antara aspek akhlak pelajar yang dilihat adalah dari aspek pergaulan, pemakaian, hiburan dan komunikasi. Pergaulan yang terlalu bebas, pemakaian yang kurang sopan, hiburan yang tidak bersesuaian dengan pelajar serta cara komunikasi yang digunakan boleh mempengaruhi akhlak seseorang pelajar.

Program-program keganasan dalam media yang menggunakan pelbagai daya tarikan untuk menarik perhatian pelajar-pelajar agresif menontonnya tidak boleh dipandang ringan. Kesan menonton pelbagai program yang ganas dalam media telah mewujudkan masalah meningkatnya kecenderungan melakukan tindakan kekerasan dan perilaku negatif lainnya dalam kalangan remaja (Baron dan Bryne, 1991). Pengaruh personaliti di media massa dapat dilihat melalui visual dan penulisan. Romlah Ramli (2016) menyatakan bahawa bahan dan rancangan yang dipaparkan di media sosial adakalanya diluar batasan adab pergaulan dan aurat di dalam Islam khususnya. Pemaparan aksi yang keterlaluan telah menjadi perkara biasa kepada individu berkenaan tanpa ada rasa malu. Menurut Wan Hamat et al (2013), kesan daripada rancangan media massa menyebabkan perubahan penampilan akhlak yang dapat dilihat dalam tiga aspek iaitu cara pemakaian, cara pergaulan, berhibur dan berkomunikasi.

Perkaitan Media Massa dengan Akhlak Pelajar

Pada era globalisasi yang pesat dengan teknologi ini, media massa merupakan salah satu teknologi yang amat penting dalam menyebarkan serta menyampaikan maklumat dari semasa ke semasa. Boleh dikatakan setiap individu tidak terlepas dengan penggunaan media massa ini seperti penggunaan televisyen, radio, internet, surat khabar dan sebagainya. Media massa juga tidak kurang pentingnya kepada pelajar dalam memberi maklumat berkaitan pendidikan. Namun begitu, penyalahgunaan media massa juga boleh menyebabkan kesan negatif kepada pelajar terutamanya terhadap akhlak pelajar itu sendiri.

Perkara tersebut disokong oleh Samsudin (1998) yang menjelaskan bahawa untuk memahami pengaruh media dalam pembentukan identiti budaya remaja, program media perlu dilihat bukan sahaja sebagai satu komoditi komersial tetapi juga sebagai satu komoditi budaya. Berfungsi sebagai komoditi budaya, bererti lebih luas lagi peranan yang dimainkan dan impaknya terhadap remaja khususnya pelajar juga semakin kuat. Semakin kuat impaknya terhadap pelajar, maka jelaslah pelajar itu sendiri perlu lebih bijak dan waspada dalam memastikan impak buruk itu tidak terus merosakkan hidup yang sekali ini. Menurutny lagi, ketika ini media memiliki potensi besar dalam mengubah sikap dan perilaku masyarakat terutama pelajar yang relatifnya masih mudah terpengaruh dan dipengaruhi.

Selain itu, Ismail (1999) berkata isu agama dan budaya menjadi penting kerana sejak kebelakangan ini terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa berlakunya hakisan terhadap nilai-nilai budaya agama dan budaya positif orang Melayu. Akibatnya, terserlahlah kekaburan persepsi masyarakat terhadap nilai agama dan budaya yang selama ini telah berjaya membentuk pandangan dan tindakan serta cara hidup yang baik dan membangun. Cara hidup orang Melayu pada asalnya adalah berteraskan sifat budiman, penyayang, lemah-lembut dalam pertuturan dan hubungan dengan orang lain, tidak tamak dan gelojoh. Namun, apa yang berlaku hari ini adalah ahli masyarakat amnya dan kumpulan remaja khususnya dilihat semakin terbuka dalam segala aspek kehidupan yang tidak lagi mencerminkan nilai tradisi Melayu. Antara yang ketara ialah perbincangan tajuk-tajuk tabu secara terbuka sesama ahli kumpulan. Misalnya perbincangan berkaitan seks dan peranan ahli keluarga yang berbeza jantina. Ini sekaligus menunjukkan bahawa sifat malu turut mula terhakis dalam kalangan kumpulan remaja Melayu hari ini. Namun, jika perbincangan adalah untuk tujuan akademik ia boleh diterima, tetapi tidak bagi perbincangan terbuka yang tidak mempunyai tujuan berfaedah melainkan untuk keseronokan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana analisisnya lebih memfokuskan kepada data-data numerikal (angka) yang diperolehi dengan menggunakan kaedah statistik. Reka bentuk kajian yang telah dijalankan adalah berbentuk kajian tinjauan. Dalam kajian ini, penyelidik telah mendapatkan maklumat dengan menyediakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Bagi memastikan penganalisan data yang lebih tepat untuk mengukur pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak remaja, penyelidik telah menggunakan kaedah korelasi kerana kaedah ini akan memperlihatkan hubungan yang signifikan dalam pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut. Kaedah korelasi ini memberi penekanan terhadap sejauh mana korelevanan kaitan antara pemboleh ubah-pemboleh ubahnya. Reka bentuk kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan faktor dan kesan serta hubungan pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak remaja.

Populasi yang dipilih untuk kajian ini adalah seramai 18269 orang pelajar Universiti Putra Malaysia yang terdiri daripada 16 fakulti. Jumlah keseluruhan sampel yang dipilih berdasarkan jadual Krejcie & Morgan (1970) adalah seramai 379 orang pelajar. Pemilihan sampel ini juga merangkumi semua pelajar dari Tahun 1 sehingga Tahun 4. Sampel-sampel ini dipilih berdasarkan teknik persampelan rawak mudah.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set soal selidik yang telah diubahsuai daripada instrumen kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim et al. (2005) dan juga daripada kajian-kajian lepas yang berkaitan. Set soal selidik ini mengandungi empat bahagian utama yang melibatkan soalan tentang maklumat responden dan diikuti soalan berbentuk 5 skala Likert. Bahagian A adalah berkaitan dengan latar belakang responden kajian iaitu soalan demografi. Bahagian B adalah tentang jenis kandungan media massa yang diminati oleh pelajar dan bahagian C adalah tentang implikasi media massa terhadap akhlak pelajar dari aspek berpakaian, pergaulan, hiburan dan komunikasi. Data dianalisis menggunakan skor min. Interpretasi skor min adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 1.89	Sangat Rendah
1.90 - 2.69	Rendah
2.70 - 3.49	Sederhana
3.50 - 4.29	Tinggi
4.30 - 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Jainabee & Jamil (2009)

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jenis Kandungan Media Massa yang Paling diminati oleh Pelajar di UPM.

Jadual 2 menunjukkan jenis kandungan media massa yang paling diminati oleh pelajar UPM.

Jadual 2: Jenis kandungan media massa yang paling diminati oleh pelajar UPM

Bil	Item	Min	Int.
1.	Berita	3.50	Tinggi
2.	Sukan	3.47	Tinggi

3.	Komedi	4.26	Sangat Tinggi
4.	Perjudian	1.37	Sangat Rendah
5.	Seram	3.13	Sederhana
6.	Pendidikan	3.88	Tinggi
7.	Agama	4.02	Tinggi
8.	Pengetahuan Am	3.78	Tinggi
9.	Pornografi	1.40	Sangat Rendah
10.	Filem	4.13	Tinggi
11.	Games	3.55	Tinggi
12.	Lagu	4.56	Sangat Tinggi

Berdasarkan analisis kajian, jelas dinyatakan bahawa bahan media massa yang berbentuk lagu adalah bahan yang paling diminati pelajar. Keadaan ini adalah disebabkan industri muzik di negara ini semakin berkembang dan berlakunya penularan lagu-lagu dalam dan luar negara. Para remaja sangat meminati muzik yang sedia ada kerana mengikut peredaran zaman dan lebih menghiburkan. Jika dilihat pada perkembangan muzik di Malaysia pula sememangnya tidak dinafikan bahawa kita juga telah mengalami cetusan muzik yang pelbagai. Selain itu, berdasarkan kajian Juliana Abdul Wahab (2010), televisyen Malaysia yang banyak menyiarkan realiti program berkonsepkan muzikal dan nyanyian seperti Akademi Fantasia telah menjadi kegemaran rakyat Malaysia dan seterusnya menyebabkan mereka lebih terdedah kepada kandungan media massa berbentuk lagu. Selain dari rancangan program Akademi Fantasia, program yang berkonsepkan sama seperti Malaysia Idol juga berjaya menarik minat orang ramai.

Seterusnya, jenis kandungan media massa yang berbentuk humor juga merupakan salah satu bahan rancangan yang diminati oleh pelajar. Manusia memerlukan sesuatu yang berbentuk hiburan dan bergurau senda ketika berkomunikasi. Hal ini bertujuan untuk melepaskan tekanan yang dihadapi dan untuk merehatkan diri daripada penat berkerja dan menjalani kehidupan mereka. Menurut Micza (2004), komedi merupakan alat yang dapat membantu mengurangkan tekanan dan mengukuhkan kepercayaan antara sesuatu pihak dengan pihak yang lain. Penggunaan unsur komedi yang menjadi satu bentuk tarikan kepada masyarakat mampu mencatatkan kedudukan tertinggi dalam sesuatu rancangan televisyen. Seperti sedia maklum, ASTRO telah mewujudkan saluran khas bagi rancangan-rancangan yang berunsur komedi. Pada tahun 2009, ASTRO telah menubuhkan ASTRO Warna bagi memaparkan rancangan komedi seperti Raja Lawak serta Maharaja Lawak Mega dan seterusnya ASTRO menaikkan saluran tersebut kepada ASTRO Warna HD pada tahun 2017. Justeru, dengan adanya saluran khas bagi rancangan berunsur komedi ini telah meningkatkan pendedahan masyarakat kepada unsur komedi ini dan sekaligus menarik minat mereka terhadap jenis kandungan media massa seperti ini.

Namun begitu, walaupun media massa banyak memaparkan kandungan yang mempunyai unsur positif, tetapi masih ada rancangan atau kandungan media massa yang berunsur negatif. Antaranya adalah seperti perjudian dan pornografi. Menurut artikel yang dikeluarkan oleh Harian Metro yang bertarikh 23 Ogos 2017 yang bertajuk “Statistik mengejutkan”, Pengarah *Love Myself Campaign* Dr. Shamsuriani Md Jamal menyatakan bahawa “statistik global yang dikeluarkan laman web lucah di Amerika Syarikat baru-baru ini menyebut Malaysia antara negara paling tinggi di Asia yang menonton sumber pornografi. Malah daripada statistik itu, kaum wanita negara ini dikatakan mendahului kaum lelaki”. Berdasarkan kepada pendedahan tersebut, jelas menunjukkan situasi ini amatlah membimbangkan. Kesan daripada akses kepada bahan pornografi yang tidak terkawal boleh menyumbang kepada masalah sosial yang lain seperti rogol, cabul dan sebagainya. Selain itu, perjudian melalui media elektronik yang pada masa ini adalah sangat canggih. Perjudian adalah kandungan yang berunsur negatif kerana bertentangan dengan undang-undang dan seterusnya boleh memudaratkan diri.

Penampilan akhlak pelajar dari aspek berpakaian, pergaulan, hiburan dan komunikasi.

Analisis statistik deskriptif yang seterusnya adalah berkaitan dengan penampilan akhlak pelajar UPM kesan dari media massa. Ini dapat dilihat dalam Jadual 3, daripada sejumlah 20 item yang akan dibincangkan, item 1-5 merupakan penampilan akhlak pelajar dari aspek pakaian, manakala item 6-10

adalah penampilan akhlak dari aspek pergaulan, dari aspek hiburan pula adalah item 11-15 dan penampilan akhlak dari aspek komunikasi pelajar pula pada item 16-20.

Jadual 3: Penampilan akhlak pelajar kesan dari media massa

Bil	Item	Min	Int.
1.	Pakaian artis pujaan menjadi pilihan saya*	3.34	Sederhana
2.	Saya berfesyen mengikut trend terkini tanpa menjaga tatasusila*	4.04	Tinggi
3.	Fesyen dari barat menjadi pilihan saya*	3.72	Tinggi
4.	Saya lebih selesa mengenakan pakaian yang sopan	4.26	Sangat Tinggi
5.	Pemakaian baju dan seluar yang ketat memudahkan pergerakan saya*	3.88	Tinggi
6.	Saya tidak bersetuju dengan pergaulan tanpa batasan antara lelaki dan perempuan yang disiarkan di televisyen	3.85	Tinggi
7.	Saya suka meniru aksi-aksi romantic yang dipaparkan di media massa*	4.09	Tinggi
8.	Saya berpandangan pergaulan antara lelaki dan perempuan di televisyen boleh mempengaruhi cara pergaulan saya dan rakan rakan	3.26	Sederhana
9.	Saya berfikir terbuka tentang pergaulan bebas *	3.18	Sederhana
10.	Saya berpendapat bahawa setiap individu perlu menjaga batas pergaulan	4.47	Sangat Tinggi
11.	Hiburan di media massa dapat membantu mengurangkan stress	4.05	Tinggi
12.	Lagu-lagu terkini dapat memberi inspirasi kepada kehidupan saya	3.83	Tinggi
13.	Saya gemar mendapatkan hiburan berunsurkan keagamaan	3.79	Tinggi
14.	Saya terdedah kepada unsur keganasan melalui hiburan*	3.61	Tinggi
15.	Saya sering bermain games sehingga mengganggu tugas*	3.62	Tinggi
16.	Meluahkan masalah dalam media (facebook, twitter) sebagai satu cara untuk menyatakan perasaan*	3.47	Tinggi
17.	Suka berkongsi pandangan terhadap isu-isu dalam media massa	3.30	Sederhana
18.	Saya bercakap dengan sopan apabila sedang berbual	3.93	Tinggi
19.	Saya sering menggunakan perkataan yang tidak elok dalam komunikasi*	3.87	Tinggi
20.	Saya mudah terpengaruh menggunakan perkataan tidak elok yang dipaparkan di media massa*	3.64	Tinggi

*Item negatif

Berdasarkan hasil dapatan kajian, bagi aspek pakaian dapat dilihat pelajar masih menjaga adab sopan dalam berpakaian dimana item “saya lebih selesa mengenakan pakaian yang sopan” adalah pada tahap skor min yang sangat tinggi. Selari dengan ajaran Islam dimana menuntut untuk menjaga dan menutup aurat. Berdasarkan beberapa kajian lepas yang ditinjau, didapati majoriti umat Islam berpandangan positif tentang peraturan menutup aurat. Mereka juga mengakui bahawa menutup aurat membawa kebaikan berbanding dengan membuka aurat (Ahmad Marzuki dan Noor Betty Azura, 2008). Selain itu, media massa memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi cara berpakaian seseorang individu. Menurut Herwina (2017), media sosial telah menjadi medium yang memaparkan selebriti yang berpengaruh dalam mempromosi dan mengiklan gaya berpakaian yang terkini. Ini dapat dirujuk pada item “pakaian artis pujaan menjadi pilhan saya”. Namun begitu, item ini adalah pada tahap skor min yang sederhana dimana kebanyakan pelajar tidak terpengaruh dengan penampilan selebriti yang dipaparkan di media massa.

Seterusnya, bagi aspek pergaulan pula, dapatan kajian menunjukkan masih menjaga adab pergaulan dimana item “saya berpendapat bahawa setiap individu perlu menjaga batas pergaulan” adalah pada tahap yang sangat tinggi. Ini juga menunjukkan pelajar tahu dan sedar akan hukum dan larangan dalam adab pergaulan. Namun begitu, tidak dinafikan kebanyakan pelajar juga terpengaruh dengan aksi-aksi yang dipaparkan di media massa, dimana dapat dirujuk pada item “saya suka meniru aksi –aksi romantik yang dipaparkan di media massa” mendapat skor min yang tinggi. Menurut Dyah Kumalasari (2012), kebebasan media dalam memaparkan bahan rancangan dewasa telah

menyumbang kepada peningkatannya pergaulan bebas dalam kalangan remaja. Perkara ini perlu dikawal kerana jika tidak dikawal akan menyebabkan berlakunya lebih banyak masalah sosial dalam kalangan remaja khususnya pelajar.

Berdasarkan kajian Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali (2011) mengatakan bahawa rancangan televisyen merupakan medium untuk masyarakat mendapatkan hiburan. Hasil dapatan kajian bagi aspek hiburan mendapati majoriti pelajar berpendapat hiburan dapat mengurangkan stress. Hiburan seperti rancangan berbentuk humor atau lawak jenaka adalah pilihan utama dalam mengurangkan tekanan. Ini disokong dengan kajian Micza (2004) dimana humor merupakan alat yang dapat membantu mengurangkan tekanan dan mengukuhkan kepercayaan antara sesuatu pihak dengan pihak yang lain. Namun begitu, media massa juga memberikan kesan negatif dengan menayangkan hiburan berbentuk keganasan. Purata sebanyak 3.61 orang pelajar mengakui mereka terdedah dengan unsur keganasan dalam hiburan. Menurut kebanyakan remaja suka menonton televisyen, secara tidak langsung mereka akan terpengaruh dengan watak antagonis atau watak jahat dalam rancangan tersebut. Selain itu, filem-filem atau aksi ganas yang ditunjukkan dalam media telah menyebabkan pelajar cenderung untuk bertingkah laku agresif. Kajian Amir Hassan Dawi (2002) juga menyokong dimana filem, surat khabar, majalah, novel, buku, internet, media interaktif dan televisyen yang menonjolkan budaya kuning telah menimbulkan masalah dalam perubahan tingkah laku fizikal, verbal, nonverbal, antisosial dan jenayah dalam kalangan pelajar.

Pendedahan generasi muda terhadap media komunikasi baru ini tidak boleh dipandang rendah. Jika selama ini media arus perdana seperti surat khabar, televisyen dan radio digunakan untuk menyampaikan mesej, namun keupayaan media dunia siber ini tidak boleh diabaikan. Semasa berkomunikasi aspek kesantunan harus juga dititik beratkan. Kesantunan bahasa ini merujuk nilai sopan, menggunakan perkataan yang sopan, halus dan indah (Ainal Akmar Ahmad et al, 2016). Kesopanan dalam berkomunikasi ini dapat menggambarkan akhlak seseorang individu. Awang Sariyan (2007) menjelaskan kesantunan sebagai santun, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicara. Hasil dapatan kajian menunjukkan purata skor bagi “saya bercakap dengan sopan apabila sedang berbual” dengan “saya sering menggunakan perkataan yang tidak elok dalam komunikasi adalah tidak jauh beza iaitu 3.93 dan 3.87. Ini menunjukkan masih banyak pelajar terpengaruh dengan media massa dari aspek komunikasi.

Perkaitan di antara Kandungan Media Massa dengan Akhlak Pelajar dari Aspek Berpakaian, Pergaulan, Hiburan dan Komunikasi.

- Ho1 : Tidak terdapat hubungan signifikan antara kandungan media massa dengan akhlak pelajar dari aspek pakaian.
- Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kandungan media massa dengan akhlak pelajar dari aspek pergaulan.
- Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kandungan media massa dengan akhlak pelajar dari aspek hiburan.
- Ho4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kandungan media massa dengan akhlak pelajar dari aspek komunikasi.

Jadual 4: Hubungan antara jenis kandungan media massa dengan penampilan akhlak pelajar UPM

	Akhlak Pelajar	Pakaian	Pergaulan	Hiburan	Komunikasi
Akhlak Pelajar	-	-	-	-	-

Pakaian	-0.054 (0.367)	-	-	-	-
Pergaulan	0.091 (0.127)	0.436** (0.000)	-	-	-
Hiburan	0.227** (0.000)	0.139* (0.019)	0.184** (0.002)	-	-
Komunikasi	0.082 (0.166)	0.373** (0.000)	0.321** (0.000)	0.343** (0.000)	-

Aras keertian $p < 0.05$

Beberapa ujian Pearson's Correlation telah dilakukan untuk melihat hubungan antara beberapa pemboleh ubah. Dalam Jadual 4 di atas adalah ringkasan dapatan kajian yang telah dijalankan. Tahap signifikan diukur pada aras keertian $p < 0.05$. Hasil analisis yang dipengaruhi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kandungan media massa yang diminati dengan penampilan akhlak pelajar UPM dari aspek berpakaian ($r = -0.054$, $p = 0.367$), pergaulan ($r = 0.091$, $p = 0.127$) dan komunikasi ($r = 0.082$, $p = -0.166$). Walau bagaimanapun, terdapat hubungan yang signifikan antara jenis kandungan media massa dengan penampilan akhlak pelajar dari aspek hiburan ($r = 0.227$, $p = 0.000$). Hasil kajian menunjukkan hipotesis nul bagi aspek pakaian, pergaulan dan komunikasi diterima kerana tidak terdapat hubungan signifikan bagi pemboleh ubah tersebut. Manakala, hipotesis nul bagi aspek hiburan tidak diterima kerana terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah tersebut.

Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan kandungan media massa tidak dapat mempengaruhi akhlak pelajar dari segi berpakaian, pergaulan dan komunikasi. Namun begitu, hasil kajian mendapati kandungan media massa boleh mempengaruhi akhlak pelajar dari aspek hiburan. Dapatan kajian ini bertentangan dengan hasil kajian lepas iaitu kajian Wan Norina et al (2013) yang menyatakan terdapat hubungan di antara jumlah bahan rancangan dengan penampilan akhlak pelajar dari aspek pakaian, pergaulan, hiburan dan komunikasi. Perbezaan hasil kajian ini mungkin disebabkan berlakunya perbezaan latar belakang responden. Kajian lepas menggunakan responden yang berlatar belakang agama Islam manakala kajian yang dilakukan ini adalah terdiri daripada responden yang berbagai pegangan agama.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, akhlak pelajar Universiti Putra Malaysia dalam kajian ini adalah berada dalam keadaan baik. Ini menunjukkan media massa banyak memberi pengaruh positif kepada pelajar dan mereka masih boleh memilih antara yang berfaedah atau yang sebaliknya. Namun begitu, dapatan kajian juga menunjukkan minat pelajar terhadap kandungan media massa yang berbentuk *games*, perjudian dan pornografi. Hal ini boleh memberi kesan negatif kepada penampilan akhlak pelajar jika tidak dipantau. Walaupun hanya segelintir sahaja yang terpengaruh dengan kandungan media massa negatif ini. Justeru itu, pelajar perlulah bijak dalam memilih kandungan media massa dan menjauhi kandungan yang berunsur negatif. Pemilihan kandungan media massa yang berunsur negatif boleh merosakkan akhlak seseorang pelajar. Oleh itu, perkara ini perlu lah dititik beratkan bagi membentuk perilaku dan akhlak yang baik.

RUJUKAN

- Hamat, W. N. W. (2017). Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar Islam Politeknik Malaysia. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 1(1).
- Hamid, S. A. (2016). *Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat*. e-Bangi, 11, 214-226.

- Iksan, M. A. (2010). *Pengaruh budaya hedonisme di kalangan pelajar-pelajar Islam: kajian di SMK Tengku Idris Shah, Kapar, Klang/Mohd Ali bin Iksan* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Ismail, S. (1999). Religious “orthodoxy” as public morality: The state, Islamism and cultural politics in Egypt. *Critique: Journal for Critical Studies of the Middle East*, 8(14), 25-47.
- Ramli, R. (2016). Sejauhmana kebebasan dalam media sosial: peradaban sosial dan privasi dalam sempadan keagamaan. *Journal of Techno Social*, 8(1).
- Rahim, S. A., & Pawanteh, L. (1999, December). The Emerging Generation: Media Penetration and the Construction of Identity among Young Adults in Malaysia. In *Conference on Identities in Action, University of Wales, Aberystwyth* (pp. 10-12).
- Rose, D. H., & Wasson, J. (2008). *Universal design for learning guidelines 1.0*.
- Tamuri, A. H., & Ismail, Z. (2005). Hubungan media massa dengan pegangan akhlak dan pengajaran pendidikan Islam. *Laporan Penyelidikan UKM. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Wahab, J. A. (2010). Malaysian reality tv: Between myth and reality: *Malaysian Journal of Communication*, 26(2).
- Yaacob, Z. (2010). *Pengaruh keganasan dalam media terhadap tingkah laku agresif remaja* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Profil Penulis

Farah Husna Anwar

Pelajar Sarjana Pembangunan Komuniti
Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
farahhunaa95@gmail.com

Mohammad Mujaheed Hassan, (PhD)

Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
mujaheed@upm.edu.my

Wan Nur Nazihah Wan Hamzah

Pelajar Sarjana Pembangunan Komuniti
Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
nazihahupm@gmail.com

Samir Muhazzab Amin

Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
samir@upm.edu.my

Azlina Mohd Khir, (PhD)

Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
m_azlina@upm.edu.my

PANDUAN KEPADA PENYUMBANG

Malaysian Journal of Youth Studies ialah sebuah jurnal berwasit yang komited kepada perkembangan ilmu pengajian belia. Jurnal ini menerbitkan artikel yang pastinya boleh menjadi input berguna kepada para pembuat keputusan, sarjana serta individu perseorangan dalam aspek pembangunan belia. Jurnal ini diterbitkan oleh IYRES secara berkala dua (2) kali setahun.

PROSEDUR PENYERAHAN MANUSKRIP

Malaysian Journal of Youth Studies menerbitkan manuskrip yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Manuskrip yang diserahkan untuk diterbitkan dalam jurnal ini hendaklah merupakan karya asli yang belum pernah diterbitkan atau tidak dihantar untuk pertimbangan oleh mana-mana penerbitan lain. Manuskrip, hendaklah diserahkan kepada Urusetia, *Malaysian Journal of Youth Studies* (MJYS), Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Biodata ringkas penulis juga perlu disertakan bersama.

Para penulis yang manuskripnya telah diterima untuk penerbitan dikehendaki menghantar sesalinan manuskrip akhir yang telah disunting dalam bentuk soft copy. Satu nota ringkas biografi penulis perlu disertakan bersama-sama dengan manuskrip. Semasa manuskrip masih dalam pertimbangan Lembaga Editorial, para penulis bertanggungjawab menghubungi editor untuk memaklumkan tentang sebarang perubahan alamat.

FORMAT DAN GAYA

Tajuk sesuatu manuskrip perlulah ringkas, deskriptif dan seharusnya tidak melebihi 15 perkataan. Setiap manuskrip harus mempunyai abstrak (150 hingga 250 patah perkataan) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang berkisarkan isi-isi utamanya termasuk kata kunci sekurang-kurangnya lima (5) perkataan, tujuan, objektif, metodologi, dapatan dan rumusan. Penulisan artikel di antara 15 hingga 20 muka surat sahaja.

Semua ilustrasi termasuk rajah, carta dan graf, mesti dilabel dan disediakan dalam halaman bersama dengan teks. Kedudukan ilustrasi seperti yang dikehendaki dalam teks hendaklah ditanda dengan jelas.

Rujukan dalam teks hendaklah menggunakan sistem nama penulis dan diikuti oleh tahun penerbitan. Satu senarai rujukan yang disusun mengikut abjad hendaklah dimasukkan di bahagian akhir sesebuah manuskrip. Kesemua rujukan yang dipetik dalam teks haruslah muncul dalam kesempurnaan maklumat dan senarai rujukan. Semua manuskrip mesti mengikut garis panduan rujukan A.P.A (*The American Psychological Association*).

HAK CIPTA

Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan manuskrip mereka tidak melanggar mana-mana hak cipta sedia ada. Penulis bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada para editor dan penerbit ke atas sebarang pelanggaran terhadap hak cipta. Para penulis seharusnya mendapatkan keizinan untuk menerbitkan semula atau mengubahsuai bahan-bahan yang mempunyai hak cipta dan menunjukkan bukti keizinan tersebut semasa menyerahkan naskhah akhir manuskrip.

PROSES PEWASITAN

Sesebuah manuskrip akan dinilai oleh Lembaga Editorial dan diwasitkan. Keputusan tentang penerbitan sesebuah manuskrip berdasarkan kepada saranan ahli-ahli Lembaga Editorial. Sesebuah manuskrip akan dinilai *berasaskan kesesuaiannya dengan Malaysian Journal of Youth Studies* sumbangan kepada disiplin ilmu, kejutuan analisis, keluasan konseptual, persembahan yang jelas dan kesempurnaan teknikal. Bagi memastikan sesebuah manuskrip dinilai semata-mata berdasarkan meritnya, identiti

penulis semasa proses perwasitan tidak didedahkan kepada wasit. Manuskrip yang diserahkan oleh mana-mana anggota Lembaga Editorial juga tertakluk kepada prosedur perwasitan yang sama.

GUIDE TO CONTRIBUTORS

Malaysian Journal of Youth Studies is a refereed journal committed to youth developmental studies. The articles published in this journal is beneficial to decision makers, scholars or individuals related to youth development. This journal is published by IYRES twice a year.

MANUSCRIPT SUBMISSION PROCESS

Malaysian Journal of Youth Studies is published in both Malay and English languages. The manuscript submitted for publication must be authentic and has never been published in any journal or never been sent to any other publication. The manuscript must be single spacing and typed in an A4 paper, to be submitted to the Secretariat, Malaysian Journal of Youth Studies (MJYS), Institute for Youth Research Malaysia. The biodata of the author is to be appended.

The authors whose manuscript have been accepted for publication are required to submit a duly edited soft copy version together with a biography of the authors. In the course of the Editorial Board consideration, the authors are responsible to inform of any changes in address.

FORMAT AND STYLE

The title of the manuscript must be concise, descriptive and should not be more than 15 words. Each manuscript must contain an abstract (150-250 words) in Malay and English languages describing its main points including five (5) key words, the aim, objectives, methodology, findings and conclusions. The article should only be between 15-20 pages.

All illustration including diagrams, charts and graphs are to be labelled and placed in the same page as the texts. The placement of the illustration must be labelled clearly.

References in the text should be indicated by giving the names(s) of the author(s) followed by the year of publications. A list of references in alphabetical order should be appended at the end of the manuscript. All cited information must be accurate and listed in the reference. The manuscripts must adhere to the guidelines format in A.P.A (American Psychological Association).

COPYRIGHT

The authors are fully responsible to ensure their manuscripts do not infringe any copyrights, should such infringement occur; the authors shall be made accountable to indemnify the editor and publisher. The authors are expected to obtain consent for any reproduction or modification of any copyrighted materials and to exhibit the consent during the final submission.

REVIEW PROCESS

Manuscripts will be reviewed by the Editorial Board. The decision for publication will be based on the recommendation by the Editorial Board. The manuscripts will be evaluated based on its suitability to Malaysian Journal of Youth Studies, *Contribution* to knowledge, accuracy of analysis, conceptual breath, clarity of presentation and technical strength. In order to ensure the manuscripts are evaluated based on merits, the identities of the authors are not disclosed during the review process. Manuscripts submitted by the Editorial Board are subjected to the same procedure.

Malaysian Journal of Youth Studies Malaysia diterbitkan dua kali setahun oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Segala pandangan yang tersiar dalam *Malaysian Journal of Youth Studies*, kecuali dinyatakan sebaliknya, adalah pandangan masing-masing penulis, dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Sidang Editor. Semua surat-menyurat mengenai makalah dan sehubungan dengannya hendaklah dialamatkan kepada:

Malaysian Journal of Youth Studies is published biannually by the Institute for Youth Research Malaysia, Ministry of Youth and Sports Malaysia. All views expressed in Malaysian Journal of Youth Studies, unless otherwise stated, are those of the contributors, and do not necessarily reflect the views of the Editorial Board. All correspondence pertaining to articles and related matters should be addressed to:

Executive Editor/ Editor Kerja

Malaysian Journal of Youth Studies

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) Aras 10, Menara KBS

No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8871 3705/3790

Faks: 03-8871 3342

Email: malaysianyouth@iyres.gov.my

<http://www.iyres.gov.my>

Profil Sosio-Demografi Mat Motor Di Pulau Pinang, Malaysia

Zalmizy Hussin & Siti Rohana Ahmad

Sokongan Serta Peranan Ahli Keluarga Dan Masyarakat Untuk Penagih Bebas Dadah

Wan Nur Nazihah Wan Hamzah, Mohammad Mujaheed Hassan, Farah Husna Anwar, Wan Munira Wan Jaafar & Amna Md Noor

A Health Belief Perspective Of Quit Smoking Clinic Attendees Intention To Quit Smoking

Ooi Swee Yaw, Thinavan Periyayya & Santhidran Sinnappan

Factors That Influence The Perceived Risk Towards E-Wallet Platform In Malaysia

Nurul Nabilah Mohd Razif, Masnita Misiran, Zahayu Md Yusof & Hasimah Sapiri

Pengaruh Teknologi Media Terhadap Penguasaan Bahasa Inggeris Golongan Remaja Milenial: Satu Kajian Kualitatif

Ainul Mardhiyah Mat Yusoff & Mohd Azrin Mohd Nasir

Perkaitan Media Massa Dengan Akhlak Pelajar, Kajian Kes: Universiti Putra Malaysia

Farah Husna Anwar, Mohammad Mujaheed Hassan, Wan Nur Nazihah Wan Hamzah, Samir Muhazzab Amin & Azlina Mohd Khir

Published by/diterbitkan oleh

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)

Aras 10, Menara KBS
No .27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8871 3330

Faks: 03-8871 3342

Website: <http://www.iyres.gov.my>

